

"KEUPAYAAN kita sebagai bangsa yang merdeka hendaklah diperkuatkan lagi dengan mengukuhkan institusi keluarga serta menjaga keharmonian dalam hidup berumah tangga, bermasyarakat dan bernegara, di samping tekun menjalankan suruhan agama dan meninggalkan segala larangan-Nya." - Titah sempena Hari Raya Aidiladha dan Hari Kebangsaan Ke-18 pada 23 Februari 2002.

Pelita بروني BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"MAKA tatkala mereka melupakan (tidak menghiraukan) apa yang telah diperingatkan kepada mereka. Kami selamatkan orang-orang yang melarang daripada perbuatan jahat itu dan Kami timpakan orang-orang yang zalim dengan azab seksa yang amat berat disebabkan mereka berlaku fasiq (derhaka)." - Surah Al-A'raf ayat 165.

TAHUN 50 BILANGAN 12

RABU 23 MAC 2005/1426 رابو 12 صفر

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

190 orang lagi menerima lot tanah, anak kunci rumah

MUKIM GADONG, 17 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penganugerahan lot-lot tanah dan anak-anak kunci rumah kepada 190 penerima berlandaskan di Sekolah Rendah Rimba II di sini.

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad, Menteri Pembangunan; Dato Paduka

Awang Haji Adnan, Pegawai Daerah Brunei dan Muara serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Dalam majlis itu, baginda menganugerahkan kepada 65 penerima lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampong Rimba (bagi pegawai kerajaan Bahagian II), 99 penerima lot tanah di bawah RPN Kampong Rimba (bagi pegawai dan kakitangan kerajaan Bahagian III, IV dan V), dua orang penerima anak kunci rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Rimba, 23 orang penerima anak kunci rumah di bawah Skim Penempatan Semula Kampong Ayer di Kampong Rimba dan seorang peneri-

Liputan Sahari Akim dan Samle Haji Jait

ma di bawah Skim Penempatan Semula Kampong Ayer di Kampong Mata-Mata, Gadong.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji Noor Asmawi bin Pengiran Haji Ahmad.

Selesai majlis penganugerahan, baginda kemudiannya berkenan melawat ke Sekolah Rendah Rimba II, Sekolah Antarabangsa Jerudong dan ke rumah para peserta penerima anak-anak kunci rumah di bawah Skim Penempatan Semula Kampong Ayer di Kampong Rimba.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat melawat Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) di Kilometer 8, Jalan Gadong sambil berkenan menerima sembah penerangan ringkas oleh seorang pegawai badan tersebut. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 8 dan 9).

KELUARGA RIANG, MASYARAKAT CEMERLANG, NEGARA TERBILANG

ANTARA YANG MENARIK

Haluan : Hidupkan semula zaman kegemilangan Persatuan Belia

- Muka 2

Budaya Membaca: Mengapa kita masih jauh ketinggalan

- Muka 7

Kebawah DYMM berkenan menganugerahkan lot-lot tanah dan kunci, berkenan berangkat ke Mukim Gadong

- Muka 8 dan 9

Rebut peluang pelaburan dalam agribisnes

- Muka 2 ANEKA

Lawatan Rasmi DYT dan YTM ke Republik Singapura

- Muka 8 dan 9

ANEKA

Menjaga Kesihatan Biskita: Hepatitis C

- Muka 10 ANEKA

\$394 juta untuk tingkatan bekalan air

BERAKAS, 22 Mac. - Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan sejumlah \$394 juta di dalam

Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 bagi projek-projek meningkatkan sumber dan bekalan air.

Dalam tempoh berkenaan, negara telah berupaya mengeluarkan sebanyak kira-kira \$80 juta liter

air bersih sehari dibandingkan hanya 400 juta liter sehari pada penghujung RKN Ke-7 dan negara telah menganggarkan keperluan kira-kira 485 juta liter sehari pada tahun 2015.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad menjelaskan perkara itu di Majlis Pelancaran Hari Air Sedunia di Lobi Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, di sini.

Bekalan air bersih di negara ini telah menembusi hampir 100 peratus kepada penduduk di seluruh negara dengan mengikut piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang dimantapkan menerusi perancangan RKN secara berperingkat-peringkat sehingga RKN pada hari ini.

Oleh Samle Haji Jait

"Kita di Negara Brunei Darussalam ini adalah saya katakan amat beruntung, yang mana kita masih mempunyai sumber bekalan air yang mencukupi bagi keperluan masa sekarang dan masa hadapan," jelas Yang Berhormat.

Antara projek yang sedang dan akan dilaksanakan ialah pembinaan empangan, loji-loji rawatan air, tangki-tangki takungan air dan penggantian paip-paip bekalan air, di samping membuat pengkajian bagi mengenal pasti sumber-sumber air yang berpotensi untuk dimajukan dalam jangka panjang dengan mengambil langkah-langkah bersesuaian bagi memastikan sumber-sumber berkenaan akan kekal dan tidak dicemari.

Pada 10 tahun yang lalu, penggunaan air di negara ini telah meningkat kira-kira 177 juta liter sehari dari tahun 1991 kepada 337 juta liter sehari pada tahun 2001 dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 91 peratus dalam masa 10 tahun.

Penggunaan air dijangka akan terus meningkat lagi di masa akan datang di mana menjangkau 485 juta liter sehari pada tahun 2015.

"Malangnya, tahap kenikmatan yang tinggi itu mungkin menjadikan kita sudah leka. Penggunaan air per kapita di negara ini adalah yang tertinggi di rantau ini iaitu di tahap 450 liter setiap seorang sehari berbanding dengan 200 liter seorang sehari bagi Malaysia dan 168 liter di Singapura," jelas Menteri Pembangunan.

Lihat muka 16

TAHUKAH AWDA

PADA akhir tempoh Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8, keperluan air di Negara Brunei Darussalam dijangka meningkat kepada 360.7 juta liter sehari dan dijangka meningkat lagi kepada 485.8 juta liter sehari menjelang tahun 2015. Sementara per kapita penggunaan harian akan bertambah dari 469 liter pada tahun 2005 kepada 473 liter pada tahun 2015. Rangkaian paip air pula ialah sejauh 2,126 kilometer iaitu 13 kali ganda panjang pantainya. - Sumber : Rancangan Kemajuan Negara Kelapan 2001 - 2005 (tt:172) & Risalah 'Let's Learn About Drinking Water! Bandar Seri Begawan : Department of Water Services, Public Works Department 2005.

Perlawanan Separuh Akhir Piala Hassanal Bolkiah, 23 Mac



www.hassanalbolkiah.trophy.com



THAILAND



LAOS



MYANMAR



VIET NAM

Stadium Negara Hassanal Bolkiah - 4.00 petang

Stadium Negara Hassanal Bolkiah - 8.00 malam



دشن نام الله يغمها
شموره دان مها قبايغ

Dari Sidang Pengarang

23 MAC 2005 BERSAMAAN 1426 صفحہ 12

AIR UNTUK KEHIDUPAN

MENURUT perangkaan rasmi sehingga akhir tempoh Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ketujuh 1996-2000 (RKN Ke-7), 99.9 peratus daripada jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam telah dapat menerima bekalan air bersih. Ini bermakna hampir keseluruhan penduduk termasuk di pedalaman menikmati. Kadar tarif air di negara ini juga adalah yang termurah di kalangan negara-negara ASEAN. Menurut perangkaan lagi, penggunaan air domestik adalah yang tertinggi jika dibandingkan dengan nisbah penduduk kira-kira 300 ribu orang. Berdasarkan realiti itu, jangan sampai 'kemewahan' bekalan air dan kadar bayaran yang murah itu mengundang masyarakat kita tidak begitu prihatin dan berjiwat cermat dalam penggunaan air. Namun apa yang terjadi, sesetengah masyarakat langsung tidak menghiraukan sumber 'berharga' itu. Perbuatan membazir air terus berlaku, mereka membuang air sesuka hati.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada setiap berbelanja besar dalam menyediakan bekalan air. Sebagai contoh, dalam RKN Ke-8 (2001-2005), saja kerajaan memperuntukkan B\$394,800 juta atau 5.41 peratus dari peruntukkan sektor penggunaan awam yang berjumlah B\$1,152,400 juta. Peruntukan itu disediakan memandangkan keperluan air dijangka meningkat kepada 360.7 juta liter sehari pada tahun 2005 dan terus meningkat kepada 485.8 juta liter sehari menjelang tahun 2015. Sementara per kapita penggunaan harian akan bertambah dari 469 liter tahun 2005 kepada 473 liter pada tahun 2015.

Oleh sebab penggunaan air per kapita semakin meningkat, maka kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kesedaran orang ramai untuk menjimatkan air sekurang-kurangnya 20 peratus di tahap penggunaan air masa kini. Sepatutnya kita perlu bersikap rasional dan mengubah paradigma untuk membantu kerajaan dalam menangani fenomena pembaziran air yang berlaku berleluasa di sana sini.

Krisis air yang dihadapi oleh beberapa negara sepatutnya mengajar kita supaya menghargai betapa pentingnya air kepada kehidupan manusia. Tetapi apa yang mendukacitakan kita seolah-olah memejamkan mata mengenai keadaan itu. Kita bermewah-mewah dengan air, membazir dan tidak menghargai nikmat anugerah Allah itu. Sebagai contoh, ramai orang kitani lebih selesa mencuci kereta dengan air daripada tidak peka air yang terbuang serta tidak peduli melihat paip bocor di sana sini. Mungkin mereka menganggap bayaran air terlalu murah jadi tidak siapa peduli untuk berjimat, tidak seperti bekalan elektrik. Jika diteliti, kegiatan-kegiatan seperti mencuci kereta, menyiram pokok dan rekreasi yang kadangkala berada di tahap pembaziran di mana tabiat dan simptom seperti ini sudah menjadi budaya dalam kehidupan harian kita.

Jadi di manakah tanggungjawab kita? Mengapa kita terlalu membazir air? Jika sumber air yang ada ini kita tidak pelihara dengan baik, tidak mustahil satu hari nanti kita tidak akan ada bekalan yang cukup untuk kegunaan harian. Apabila lagi dengan kerancangan pembangunan infrastruktur, pertambahan perumahan dan pewujudan lebih banyak tapak-tapak industri. Maka amatlah wajar bagi semua pihak - kerajaan, NGO, industri dan masyarakat bahu-membahu bekerjasama mempertahankan sumber air untuk kegunaan masa akan datang. Peranan rakyat dan penduduk sebagai pengguna air terbanyak adalah senjata utama dalam mempertahankan bekalan air negara. Memang benar, kerajaan boleh membina seberapa banyak empangan dan loji penapisan air, tetapi itu tidak akan menyelesaikan sebarang masalah jika air terus dibazirkan. Isu membazir air perlu ditangani segera dan secara berkesinambungan. Kita perlu bijak dalam menggunakan air. Jangan sampai nanti, dengan sikap suka membazir akan mengundang 'mudarat' kepada generasi kita di masa depan nanti.

Kita perlu ingat bahawa berdasarkan laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) terdapat kira-kira 1.1 bilion penduduk dunia yang tidak memperoleh kemudahan air selamat; 2.4 bilion yang hidup tanpa kemudahan kebersihan awam yang asas, empat bilion kes diareha di seluruh dunia setiap tahun dan 2.2 juta daripadanya berakhir dengan kematian dan sejuta lagi mati setiap tahun akibat malaria. Menurut unjuran Suruhanjaya Dunia Mengenai Air Untuk Abad Ke-21, meramalkan hampir 450 juta penduduk di 29 buah negara mengalami masalah bekalan air dan jumlah ini dijangka melonjak kepada hampir 2.5 bilion orang pada 2050. Apakah senario itu tidak memberikan keinsafan kepada kita?

Kerajaan, alhamdulillah tidak serik untuk mengemukakan pelbagai kempen seperti penjimatan air secara berterusan melalui media-media massa, melaksanakan pembangunan yang mampan dan terurus, memelihara hutan terutama kawasan tadahan serta memberikan kesedaran dan maklumat yang tepat kepada rakyat dalam usaha memastikan kepentingan sumber air terjamin. Namun tugas itu bukan semata-mata tanggungjawab kerajaan tetapi mustahak dipikul oleh setiap anggota masyarakat. Kita semua berperanan untuk memelihara bekalan air agar terjamin kekal untuk generasi akan datang. Hargailah air demi masa depan.

Sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2005 yang diraikan di seluruh dunia pada 22 Mac setiap tahun, harus menjadi perangsang dan penyegar kepada iltizam dan tindakan kita terhadap pengalihan dan penggunaan air yang lebih cekap. Marilah bersama-sama bertanggungjawab untuk menjaga sumber air kita. Setidak-tidaknya jimatkan air untuk keperluan di masa depan. Berlaku bijaklah dalam penggunaan air. Janganlah membazirkan sumber berharga itu sesuka hati tanpa memikirkan risikonya di kemudian nanti. Jadilah masyarakat yang bertanggungjawab dan menghargai setiap titik air yang kita gunakan sesuai dengan tema tahun ini 'Air Untuk Kehidupan'.

HALUAN...

HIDUPKAN SEMULA ZAMAN KEGEMILANGAN PERSATUAN BELIA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

SESUNGGUHNIA saya bersyukur dan bergembira dapat bertemu dan bersemuka dengan Ahli-ahli Majlis Belia Brunei yakni MBB yang pernah saya sertai dan berkecimpung secara aktif empat dekad yang lalu, menaikkan semula semangat saya bila mengingatkan pengalaman, perjuangan dan liku-liku yang dilalui oleh MBB sewaktu penubuhan awalnya. Hanya usia yang menjadikan saya lebih tua dan tanggungjawab yang lain menghalang saya untuk terus bergiat secara aktif dalam MBB. Apa yang saya mungkin dapat mampu hulurkan hanyalah sekadar sokongan moral dan doa kepada usaha-usaha dan aktiviti-aktiviti yang berkebakikan yang dijalankan oleh MBB dan turut sama bergembira atas kejayaan-kejayaan yang dicapai olehnya.

Sebagaimana yang saya pernah nyatakan kepada MBB sebelum ini iaitu dalam konteks pengolahan pembangunan bangsa dan Negara Brunei Darussalam adalah wajar dan penting untuk ditentukan pertapakannya masa kini dan haluan masa depan setelah kita mengetahui sejarahnya. Kita tidak akan membangun dengan jayanya apabila kita lupa atau sengaja melupakan sejarah awal seperti mana amalan seorang doktor yang mementingkan sejarah pesakitnya sebelum menentukan ubat dan cara rawatan yang akan diberikan.

Apabila menyingkap sejarah penubuhan awal persatuan-persatuan di negara ini di sekitar tahun 60-an telah menampakkan perkembangan yang sungguh membanggakan dalam mana pada tahun 60-an merupakan era kegemilangan bagi persatuan-persatuan dan pertubuhan belia di negara ini. Dari seawal-awal tahun 60-an, persatuan belia sudah bergabung (affiliated) dengan persatuan luar negara yakni WAY. Pergerakan belia dan persatuan-persatuan terlampau lebih menonjol pada pertengahan tahun 60-an melalui dua fakta utama yang berkaitan yang membantu perkembangan tersebut.

Pertama ialah sokongan kerajaan sehingga kini terdapat pergerakan belia dan kedua ialah pucuk pimpinan dan semangat dan keghairahan belia di zaman itu. Di awal penubuhannya dalam pertengahan tahun 60-an, MBB telah dapat memberikan keyakinan kepada kerajaan dan masyarakat betapa badan ini memiliki potensi yang besar untuk memajukan bidang sosio-ekonomi, budaya bangsa dan negara.

Keyakinan ini saya ingat dan percaya adalah berdasarkan kepada pucuk pimpinan MBB yang mantap yang diterajui oleh belia muda lepasan pengajian tinggi luar negeri seperti antaranya Md. Zain Haji Serudin, Yahya Yusof, Ahmad Kadi, Musa Eden, Suni Idris dan diikuti kemudiannya akhir-akhir ini oleh Junaidi Orang Kaya Safar dan Haji Md. Zain bin Tengah dan banyak lagi antara yang bertanggungjawab dalam merangka fungsi pergerakan MBB yang berdasarkan kepada perlembagaan dan objektif utamanya iaitu untuk meningkatkan kemajuan dalam bidang ekonomi belia di samping pergerakan-pergerakan yang sihat di bidang sosial dan kebudayaan.

Maka, dengan fakta-fakta ini ditambah lagi dengan suasana yang kondusif dan menggalakkan, tidak hairanlah pertubuhan persatuan-persatuan begitu pesat ibarat cendawan tumbuh di musim hujan, bergiat dalam pelbagai macam bidang terutamanya bidang ekonomi, sosial dan sukan. Dalam bidang ekonomi, banyak yang menjalankan perusahaan seperti perkhidmatan-perkhidmatan bas sekolah, stesen-stesen mi-

nyak, kedai-kedai kopek-ratif, ladang-ladang pertanian dan seumpamanya.

Ada persatuan yang menjalankan aktiviti-aktiviti dalam kebudayaan seperti puisi, bahas, perkampungan, sastera dan tidak kurang pula yang bergiat aktif dalam bidang sukan. Pada misalunya, Persatuan Kampong Sumbiling yang dipimpin oleh Awang Haji Hussain bin POKDG Haji Md. Yusof terkenal dengan pasukan bola sepaknya, di mana lebih dari separuh pemain bola sepaknya diserapkan dalam Pasukan Kebangsaan Brunei di tahun 60-an. Pada hakikatnya semangat waja yang berkobar-kobar dan keghairahan ahli-ahli persatuan di bawah bimbingan MBB sebagai induknya memberikan nafas dan kekuatan kepada pergerakan persatuan-persatuan di negara ini. Pada waktu itu, MBB berslogankan 'Belia Sedar Mewakili Zaman-nya'. Kredibiliti MBB begitu cemerlang sehingga Majlis Kongres MBB dibuka rasmi sendiri oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, membayangkan betapa tingginya penghormatan yang pernah dikurniakan kepada MBB.

Mungkin sudah tersurat ... yang aktif menjadi lemah dan yang bermula menemui kesudahan dan seterusnya ... hanya perwira waja sahaja yang terus berjuang.

Era kegemilangan persatuan belia yang dikecapi pada tahun 60-an seolah-olah berakhir dan mula menurun setelah melalui dekad berikutnya, sebagai mana juga dengan penubuhan awalnya yang begitu banyak, begitu jua kemerosotan dan kemalapannya. Potensi yang cerah seolah-

olah menjadi malap. Satu demi satu persatuan-persatuan di negara ini terhenti dan hilang begitu saja, yang tinggal hanya beberapa buah persatuan saja yang berupaya meneruskan kegiatannya terutamanya yang berkecimpung dalam bidang ekonomi. Mengapa perkara sebegini boleh berlaku? Banyak punca dan alasan yang dapat disenaraikan dan dibahaskan dan boleh diambil sebagai satu pengajaran dan iktibar.

Dalam hubungan ini saya berpendapat bahawa MBB sebagai induk kepada pertubuhan belia di negara ini harus mengumpul data-data dengan jujur dan saksama terhadap kemajuan yang telah dicapai dan dalam masa yang sama meninjau kembali kegagalan yang berlaku dan seterusnya mencari jalan atau petua yang benar-benar pragmatik untuk menghidupkan zaman kegemilangannya dengan memperluaskan peranannya dalam perspektif dan bentuk baru yang memfokus kepada perkembangan sosioekonomi dan teknologi masa kini dan akan datang selaras dengan aspirasi negara dalam menghadapi cabaran globalisasi dan alaf 21 ini.

Peranan tersebut sudah setentunya meluas mencakupi antara lain keperluan pendidikan dan peningkatan kemahiran para belia, dalam sama-sama membantu lepasan sekolah dan para belia untuk mendapatkan pekerjaan dan berkecimpung dalam bidang perniagaan dan dengan demikian dapat mengurangkan masalah pengangguran di kalangan para belia.

Kita sedia maklum masyarakat masa kini melalui

kehidupan moden yang terbuka yang dibawa oleh arus perkembangan ICT dan globalisasi yang mempengaruhi semua corak kehidupan kita malah menukar pemikiran dan ekspektasi ke tahap yang berlainan. Sungguhpun perkembangan ini banyak membawa kebaikan, namun di sudut lain ia juga boleh membawa keburukan yang memerlukan kita sentiasa berhati-hati dan berwaspada.

Kehadiran gelombang globalisasi tidak akan dapat dihalang namun pengaruh dan hala tujuanya boleh dikawal dan dibentuk mengikut cara kita, calak Brunei agar tidak menjejaskan pegangan hidup orang Brunei yang turun-temurun berlandaskan kepada agama Islam dan budaya bangsa yang kita warisi dari nenek moyang kita.

Maka di sinilah peranan pendidik dan persatuan belia untuk mendidik dan menanamkan dalam diri pelajar-pelajar dan para belia bukan saja keperluan memiliki pendidikan dan kemahiran yang tinggi tetapi juga mempunyai keimanan dan pegangan yang kukuh bagi menghadapi sebarang cabaran dengan lebih yakin.

Tidak syak lagi pegangan yang terbaik itu ialah pegangan yang berlandaskan kepada Islam yang pastinya akan menjanjikan kebahagiaan dunia dan akhirat. Telah terbukti bahawa pegangan utama yakni Isma' yang diamalkan oleh sebilangan besar manusia di dunia ini seperti sosialisme dan komunisme tidak dapat berfungsi sebagai penyelesaian masalah dunia dan telah mengalami keruntuhan. Sehingga pegangan yang universal seperti kapitalisme dan

demokrasi mengandungi banyak kelemahan dan tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah sosioekonomi dan politik sesuatu masyarakat dan negara. Maka itu, tidakkah yang lebih baik dari pegangan yang datangnya dari Allah Subhanahu Wataala yang menentukan apa yang baik untuk manusia dan apa yang tidak baik untuk manusia yang dicipta-Nya?

Semua isi alam ini adalah ciptaan Allah Subhanahu Wataala. Masing-masing dengan kelemahan dan kekurangannya, sudah tentu tidak akan dapat menandingi kekuasaan Allah Subhanahu Wataala, apatah lagi dijadikan sebagai pegangan hidup yang hakiki. Samalah seperti kata orang, kalau kita berpegang kepada kayu, kayu pandai mumut, kalau kita berpegang kepada besi, besi pandai bertagar, kalau kita berpegang kepada manusia, manusia pandai berubah. Maka, sebaik-baiknya adalah kita 'Berpegang kepada Allah'. Allah Subhanahu Wataala ada berfirman yang tafsirnya: *"Barang siapa yang berpegang selain dari agama Islam, maka tidaklah akan diterima daripadanya dan di akhirat nanti termasuk di kalangan orang-orang yang rugi."* (Surah Ali-Imran).

Saya amat menghargai projek-projek dan usaha MBB selama ini akan tetapi akan bertambah-tambah manfaatnya kiranya MBB dapat memfokus perannya ke arah pembentukan yang berlandaskan kepada kekuatan iman bagi menghidupkan semula semangat asalnya yang berkobar-kobar dengan perspektif baru. Melalui kekuatan iman inilah kita harus meneruskan usaha-usaha ekonomi, sosial dan seumpamanya. Insya-Allah, belia-belia akan tentu melimpahi kejayaan-kejayaan yang sudah-sudah.

Mengerakkan persatuan belia pada era globalisasi ini merupakan suatu cabaran besar yang memerlukan kerjasama semua pihak dan agensi serta seluruh lapisan masyarakat lebih-lebih lagi daripada para Penghulu, Ketua Kampung dan juga para ibu bapa.

Dalam bidang pendidikan, sejauh ini pelbagai usaha telah dibuat dengan memberikan didikan dan kemahiran serta pengalaman yang menyeluruh kepada para belia melalui pendidikan formal dan kegiatan-kegiatan kokurikulum. Setiap pelajar juga diwajibkan dalam sekurang-kurangnya satu kegiatan dalam ECA termasuk menganggotai persatuan beruniform.

Lihat muka 3



UCAPAN Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Majlis Perasmian Kongres Agung Perwakilan Majlis Belia Brunei (MBB) pada hari Ahad, 16 Januari 2005 di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menteri Hal Ehwal Luar Negeri terima mengadap tiga perwakilan asing

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menerima mengadap tiga perwakilan asing yang baru dilantik yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Dr. Ahmed Ali Haneesh dari Great Socialist People's Libyan Arab Jamahiriya; Tuan Yang Terutama M. Barlas Ozener dari Republik Turki dan Tuan Yang Terutama Dr. Wahab Olaseinde Dosunmu dari Republik Persekutuan Nigeria. Majlis Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan ketiga-tiga perwakilan berkenaan dan mengadakan perbincangan mengenai perkara-perkara dua hala.

Duta Besar Dr. Ahmed Ali Haneesh, Duta Besar M. Barlas Ozener dan Pesuruhjaya Tinggi Dr. Wahab Olaseinde Dosunmu pada masa ini beribu pejabat di Kuala Lumpur, Malaysia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap TYT Dr. Ahmed Ali Haneesh dari Great Socialist People's Libyan Arab Jamahiriya (kiri). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap TYT M. Barlas Ozener dari Republik Turki. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menerima mengadap TYT Dr. Wahab Olaseinde Dosunmu dari Republik Persekutuan Nigeria. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.



Sentiasa berdamping rapat dengan anak buah kampung

Oleh
Haji Ahmad
Haji Salim

BERAKAS, 11 Mac. - Ciri yang penting dan harus dimiliki serta dipraktikkan oleh Penghulu dan Ketua Kampung ialah sentiasa berdamping rapat dan berinteraksi, mudah dihubungi serta pemedulian di samping peka akan kepentingan hal-ehwal anak buah kampung dan persekitarannya.

Adanya ciri sedemikian segala masalah dan rintihan serta aduan yang diterima dari anak-anak buah kampung akan dapat dilayani dan diselesaikan dengan

bijaksana, bersopan santun, secara perundingan dan penuh kepimpinan.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff menyatakan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ketua Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti, Mukim Berakas yang baru. Majlis berlangsung di rumah kediaman Ketua Kampung yang baru di sini.

Di majlis itu Setiausaha Tetap mengambil kesempatan menyampaikan arahan kepada Penghulu dan Ketua Kampung akan sentiasa bersedia memberikan kerjasama dalam membantu pihak kerajaan dan pihak yang berwajib ke arah usaha memelihara dan meningkatkan keselamatan, keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan kampung dan mukim serta negara.

"Adalah juga diharapkan melalui kepimpinan Ketua-ketua Kampung dan Penghulu-penghulu Mukim akan dapat bersama-sama menggerakkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan, keagamaan, kesukanan, apatah lagi dari aspek perekonomian melalui Majlis Perundingan Kampung dan Mukim," katanya.

Menurutnya lagi, melibatkan anak-anak buah kampung dan mukim terutamanya golongan belia dalam

menggunkayah dan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang dimaksudkan dapat mengeratkan persefahaman, permuafakatan dan keharmonian.

Di samping itu, tambahnya lagi, juga dapat mengelakkan belia-belia terlibat dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan seterusnya boleh membentuk para belia yang berwibawa, berdisiplin, berakhlak mulia, berjiwa diri dan tidak terpengaruh dengan gejala-gejala sosial yang tidak bermoral.

Selepas itu tetamu kehormat menyampaikan Sijil Lantikan Ketua Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti, Mukim Berakas 'A' kepada Awang Haji Nordin bin Haji Abu Bakar yang kemudian membaca ikrar serta menandatangani ikrar Ketua Kampung.

Majlis diikuti dengan merasmikan papan tanda rumah Ketua Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti, Mukim Berakas 'A' oleh tetamu kehormat dengan laungan Allahuakbar tiga kali.

Awang Haji Nordin berusia 57 tahun. Beliau dilantik menjadi Ketua Kampung pada 29 Mei 2004 setelah bersara dari jawatan Guru Melayu Tingkat Khas, Kementerian Pendidikan dan berjaya dalam pengundian Ketua Kampung yang diadakan pada tahun lalu.

Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti mempunyai keramaian 1,500 orang dengan 130 buah rumah.

Taklimat e-Keraajaan bagi perwakilan asing

BERAKAS, 10 Mac. - Ekonomi global ketika ini menguasai kemahiran dan mengembangkan teknologi infokomunikasi terkini adalah sumber paling kuat boleh dimiliki oleh Negara Brunei Darussalam yang mempunyai ekonomi yang

kecil agar boleh bersaing dengan negara-negara lain.

Sehubungan dengan itu Taklimat Mengenai e-Kerajaan bagi para diplomat asing di negara ini telah diadakan di Restoran Lapangan Terbang Antara-

Oleh
Aliddin Haji Mokhtal

bangsa Brunei di sini.

Taklimat itu disampaikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana

Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Dalam taklimat itu Yang Berhormat menyen- tuih mengenai kebanyakan

cabaran yang dihadapi oleh kerajaan dalam melaksanakan e-Kerajaan.

Yang Berhormat juga berkata mengenai kesan-kesan e-Kerajaan dalam menyelaraskan Perkhidmatan Awam.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, jelas Yang Berhormat, meneruskan usaha untuk mempercepatkan transformasi e-Kerajaan sebagai persiapan dalam menghadapi cabaran-cabaran di masa depan.

Para pemimpin belia yang berpengalaman hendaklah 'menggiring' dan memberikan bimbingan kepada belia-belia baru di kampung masing-masing terutama dalam pergerakan-pergerakan ekonomi. Dalam pada itu para ibu bapa dan keluarga memberikan sokongan padu kepada anak-anak muda belia mereka untuk bergiat dalam perkara-perkara berkecimpung dalam masyarakat.

Saya penuh yakin MBB dengan pucuk pimpinan yang akan dipilih akan dapat memberikan nafas baru kepada pertubuhan belia di negara ini, berupaya menarik keahliannya di kalangan mereka yang mempunyai pendidikan kemahiran tinggi dalam pelbagai bidang yang sekarang lebih ramai dibandungkan dengan di zaman tahun 60-an, yang akan membantu perkembangan pergerakan belia di negara kita, hala tuju yang lebih terarah dan teratur sesuai dengan slogannya 'Belia Sedar Mewakili Zaman-nya'. Berpanduan kepada pengalaman saya yang per-

tus. Sungguhpun kita mempunyai kelebihan-kelebihan tersebut dalam konteks belia, kita sekarang seolah-olah ketandusan pemimpin belia yang benar-benar komited untuk menggerakkan persatuan-persatuan belia. Apakah belia kita sudah kurang sedar? Atau tidak lagi mewakili zamannya?

Inilah persoalan yang perlu ditangani dengan bijaksana dengan mencari punca sebenarnya yang boleh memperkasa semula para belia dengan kegemilangan yang pernah kita alami suatu ketika dulu. Antara langkah-langkah yang dapat dibuat misalnya di peringkat kampung boleh mewujudkan program-program dengan melibatkan tenaga belia dengan mengadakan kegiatan-kegiatan yang digemari oleh golongan ini seperti dalam kesukanan, majlis-majlis keagamaan dan kebudayaan dan riadah, melibatkan setiap belia dalam apa jua kedudukan kedua selepas Republik Singapura yang mempunyai kadar literasi belia pada tahap 99.8 per-

Dari muka 2

Pendidikan dalam konteks matlamat falsafah pendidikan negara bukan semata-mata menumpukan kepada bidang akademik malah ke arah melahirkan insan yang sempurna dari semua aspek termasuklah kemahiran-kemahiran kepimpinan.

Dibandingkan dengan para belia yang terdahulu, belia-belia sekarang mempunyai lebih keistimewaan dari segi tahap pendidikan dan kemudahan-kemudahan moden. Sebagai misalnya, kadar literasi belia pada tahun 2001 di negara ini bagi yang berumur di antara 15 hingga 24 tahun adalah 99.4 peratus. Di kalangan negara-negara Islam, Negara Brunei Darussalam mempunyai kadar literasi belia yang tertinggi sekali, manakala di kalangan negara-negara ASEAN pula, kadar literasi belia negara ini, di kedudukan kedua selepas Republik Singapura yang mempunyai kadar literasi belia pada tahap 99.8 per-

PENGUMUMAN TAP

TABUNG Amanah Pekerja (TAP) sukacita memaklumkan semua majikan, ahli TAP dan orang ramai bahawa urusan niaga akan ditutup pada hari Khamis, 31 Mac 2005 bagi Tahun Kewangan 2004. Jabatan ini akan kembali beroperasi pada hari Sabtu, 2 April 2005.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff menyampaikan Sijil Lantikan Ketua Kampung Jaya Setia/Jaya Bakti, Mukim Berakas 'A' kepada Awang Haji Nordin bin Haji Abu Bakar. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

573 dikurniakan Pingat-pingat Kehormatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Pingat-pingat Kehormatan sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-58.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat bagi mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan kepada 573 orang yang berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di sini.

Duli Yang Teramat Mulia mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada 29 orang yang berkhidmat di kementerian dan jabatan kerajaan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia seterusnya mengurniakan pingat kepada seramai 272 orang yang menerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) dan 259 orang pula menerima Pingat Kerja Lama (PKL) serta 13 orang anggota Polis Diraja Brunei dikurniakan Pingat Kerja Lama Polis (PKLP).

Antara kriteria-kriteria untuk dianugerahkan Pingat Kehormatan ialah kesetiaan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei Darussalam, agama dan negara.

Di samping itu para penerima juga hendaklah mempunyai rekod yang baik dalam semua perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mengekalkan rekod yang bersih dalam aspek-aspek keselamatan negara di samping berkelakuan baik.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan

oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Juga berangkat dan hadir di Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Pehin-pehin manteri, Manteri-manteri Darat, Setiausaha-setiausaha Tetap, diplomat-diplomat asing dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam kepada seorang penerima yang dikurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di ibu negara (atas kiri).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) kepada beberapa orang penerima (atas kanan).

DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengurniakan Pingat Kerja Lama Polis (PKLP) kepada para anggota polis (kanan).

DULI Yang Teramat Mulia menadah tangan semasa doa selamat dibacakan (bawah).

Liputan Aliddin Haji Moktal
Gambar-gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit dan
Pengiran Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengurniakan Pingat Kerja Lama (PKL) kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan yang berkhidmat lebih 20 tahun.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika membacakan doa selamat bagi memberkati Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam.



HADIR sama pada majlis itu ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, diplomat-diplomat asing ke negara ini dan ketua-ketua jabatan.

DPMM berkenan kurniakan Pingat Kehormatan

Liputan Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh Harun Haji Rashid
dan Hamadi Haji Mohammad

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan mengurniakan Pingat Kehormatan sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-58.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan kepada 558 orang penerima yang berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di sini.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula berkenan mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada 31 penerima dari Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya mengurniakan Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) kepada 276 orang penerima dan Pingat Kerja Lama (PKL) kepada 251 orang penerima.

Para penerima pingat berkenaan merupakan pegawai yang berkhidmat di kementerian dan jabatan kerajaan serta anggota-pasukan beruniform.

Antara kriteria-kriteria untuk dianugerahkan Pingat Kehormatan ialah kesetiaan yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, agama dan negara.

Di samping itu para penerima juga hendaklah mempunyai rekod yang baik dalam semua perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan mengekalkan rekod yang bersih dalam aspek-aspek keselamatan negara di samping berke-lakuan baik.

Doa selamat telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Berangkat dan hadir di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-manteri Darat, Setiausaha-setiausaha Tetap, diploma-diplomat asing dan ketua-ketua jabatan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) kepada seorang penerima.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berangkat bagi mewakili Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan di Dewan Persantapan Lapau (atas).

DULI Yang Teramat Mulia mengurniakan Pingat Kerja Lama (PKL) kepada seorang penerima (kiri).

SEBAHAGIAN penerima Pingat-pingat Kehormatan terdiri dari anggota pasukan beruniform bersedia untuk menerima pingat (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia seterusnya mengurniakan pingat kepada sebahagian penerima Pingat Indah Kerja Baik (PIKB) (atas).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika mengaminkan doa di Majlis Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan (kiri).

MENTERI-MENTERI Kabinet dan para pembesar negara hadir di Istiadat Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan (bawah kiri dan kanan).





MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menerima derma Jabatan Perdana Menteri dari Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, YDM Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Lebih \$70 ribu sumbangan diterima

BERAKAS, 9 Mac. - Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami menerima sejumlah \$70,566.10 sumbangan dari pelbagai agensi yang sangat prihatin kepada mangsa-mangsa yang terlibat di Aceh.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digidong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menerima derma berkenaan di Majlis Penyerahan Sumbangan di Kementerian berkenaan di sini.

Setiausaha Tetap Ja-

Oleh
Samle Haji Jait

batan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani menyampaikan sejumlah \$55,659.60 yang disumbangkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Sementara sejumlah \$2,880.00 melalui Jualan Antarabangsa yang dikendalikan oleh Syarikat Perdana Sendirian Berhad telah disumbangkan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Bega-

wan, Awang Haji Saji bin Haji Mudin.

Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam pula menyumbang sebanyak \$5,750.00, manakala Persatuan Pandu Puteri \$5,676.50, Syarikat Melayu Sengkurong sebanyak \$300.00 dan Persatuan Kebajikan Mukim Sengkurong (KEMAS) pula menyumbangkan sebanyak \$300.00.

Sehingga hari ini sebanyak \$2,702,284.01 telah berjaya dikutip sejak tabung berkenaan dilancarkan.

Meningkatkan budaya kerja

BERAKAS, 1 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menggunakan kesempatan dari kelulusan projek-projek e-Kerajaan yang akan diperkenalkan bagi meningkatkan budaya kerja semua jabatan di Kementerian berkenaan supaya lebih efisien, berkualiti, sistematik dan efektif.

Empat projek e-Kerajaan yang telah diluluskan oleh Lembaga Tawaran Negara bagi Kementerian berkenaan ialah Projek Sistem Maklumat Islam (SisMI); Projek Prasarana Rangkaian dan Pusat Data - Fasa 1 (PDR); Projek Sistem Pengurusan Zakat (SPZ) dan Projek E-Islam Informasi Kiosk.

Keseluruhan projek berkenaan akan siap sepenuhnya pada Ogos 2005 sekali gus menjadikan pegawai dan kakitangan mengalami suatu perubahan kepada budaya kerja ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti sehingga dapat meningkatkan lagi taraf operasi dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian berkenaan.

Selaku warga di Kementerian itu perlu memahami dan mengetahui bahawa suatu perubahan besar akan berlaku di jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama termasuk Pejabat Ugama di keempat-empat daerah.

Oleh
Samle Haji Jait

Perkara itu dijelaskan oleh Ketua Pusat Teknologi Maklumat Bahagian Pembangunan, Pemeliharaan dan Teknologi Maklumat, Awang Haji Abu Bakar selaku Pengerah Projek-projek e-Kerajaan Kementerian tersebut di Majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian Projek Prasarana Rangkaian dan Pusat Data - Fasa 1, Projek Sistem Pengurusan Zakat, Projek e-Islam Informasi Kiosk bagi Kementerian itu.

Pengarah Projek-projek e-Kerajaan meminta agar semua warga di Kementerian berkenaan memberi komitmen yang wajar, meningkatkan lagi inisiatif dan komitmen untuk sama-sama berganding bahu serta bekerjasama dalam mejayakan projek-projek berkenaan.

"Jadikanlah projek dan sistem-sistem yang dibangunkan itu sebagai 'value added' kepada perkhidmatan agama yang dijalankan secara manual selama ini," ujarnya.

Menurutnya lagi, semua pegawai dan kakitangan akan dibekalkan dengan Personal Computer (PC) masing-masing untuk mengubah sikap kepada komputer literasi dan

alasan-alasan seperti tidak mempunyai komputer, tidak tahu atau tidak pandai menggunakan komputer tidak sepatutnya diluahkan lagi oleh pegawai dan kakitangan kerana mereka akan diberikan latihan-latihan yang berkaitan.

Beliau juga mengharapkan agar mendapat kerjasama yang padu daripada pengguna utama kerana projek dan sistem yang akan dibangunkan itu dan tidak akan berguna dan berfaedah jika pihak pengguna utama tidak mahu menggunakannya dan hanya membiarkan projek serta sistem berkenaan wujud tanpa mengambil manfaat daripadanya.

Oleh yang demikian, setiap kesulitan, permasalahan dan tidak keserasian yang mungkin timbul dari semua projek, Pengarah Projek menyeru agar kerjasama yang ikhlas dan jujur serta inisiatif dan komitmen yang padu dalam sama-sama menyelesaikannya supaya dapat ditangani dengan baik dan sempurna.

Beliau juga mengingatkan kepada syarikat yang berjaya dipilih agar menyediakan rangkaian, membekalkan PC dan peralatan yang lain supaya dapat memastikan semua barangan yang dibekalkan itu 'up-to-date' dan 'reliable'.

Bagi Projek Prasarana Rangkaian dan Pusat Data

Projek Perkhidmatan Portal e-MinCom lebih \$10 juta

BERAKAS, 9 Mac. - Kementerian Perhubungan memeterai kontrak Perjanjian Projek Perkhidmatan Portal e-MinCom lebih \$10 juta bersama Integrated Communication Sendirian Berhad atau Incomm.

Projek Perkhidmatan e-MinCom Portal ialah untuk menyediakan infrastruktur perkhidmatan bagi perkembangan rangkaian bersepadu Kementerian itu dengan jabatan-jabatan di bawahnya.

Projek enam bulan itu bila siap nanti akan dapat

Oleh
Abdullah Asgar

merealisasikan wawasan Service Hub For Trade and Tourism (SHuTT) di mana misi untuk menghubungkan negara ini dengan komiti global melalui pengangkutan dan sistem komunikasi akan tercapai.

Namun yang lebih penting dan mustahak bagi pencapaian wawasan untuk menyediakan perkhidmatan kepada orang ramai adalah secara 'on-line dan bukannya secara 'in-line'.

Selain itu ia juga bagi mempromosikan dan menggalakkan penggunaan perkhidmatan untuk orang ramai secara elektronik, di samping untuk menggalakkan pegawai-pegawai kerajaan supaya lebih peka terhadap teknologi terkini selaras dengan perkembangan teknologi informasi (IT) sejajar dengan perubahan dasar e-kerajaan dan untuk menjadi pemangkin kepada perubahan minda pegawai-pegawai kerajaan dalam bidang IT untuk meningkatkan tahap kehidupan di negara ini.

Hadir menyaksikan penandatanganan perjanjian itu ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria di Dewan Amar Pahlawan Kementerian berkenaan.

Mewakili Kementerian itu ialah Setiausaha Tetap, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah manakala Incomm pula diwakili oleh Pengarah Urusan DST Group, Pengiran Haji Md. Zain.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria menyaksikan penandatanganan Perjanjian Projek Perkhidmatan Portal e-MinCom. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.



PENYERAHAN dokumen bagi Projek Prasarana Rangkaian dan Pusat Data Fasa 1, di antara Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Othman dan Pengerah Urusan IT IS Wescot Technology Sendirian Berhad, Awang Lim Ching Tong. - Gambar oleh Pengiran Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Pameran kursus MTSSR

JALAN MUARA, 10 Mac. - Sesi konsultasi dan pameran bagi tawaran kursus sesi 2005 yang diadakan selama tiga hari anjuran Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) menarik minat ratusan belia dan bekas pelajar mengunjunginya di Balai Jubli Perak MTSSR, hari ini.

Oleh
Samle Haji Jait

Antara kursus yang ditawarkan bagi pengambilan baru tahun ini termasuklah 10 jenis bagi peringkat National Diploma, Pre-National Diploma dan National Trade

Certificate 3.

Mereka yang hadir berpeluang untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kursus yang ditawarkan di MTSSR, di samping berpeluang untuk memohon mengikuti kursus yang mereka minati dalam sesi konsultasi tersebut.

PERATUS literasi di Negara Brunei Darussalam adalah salah satu yang tertinggi di kalangan negara-negara ASEAN. Kita menduduki tempat ketiga daripada 10 buah negara anggota ASEAN. Menurut satu kajian mutakhir, tahap literasi di negara ini kini telah mencapai 97 peratus. Walau bagaimanapun, apa yang mendukacitakan mereka yang gemar membaca adalah amat berkurangan. Malah budaya membaca juga kurang diminati. Memang tidak dinafikan, bahawa penuntut-penuntut di institusi-institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah menengah serta murid-murid sekolah rendah memang rajin membaca. Tetapi mereka membaca adalah untuk lulus peperiksaan semata-mata. Mereka tidak menjadikannya sebagai budaya harian.

Persoalan inilah yang sering diperkatakan. Malahan isu ini menjadi realiti di negara kita. Cuba perhatikan jarang kelihatan orang kitani membawa atau membaca buku di tempat-tempat awam. Ini menunjukkan bahawa tahap gemar membaca di negara ini belumlah mencapai ke tahap yang diidamkan sungguhpun peratus literasi amat tinggi di negara ini. Mengapakah kita masih jauh tertinggal dalam soal ini?

Sebenarnya, dalam menyelesaikan dan menghuraikan isu sedemikian menyangkut beberapa faktor yang menjadi penyebabnya. Memang, dalam SOROTAN ini, kita tidak dapat 100 peratus untuk menjangkanya. Namun, mungkin saja berpandukan 'environment' sekarang, sedikit sebanyak kita dapat mencari jawapan.

Pertama, kalau kita kaji harga buku dalam pasaran di negara ini adalah terlalu tinggi dan tidak keterlaluan kita tegaskan harga yang paling tinggi di kalangan 10 negara ASEAN. Realiti ini tidak dapat kita berdolak-dalik. Sebagai misal saja, harga surat khabar harian berharga di antara 80 sen hingga membawa \$2.00. Apatah lagi buku-buku dan bahan bacaan lain ada yang mencecah sehingga ratusan ringgit. Jadi fenomena harga ini tidak memungkinkan semua orang-orang kitani berupaya untuk membelinya. Persoalan harga menjadi pokok utama mengapa orang-orang kitani kurang membaca.

Kedua, disebabkan kemunculan teknologi baru yang disebut ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) terutama sekali melalui internet lebih memudahkan untuk mencari bahan-bahan sebagai rujukan sama ada untuk pembelajaran dan sebagainya. Dalam ruang siber internet berbagai maklumat setiap hari boleh kita cari dan petik dengan melayari ribuan laman web. Malah internet kini lebih popular dan menjadi rujukan utama kepada pelajar-pelajar kita.

Apa pun alasannya, mahu tidak mahu kita mesti juga mengembangkan budaya membaca di kalangan anak-anak kita. Gagal atau lalai kita membuat sesuatu akan memudaratkan di kemudian hari, kerana sebagai mana yang diketahui, membaca adalah satu-satunya 'tool' yang utama dan amat berkesan dalam memperkasa minda seseorang untuk lebih cerdas dan pintar. Membaca membolehkan seseorang itu mempunyai ilmu pengetahuan yang meluas yang akan memungkinkannya mudah untuk menjawab apa jua soal dalam peperiksaan. Bandingkan me-

BUDAYA MEMBACA - MENGAPA KITA MASIH JAUH TERTINGGAL

SOROTAN

OLEH JAAFAR IBRAHIM

reka yang tidak suka membaca, sudah barang tentu akan menyulitkan mereka untuk melontarkan idea atau pendapat sama ada secara lisan atau tulisan.

Maka di sinilah adanya kebenaran pepatah Melayu 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Begitulah juga dengan tradisi memupuk budaya membaca. Ia sepatutnya bermula di rumah, berlanjutan ke alam persekolahan, alam pendidikan tinggi dan alam pekerjaan. Dalam erti kata sebenar, membaca tidak ada noktah. Ia amat berguna dalam meningkatkan ilmu pengetahuan untuk kita lebih berdaya maju dan berdaya saing. Mereka yang gemar membaca, pasti ilmunya akan lebih tinggi dan berupaya mengeluarkan idea-idea yang bernas dan bermutu tinggi dalam menggerakkan kemajuan dan pembangunan negara.

Kita perhatikan, Jepun, di mana 95 peratus rakyatnya gemar membaca. Rakyat Jepun membaca di mana-mana saja. Menurut laporan, setiap buku yang baru terbit di Eropah seminggu kemudian akan dijual di gedung-gedung buku dalam bahasa Jepun yang telah diterjemahkan. Masyarakat Jepun kini dikagumi sungguhpun mereka menggunakan bahasa Jepun. Tetapi yang jelas, bangsa berkenaan berupaya menterjemahkan buku-buku pelbagai bahasa dalam bahasa mereka. Dengan transformasi sedemikian, mereka mudah mencecah dan mempelajari pelbagai ilmu yang mudah mereka fahami. Kini mereka dikagumi bukan kerana 'samurai' ataupun 'ninja'nya tetapi kerana kecerdasan dan kekuatan ekonominya yang dirangsang oleh budaya membaca yang tinggi di kalangan rakyatnya. Sehingga kini, Jepun merupakan negara yang termaju malahan kini mereka merupakan gergasi ekonomi dunia.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), merupakan sebuah jabatan kerajaan yang diberi mandat untuk menangani isu tersebut. Lantas DBP telah mendirikan beberapa buah perpustakaan di seluruh negara bagi membolehkan rakyat untuk

membaca dan menimba ilmu. Sehingga kini terdapat lebih 400 ribu buah buku dalam pelbagai genre bacaan di perpustakaan-perpustakaan. Jika kita analisis secara terperinci, jumlah buku yang tersedia itu sebenarnya sudah melimpahi nisbah penduduk Brunei. Andainya setiap penduduk yang berjumlah lebih 300 ribu membaca buku senasak setiap seorang masih ada baki yang tertinggal.

Jika ini berlaku, kita bukan sahaja berupaya menggalakkan budaya membaca, tetapi dalam waktu yang sama akan melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan tinggi. Namun apa yang dikesalkan nisbah yang suka membaca buku masih terlalu rendah di negara ini. Usaha seumpama itu sebenarnya memerlukan komitmen semua pihak terutama sekali ibu bapa dalam menggalakkan anak-anak mereka untuk gemar atau sekurang-kurangnya berjinak-jinak dengan apa saja bahan bacaan asalkan ianya berunsur ilmu pengetahuan. Sehingga pada suatu hari nanti, kita akan berjaya melahirkan budaya membaca yang tinggi di kalangan rakyat kita. Dengan itu juga usaha untuk menjadikan terutama anak-anak kitani penggemar buku atau lebih dikenali 'bookworm' akan dapat dicapai. Jika cita-cita murni ini dapat kita gapai tidak mustahil usaha kita melahirkan lebih ramai cerdas pandai, berilmu pengetahuan tinggi dan berkemahiran dalam pelbagai bidang akan menjadi realiti.

Pelaksanaan program budaya membaca mesti memberikan penekanan kepada aspek penghayatan. Ianya adalah langkah atau destinasi terakhir dalam menayakan sebarang program. Memang benar, kita mungkin dapat menganjurkan program yang tersusun dan terancang seperti usaha berterusan DBP dalam mengadakan program budaya membaca pada setiap tahun. Program-program tersusun seperti Taman Pertuturan Bergerak dan Pertandingan Mari Bercerita menjadi platform terbaik dalam mendidik budaya membaca di kalangan kanak-kanak. Namun aspek penghayatan tetap menjadi daya pengukur kejayaan sesuatu program. Penghayatan pembacaan merangkumi - budaya membaca yang tinggi, pembeli buku dan bahan bacaan yang luar biasa, mempunyai perpustakaan buku atau perpustakaan peribadi, kecintaan terhadap buku dan bahan bacaan, unsur-unsur intelektualisme tergambar dalam diri seseorang seperti pemikiran,

cara berfikir, kelancaran bahasa, wacana dan seumpamanya, tahu membezakan bahan bermutu dan sebaliknya.

Dari kesan penghayatan pembacaan itu tentunya akan melahirkan budaya 'biblioholisme' yakni 'kecanduan' atau ketagihan terhadap buku. Ini seterusnya akan mendorong tabiat luar biasa yang berkecenderungan membaca, membeli, menyimpan, mencintai dan mengagumi buku sebagai 'tool' yang akan melahirkan pencinta buku dan pembaca luar biasa. Dari biblioholisme pasti akan melahirkan budaya menulis sebagai kesan terakhir daripada pembacaan. Secara realitinya, inilah rupa dan corak masyarakat membaca yang ingin kita bentuk dan lahirkan.

Inilah juga harapan dan cita-cita menggunung dari segala macam kempen dan gerakan budaya membaca yang diadakan oleh kerajaan khususnya DBP selama ini yang berterusan dalam menggerakkan budaya membaca di kalangan rakyat dan penduduk. Akan tetapi, cita-cita saja tidak menjadi realiti, jika sekiranya rakyat tidak menyahut hasrat murni kerajaan. Maka dalam hubungan ini, semua pihak - baik ibu bapa, guru ataupun pendidik mesti berganding bahu untuk menggembleng tenaga ke arah merealisasikan budaya membaca di negara ini berkembang dengan pesat. Kesedaran setiap masyarakat tidak mengira apa jua pangkat dan kedudukan, perlu dari sekarang berpadu tenaga bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk benar-benar mengembangkan budaya membaca di negara ini.

Sudah tiba masanya bagi semua pihak di negara ini - baik ibu bapa, guru, pendidik, persatuan-persatuan serta badan-badan bukan kerajaan memainkan peranan dan lebih bertanggungjawab dalam menangani isu sedemikian. Kita tidak lagi boleh menaruh harapan kepada pihak kerajaan untuk menanganinya. Kita perlu dari sekarang berbuat sesuatu ke arah mengerah tenaga bersepadu bagi menjadikan membaca sebagai budaya harian di negara ini. Kita mahu setiap warga negara ini gemar membaca apa saja bahan bacaan. Maka salah satu usaha yang berpanjangan, kita perlu mengiring anak-anak berjinak-jinak dengan perpustakaan. Dari sana kita pasti akan melahirkan golongan 'ulat buku'. Selain untuk menambah ilmu pengetahuan, secara langsung kita berjaya mengembang dan memperluaskan budaya membaca di bumi Darussalam ini.



YANG Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz menyampaikan sijil kepada peserta Kursus Adat Istiadat. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

Peliharha adat istiadat negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Mac. - Sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, Negara Brunei Darussalam adalah kaya dengan adat dan budayanya.

Oleh itu setiap orang mempunyai rasa tanggungjawab memastikan adat, budaya dan tatasusila kehidupan orang-orang Brunei yang bersopan santun dan harmoni yang dinikmati hari ini akan tetap

terpelihara dengan sebaik-baiknya.

Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bersabda di Majlis Penyampaian Sijil Kursus Adat Istiadat yang berlangsung di Lapau di sini.

Yang Amat Mulia bersabda, Kursus dan Bengkel Adat Istiadat bertujuan bagi memastikan adat dan

Oleh Aliddin Hj. Moklat

budaya negara ini tidak akan pupus. Ia perlu dijaga dan perlu dipertahankan supaya terus diketahui dan dinikmati oleh generasi akan datang.

Yang Amat Mulia juga menekankan perlunya mempelajari mengenai adat istiadat itu adalah terletak kepada kesedaran ter-

Tumpukan perhatian jika mahu cemerlang dalam pelajaran

RIMBA, 8 Mac. - Pelajar tidak akan menjadi cemerlang jika tidak memanfaatkan kebolehan, di samping tidak menumpukan masa dan usaha terhadap pelajaran seperti membuat kerja rumah, mengulang kaji dan tidak memberi perhatian penuh kepada guru ketika mengajar.

Kecemerlangan juga tidak dapat diraih jika tiada atau kurang sokongan dan doa dari ibu bapa atau penjaga, di samping tanpa guru

hadap minat dan cinta kepada adat dan budaya negara sendiri.

Lebih 90 peserta yang terdiri daripada Ketua Kampung, pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan kerajaan menghadiri kursus selama tiga hari itu.

Kursus dianjurkan bersama oleh Jabatan Adat Istiadat Negara dan Institut Perkhidmatan Awam.

Oleh Abu Bakar Hj. Abd. Rahman

yang berkelayakan atau berkebolehan.

Perkara tersebut dinyatakan di Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil Pelajar-pelajar Terbaik 2004 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan oleh Pegawai Pentadbir Kanan Kementerian Pendidikan, Pengiran Dato Paduka Haji

Zaini.

Katanya, kecemerlangan akademik yang dicapai haruslah diganding dengan kecemerlangan akhlak dan budi pekerti, berperangai elok termasuk menghormati orang lebih tua.

Di majlis tersebut seramai 110 pelajar terbaik menerima sijil yang mana kriteria pemilihannya bukan hanya tertakluk kepada kuantiti tetapi kualiti markah/gred yang diperolehi, di samping berdasarkan ke-

pada beberapa pencapaian tertentu.

Terdahulu dari itu Pengetua maktab berkenaan, Pengiran Hajah Sarah menjelaskan bahawa sebahagian pelajar lepasan peringkat 'A' 2004 telah terpilih untuk mengikuti beberapa kursus di luar negeri dan di Universiti Brunei Darussalam.

Sebagai contoh, katanya, enam pelajar telah terpilih untuk mengikuti kursus di Otago University, New Zealand dan seorang pelajar telah diberikan dermasiswa oleh Syarikat Minyak Brunei Shell (BSM) untuk belajar di United Kingdom.

Dalam pada itu 9 orang pelajar telah memulakan kursus di bidang perubahan di UBD dan Universiti Queensland.

Sementara itu beberapa orang pelajar akan melanjutkan pengajian di United Kingdom dalam bulan September nanti, di samping beberapa lepasan peringkat 'O' yang cemerlang juga akan mengikuti Skim Khas Pendidikan di United Kingdom.



PEGAWAI Pentadbir Kanan Kementerian Pendidikan, Pengiran Dato Paduka Haji Zaini menyampaikan hadiah dan sijil kepada seorang pelajar terbaik 2004 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



KEBAWAHA D
MENGANUG
TANAH DAN
BERANGKAT



RIMBA, 17 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melawat dua buah institusi pendidikan, ke beberapa buah rumah penerima anak-anak kunci, beberapa buah agensi kerajaan dan industri perusahaan sejurus menganugerahkan lot-lot tanah dan anak-anak kunci rumah bagi Mukim Gadong.

Baginda mula-mula melawat ke Sekolah Renah Rimba II yang menelan belanja lebih S3 juta dengan menempatkan lebih 600 orang murid dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba dan sekitarnya.

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda berkenan menurunkan tandatangan dan bergambar ramai bersama guru-guru sekolah berkenaan, sementara di awal lawatan, baginda berkenan menanam sepohon pokok manggis.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat meneruskan lawatan ke Jerudong International School (JIS) di Jalan Penghubung Tungku dan dijunjung oleh Setiausaha Tetap Jabatan

Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya, selaku Pengerusi Agensi Pelaburan Brunei (BIA); Dr. Mohd. Amin bin Abdullah, Pa-

Amin bin Abdullah, Pemangku Pengarah Urusan BIA dan Pengerusi Lembaga Pengarah JIS serta Pengetua JIS, Tuan John Price.

Di sini, baginda meninjau secara dekat beberapa kemudahan termasuk Makmal Biology, Art Room, Technology Design, Perpustakaan dan Bilik IT yang



umah Ketua Kampong Rimba,



BAGINDA ketika berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampong Rimba, Awang Puspa Wira bin Haji Mohd. Noor.

YMM BERANGKAT RAHKAN LOT-LOT ANAK-ANAK KUNCI, KE MUKIM GADONG



**Liputan Sahari Akim
dan Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar Pengiran Haji Omar,
Ramli Tengah, Masri Osman
dan Hamadi Haji Muhammad**

bitkan akhbar Borneo Bul-
letin dan Media Permata ter-
masuk percetakan komersil
dan pengiklanan.

QAF Holdings Sendirian
Berhad mula beroperasi pada
6 Disember 1982 di Negara
Brunei Darussalam dan di-
tukar namanya kepada QAF
Brunei Sendirian Berhad
pada 20 Ogos 1996.

Kegiatan perniagaan
utama QAF merangkumi
pelaburan dalam bidang
media dan percetakan, perni-
agaan runcit (pasar raya dan
jualan borong), restoran dan
makanan segera termasuk
pengurusan, pemasaran dan
komunikasi, penjualan auto-
mobil, penjualan penghawa
dingin, pengeluaran gas bagi
kegunaan industri, ternakan
ayam dan penyembelihan.

Baginda meneruskan
lawatan dengan meninjau
lebih dekat aktiviti pembu-
atan ais krim tempatan dan
proses pembuatan minuman
tin pelbagai rasa di perusa-
haan Kingston Beverage and
Creamery Sendirian Berhad
yang telah beroperasi sejak
tahun 1976.

Baginda juga berkenan
menerima sembah taklimat
semasa berangkat ke Pusat
Janakuasa Gadong. Baginda
dikawal oleh pasukan
keselamatan dan ber-
sempitan di Jalan
Gadong.

Baginda juga berkenan
menerima sembah taklimat
semasa berangkat ke Pusat
Janakuasa Gadong. Baginda
dikawal oleh pasukan
keselamatan dan ber-
sempitan di Jalan
Gadong.

Baginda juga berkenan
menerima sembah taklimat
semasa berangkat ke Pusat
Janakuasa Gadong. Baginda
dikawal oleh pasukan
keselamatan dan ber-
sempitan di Jalan
Gadong.

Baginda juga berkenan
menerima sembah taklimat
semasa berangkat ke Pusat
Janakuasa Gadong. Baginda
dikawal oleh pasukan
keselamatan dan ber-
sempitan di Jalan
Gadong.

Baginda juga berkenan
menerima sembah taklimat
semasa berangkat ke Pusat
Janakuasa Gadong. Baginda
dikawal oleh pasukan
keselamatan dan ber-
sempitan di Jalan
Gadong.

Baginda juga berkenan
menerima sembah taklimat
semasa berangkat ke Pusat
Janakuasa Gadong. Baginda
dikawal oleh pasukan
keselamatan dan ber-
sempitan di Jalan
Gadong.

Baginda juga berkenan
menerima sembah taklimat
semasa berangkat ke Pusat
Janakuasa Gadong. Baginda
dikawal oleh pasukan
keselamatan dan ber-
sempitan di Jalan
Gadong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkan taklimat mengenai per-
alatan kereta BMW ketika berangkat melawat QAF Auto Sendirian Berhad.



BAGINDA ketika berkenan melawat Bilik Berita di Brunei Press Sdn. Bhd.



PESAMBAH... Baginda ketika berkenan menerima pesambah semasa
berangkat melawat Grand Motors Sendirian Berhad.



BAGINDA ketika menerima sembah taklimat semasa berangkat ke Pusat Janakuasa Gadong.



BAGINDA ketika berkenan melihat secara lebih dekat pembuatan ais krim semasa melawat
ke Kingston Beverage and Creamery Sendirian Berhad.



BAGINDA dengan penuh prihatin meneliti pembelajaran para penuntut Sekolah
Antarabangsa Jerudong (JIS).



SEMASA melawat ke Jati Transport Sendirian Berhad baginda disembahkan taklimat menge-
nai sebuah kereta Mercedes-Benz.

Gunakan alamat yang betul

KUALA BELAIT, 7 Mac. - Jabatan Perkhidmatan Pos mengingatkan orang ramai terutama sekali penduduk di Daerah Belait agar menggunakan alamat betul bagi memudahkan penyerahan dan penerimaan surat.

Ketua Unit Penyerahan Jabatan Perkhidmatan Pos, Dayang Hajah Hammah Puasa menekankan perkara tersebut di Majlis Taklimat Jerayawara Kempen Pengalamatan Betul bagi jabatan-jabatan kerajaan, para Penghulu, Ketua Kampung, Pengetua dan Guru Besar Daerah Belait yang diadakan di Dewan Raya Pejabat Daerah di sini.

Ketika ditemui Dayang Hajah Hammah menyatakan berikutan dengan penggunaan organisasi di Jabatan Perkhidmatan Pos pada masa ini pengalaman yang betul amat penting. Sehubungan itu untuk makluman orang ramai di daerah ini bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos

telah mempunyai mesin untuk memproses mel di Pusat Memproses Mel dan Bungkus. Lapangan Terbang Lama, Berakas.

"Mesin tersebut memproses semua surat sehingga kepada penyerahan posmen. Dengan adanya mesin ini segala masalah seperti salah alamat dan sebagainya dapat dikesan. Sekiranya pengalaman betul ini berjalan dengan lancar insya-Allah segala masalah seperti kelambatan penghantaran surat tidak akan dihadapi dan akan lebih teratur lagi," jelas beliau.

Beliau menambah, taklimat bertujuan mendekati orang ramai terhadap penggunaan pengalamatan yang betul kerana didapati orang ramai sering menggunakan pengalamatan yang tidak lengkap seperti menggunakan nombor lot, tidak menggunakan nombor simpang dan sebagainya, masalah ini semakin berlarutan.

"Oleh itu Jabatan Per-



KETUA Pos Agung, Awang Haji Azahari bin Haji Mohd. Ali ketika menyampaikan ucapan di majlis tersebut.

khidmatan Pos berusaha menerangkan dan mendekati orang ramai mengenai bagaimana membuat pengalamatan yang betul dengan teratur lebih lagi penggunaan poskod, kerana sering didapati orang ramai selalu menggunakan poskod yang salah atau tidak

menggunakan poskod," ujarnya.

Taklimat itu juga, tambahnya, bagi memberigakan penggunaan peti surat di rumah persendirian dan bangunan tinggi. Menurut Akta Jabatan Perkhidmatan Pos yang telah dikuatkuasakan bahawa semenjak tahun 1999 katanya mereka yang tidak menggunakan peti surat, surat mereka tidak akan diserahkan.

Taklimat tersebut bertujuan menjelaskan kepada orang ramai mengenai penggunaan alamat yang betul, di samping usaha jabatan untuk meningkatkan proses dan penyerahan surat.

Hadir di majlis tersebut ialah Ketua Pos Agung, Awang Azahari bin Mohd. Ali.

Taklimat serupa akan diadakan hari Khamis di Pejabat Daerah Temburong. Sebelum ini taklimat yang sama telah diadakan di Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Daerah Tutong.



PEGAWAI-PEGAWAI kanan jabatan-jabatan kerajaan, Penghulu, Ketua-ketua Kampung, Pengetua dan guru besar Daerah Belait ketika hadir di Majlis Taklimat Jerayawara Kempen Pengalamatan Betul.

BKN temui pokok ganja

KUALA BELAIT, 10 Mac. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) Daerah Belait telah menyerbu sebuah rumah yang didiami seorang penganggur warga tempatan berusia 22 tahun

dan menemui seponh pokok setinggi 34 inci dipercayai pokok ganja ditanam dalam pasu bunga.

Menurut Undang-undang Negara di bawah

Seksyen 8 Akta Penyalahgunaan Dadah, menjadi kesalahan menanam pokok kanabis yang membawa hukuman minimum tiga tahun penjara, denda \$5,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Turut ditemui di rumah tersebut yang terletak di daerah ini wang tunai hampir \$1,000.00 yang dipercayai diperolehi daripada hasil penjualan dadah, 16 paket kecil daun kering dipercayai kanabis, paket plastik kosong dan alat untuk memakan dadah.

Berikutan itu passport sementara dirampas dan dia ditahan untuk siasatan lanjut. Jika bahan yang dipercayai dadah itu melebihi berat 600 gram, dia akan menghadapi hukuman mati sebagaimana di bawah Seksyen 3 (A) Akta Penyalahgunaan Dadah, Undang-undang Negara Brunei Darussalam.

Menurut BKN tahun

ini sahaja hingga saat ini telah berjaya menangkap 20 orang yang disyaki terlibat dengan dadah termasuk seorang lelaki warga Malaysia yang ditangkap beberapa minggu lalu di Pos Kawalan Sungai Tujuh kerana disyaki mengedar dadah jenis syabu seberat 100 gram. Lokasi itu dipercayai menjadi hub untuk pengangkutan dadah dari luar negara.

Lelaki berkenaan yang ketika ini ditahan di Penjara Jerudong dikatakan berdepan dengan hukuman mati jika sabit kesalahan mengedar syabu melebihi 50 gram di bawah Seksyen 3 (A) Akta Penyalahgunaan Dadah.

Statistik BKN daerah ini telah menangkap hampir 100 orang yang disyaki terlibat dengan dadah dan pihak tersebut akan meneruskan usaha memerangi gejala dadah di negara ini serta mengucapkan terima kasih atas kerjasama berterusan daripada orang ramai.



POKOK setinggi 34 inci dipercayai pokok ganja ditemui oleh pihak BKN.

Terima sumbangan dari MUIB

KUALA BELAIT, 10 Mac. - Dalam usaha membantu mereka yang ditimpa musibah seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) memberikan bantuan derma berupa wang tunai bagi meringankan beban yang ditanggung oleh para mangsa.

Sehubungan itu sebuah keluarga yang rumah mereka hangus terbakar pada Sabtu lalu di Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hjh. Saidah Pg. Hj. Omarali

Kampung Mumong, Awang Musa bin Haji Sulaiman dan keluarganya seramai lima orang telah menerima sumbangan derma berjumlah \$1,200.00.

Sumbangan derma tersebut telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait,

Awang Haji Harun bin Haji Junid berlangsung di Pejabat Hal Ehwal Ugama di sini. Sumbangan tersebut merupakan dari Kumpulan Wang Zakat MUIB. Pada masa ini Awang Musa berserta keluarga tinggal di rumah kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP).



KETUA Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Junid menyampaikan sumbangan derma kepada mangsa kebakaran, Awang Musa bin Haji Sulaiman.

Kereta antik Rolls Royce tarik perhatian

SERIA, 9 Mac. - Sebanyak 80 buah kereta antik jenis Rolls Royce dan Bentley yang berada di kawasan letak kereta Kelab Ria Brunei Shell (BSRC) menarik perhatian orang ramai yang kebetulan berada di situ dan ada yang mengambil peluang mengabadikan gambar kenangan bersama kereta-kereta tersebut.

Ketibaan rombongan Rolls Royce dan Bentley secara berkonvoi di kelab tersebut dialu-alukan oleh Pengarah Urusan BSP, Mark Carne. Juga hadir ialah Pengarah Pelancaran Brunei, Sheikh Jamaluddin bin Sheikh Mohammad; Pengarah Urusan BSM, Pengiran

Haji Yasmin bin Pengiran Haji Mohammad dan Timbalan Pengarah Urusan BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali.

BRSC merupakan tempat persinggahan pertama mereka di negara ini termasuk dalam program Ekspedisi Jelajah Borneo selama 20 hari yang meliputi Sarawak, Sabah dan Negara Brunei Darussalam. Di kelab tersebut rombongan dijamu dengan makan tengah hari, sementara kereta mereka dipamerkan di kawasan letak kereta kelab berkenaan.

Rombongan kereta berprestij tersebut tiba dari Pos Kawalan Sungai Tujuh setelah membuat perjalanan

an bermula dari Kuching, Sarawak melalui Miri sebelum tiba di negara ini yang dianjurkan oleh Kelab Peminat Rolls Royce dengan menarik minat lebih 100 peserta dari Eropah, Amerika Syarikat, Kanada, Afrika Selatan dan Republik Singapura. Antara kereta yang turut serta dalam ekspedisi itu ialah kereta model tahun 1912.

Rombongan tersebut berada di negara ini dari 7 hingga 11 Mac dan akan meneruskan perjalanan ke Kota Kinabalu, Sabah. Ekspedisi tersebut antara lain bertujuan mempromosi Borneo di mata dunia.



BARISAN kereta antik Rolls Royce dan Bentley yang mungkin tiada lagi dalam pasaran masa kini menarik perhatian orang ramai.

Laporan Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah ...

Brunei menang tapi gagal ke separuh akhir

SEKALIPUN skuad Brunei berjaya menumpaskan Singapura 3 - 1, keputusan itu tidak cukup membantu pasukan tuan rumah untuk mengiringi pasukan Laos layak ke separuh akhir mewakili Kumpulan B.

Brunei bersama-sama Myanmar dan Laos masing-masing berjaya memperoleh enam mata dari dua kali kemenangan, bagaimanapun skuad muda tuan rumah yang tewas dalam kiraan kemasukan jaringan berada di tempat ketiga kumpulan.

Brunei yang perlu memenangi perlawanan dengan jumlah kemasukan yang besar tampil dengan ancaman ke kubu lawan namun kekentalan skuad muda Singapura menghampakan asakan anak didik Kwon Oh Son.

Pasukan Singapura yang juga hampa dengan dua kekalahan sebelum ini tetap mahu memburu mata sekalipun lebih awal disahkan terkeluar dari masuk ke separuh akhir dalam kumpulannya.

Keghairahan skuad Kwon Oh Son yang mencari lebih awal jaringan hanya melupakan jerat lawan tersentak dengan

jaringan Mohammad Helmi Mohd di minit ke-18 untuk membawa Singapura di depan.

Ketika Singapura kental mendahului jaringan sehingga di babak pertama, Kwon Oh Son bijak menukar 'skrip' yang memberi tekanan kepada lawan sehingga pemain Singapura, Yusiskandar Yusof yang telah dilayangkan kad kuning sebelum ini membuat kesilapan kali kedua dan diperintah keluar padang di minit ke-64.

Peluang itu segera diambil manfaat dengan tandukan sempurna oleh Haji Khairul Anwar Haji Md. Yaakub berjaya menewaskan penjaga gol Singapura, Chia Yeow Hwee di minit ke-65.

Kemudian, Stadium Negara Hassanal Bolkiah terus gamat dan penyokong tempatan mula menarikan nafas lega dengan sentuhan Hardi Bujang yang tidak dikawal di minit ke-75 sekali gus membawa pasukan tuan rumah berada di depan.

Belumpun reda kegembiraan penyokong tempatan, Hardi sekali lagi menyajikan jaringan ketiga untuk Brunei selang

tiga minit selepas itu hasil tandukan yang diperolehi melalui hantaran lintang.

Pemain Singapura yang terus menerima tekanan akibat serangan bertalu terus lemas dan persaingan mendebarakan hasil kombinasi depan skuad Brunei, bagaimanapun kecemerlangan penjaga gol Singapura, Chia Yeow Hwee menjadi penghalang utama skuad Brunei untuk mendapatkan lebih jaringan.

Ketika skuad Kwon Oh Son terus bangkit mencari lebih banyak jaringan, pengadil terpaksa menghentikan perlawanan seketika apabila pemain kedua pasukan bergeseran sehingga pengadil melayangkan tiga kad merah serentak masing-masing kepada Amzar Muaz Tamit dan Hardi Bujang untuk pasukan Brunei dan Muhammad Salim Rahim pemain Singapura seminit sebelum tamat perlawanan.

Akhirnya, skuad muda Brunei terpaksa akur apabila terlepas peluang untuk mara ke pusingan separuh akhir selepas keputusan kekal dengan jaringan 3 - 1 sehingga perlawanan berakhir.



AKSI hebat pertemuan penting pasukan Negara Brunei Darussalam bertemu Singapura.

Myanmar, Laos ke separuh akhir


PASUKAN Myanmar dan Laos berjaya merebut tiket ke separuh akhir mewakili Kumpulan B apabila pasukan Brunei dibezakan jaringan kemasukan selepas ketiga-tiga pasukan berkenaan mengumpul enam mata.

Pasukan Singapura yang tewas kesemua perlawanan, tersingkir lebih awal apabila tewas kepada pasukan Myanmar 0 - 6 dan kepada pasukan Laos 1 - 2 sebelum ditumpaskan oleh pasukan Brunei 3 - 1.

Sekalipun skuad Brunei gagal mara ke separuh akhir, pasukan muda negara perlu mendapat pujian selepas mereka menampilkan satu persembahan yang baik, kesungguhan dan azam yang tinggi untuk memberi mutu persaingan yang membanggakan.

Malah corak persaingan dengan strategi yang berancang sering menggundahkan lawan mereka tetapi pengalaman dan faktor fizikal terus menjadi tembok kepada kejayaan Brunei setakat ini.

"Saya mewakili pegawai dan pemain memohon maaf kepada penonton tempatan kerana dukacita kami tidak dapat



Liputan Haji Ahat Haji Ismail, Samle Haji Jait Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abd. Rahman, Haji Ahmad Haji Salim dan Aliddin Haji Mokhtal

Gambar-gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor, Halim Haji Sulaiman, Abdullah Haji Awang Damit, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Pg. Rafce Pg. Dato Paduka Haji Metassim, Ramli Tengah, Masri Osman, Hamadi Haji Mohammad dan Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

<http://www.hassanalbolkiahcup.com>

meneruskan perjuangan disebabkan perbezaan gol di antara pasukan Brunei dan Laos," jelas Pengurus Pasukan, Pengiran Haji Mohd. Yusof.

Beliau juga melahirkan harapan agar peminat dan penonton tempatan akan dapat memahami kedudukan sebenar selepas pasukannya telah berusaha sedaya upaya untuk memberi persaingan yang terbaik sepanjang perlawanan dalam Kumpulan B.

Katanya, selepas mencuba pasukan itu telah mengetahui masih terdapat

kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki bagi masa panjang kerana bola sepak tidak dapat dibentuk dalam sekelip mata.

"Pihak-pihak tertentu saya harap akan dapat menimbangkan agar pasukan ini dapat diteruskan lagi dengan persiapan dan latihan awal bagi persediaan ke kejohanan-kejohanan bola sepak yang mempunyai peringkat umur yang lain khususnya bagi diketengahkan pada Sukan SEA nanti," jelasnya kepada wakil PELITA BRUNEI.

Sementara itu pasukan Myanmar yang menerima

sentuhan jurulatih Bulgaria telah bersedia untuk bertemu mana-mana pasukan dalam Kumpulan A pada persaingan separuh akhir nanti.

Myanmar memulakan aksi cemerlang menumpaskan pasukan Singapura 6 - 0 sebelum memperolehi jaringan serupa kepada pasukan Brunei tetapi tewas kepada pasukan Laos 1 - 2.

"Kehadiran kita di sini adalah untuk menang dan menjadi juara. Saya harap pemain akan berusaha untuk menterjemahkan tekad tinggi itu," jelas Ketua Jurulatih Myanmar.

Brunei jadi mangsa kedua Myanmar

BERAKAS, 16 Mac. - Selepas membenamkan Republik Singapura 6 - 0, Myanmar meneruskan kecemerlangan dengan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai mangsa kedua jaringan yang sama pada pertemuan Kumpulan 'B', Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun Piala Hassanal Bolkiah.

Myanmar yang menampilkan barisan yang mantap pada kejohanan kedua ini menghadapi saingan sengit baik saja permainan bermula. Pemain tuan rumah amat berhati-hati sehingga Myanmar menemui kesukaran melakukan percubaan.

Begitupun, pertahanan Brunei akhirnya bolos apabila Yang Paing yang berligar mengawal bola di luar petak penalti melakukan percubaan jauh dan terus merembat masuk mengatasi kawalan penjaga gol, Azman Ilham.

Selepas mendahului 1 - 0 di separuh masa pertama, Myanmar terus bertindak garang melakukan serangan-serangan bahaya, namun kesemuanya gagal menepati sasaran.

Kegagalan percubaan tersebut tidak melemahkan semangat pemain Myanmar dan terus berusaha melakukan percubaan dan kemudian membuahkan ja-

aringan kedua melalui rembatan kencang Zaw Zaw.

Jaringan ketiga menjelma pula apabila tandukan kencang Mar La melalui hantaran tepi Myo Min Tun masuk menerjah pintu gol Brunei.

Brunei yang sudah ketinggalan 0 - 3 hanya sekali-sekala melancarkan percubaan melalui Hardi Bujang dan Mohammad Julremi tetapi gagal menepati sasaran.

Sebaliknya, penyerang tinggi lampai Myanmar, Sun Thein pula berjaya menjaringkan dua gol berturut-turut menjadikan 5 - 0, selepas gagal dikawal oleh pertahanan Brunei,

Amzar Mu'az.

Cabaran Brunei yang sudah ketinggalan 0 - 5 cuba memperlancarkan permainan dengan menggunakan bahagian tepi untuk melakukan serangan. Corak tersebut tidak memberi kesan dan had serangan tersekat di luar kotak penalti.

Kelemahan itu meningkatkan lagi tekanan Myanmar yang begitu mudah menambahkan satu lagi jaringan melalui rembatan tepi Yan Paing menjadikan kedudukan terakhir 6 - 0.

Mengulas kekalahan itu Pengurus Pasukan Brunei Darussalam, Pengiran Haji Mohd. Yusof Pg. Haji

Bahar, menyatakan kekalahan itu seharusnya diterima memandangkan Myanmar sememangnya pasukan yang sukar diatasi.

"Kita menerima kekalahan ini memandangkan Myanmar bermain lebih baik dan mantap daripada kita dan kelemahan-kelemahan yang kita kenal pasti pada pertemuan ini akan kita perbaiki untuk pertemuan selanjutnya.

Dengan usaha gigih dari semua pihak nanti, kita akan dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan dan seterusnya mempamerkan permainan yang terbaik pada perlawanan selanjutnya," tambahnya



JARINGAN HJ. Khairul menyuntik semangat pemain.

Laporan Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah ...

Juara bertahan tersingkir

BERAKAS, 22 Mac.- Juara bertahan Piala Hassanal Bolkiah 2002, Indonesia akhirnya tersingkir di pusingan awal setelah berusaha semaksimal mungkin yang termampu menentang Thailand di perlawanan akhir Kumpulan A.

Kemenangan 2 - 1 meletakkan Thailand menduduki carta teratas di dalam kumpulan dengan mencatatkan semua kemenangan dan sekali seri ketika bertemu dengan Filipina.

Justeru kemenangan tersebut menjadi penawar mujarab bagi Thailand setelah sekian lama memendam kekecewaan kepada Indonesia yang menjadi penyebab utama gagalnya mereka melakar sejarah sebagai penyandang juara pertama di kejuaraan bagi belia 21 tahun ini.

Namun kegagalan Indonesia di kejuaraan ini menjadi sejarah pahit bagi anak didik Edy Harto setelah memulakan persaingan yang kurang berhati-hati sejak awal bermulanya kejuaraan sehingga menyebabkan kedudukan mereka dalam kumpulan tergugat.

Menyedari hakikat tersebut Indonesia bangkit di perlawanan ketiganya dengan menjinakkan Filipina namun kesilapan terus ber-

laku apabila sebilangan pemain masih terbawa-bawa dengan emosi yang sepatutnya memanfaatkan perlawanan berkenaan sebagai pesta gol.

Walau bagaimanapun pujian harus diberikan kepada pasukan merah putih ini setelah mempamerkan permainan yang menarik di sepanjang kejohanan. Namun apa pun alasan kekalahan mereka itu menjadi titik hitam apabila hutang lama Thailand lunas di babak awal.

Indonesia yang sepatutnya menciptakan jaringan sekurang-kurangnya empat gol untuk layak ke separuh akhir mula dirintis melalui Ahmad Zaelani dengan memanfaatkan tandukan setelah menerima umpanan Denny Rumba yang menerima hantaran dari Mohamad Samsul Azis ketika beberapa pemain sedang dalam perebutan di petak D.

Sedang peminat merah putih riuh dengan tepuk sorak tiba-tiba Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang menjadi saksi kepada kejuaraan Indonesia tiga tahun lalu menjadi sunyi seketika apabila sepakan bebas Kittipol Papunga dari sebelah kiri gagal diselamatkan Roni Tri Prasanto sekali



SEMANGAT KESUKANAN ... Pemain Indonesia ketika membantu pemain Thailand dalam pertemuan mereka dengan berkesudahan Thailand menang 2 - 1.

pun berjaya ditepis.

Kelonggaran demi kelonggaran di beberapa bahagian Indonesia mula terkecas sehingga beberapa kali dikejutkan dengan serangan mengejut yang terhasil dari kelemahan bahagian perta-

hanan yang hampir menjurus kepada kemasukan justeru kepantasan Preecha Chaokla sukar dikawal.

Preecha Chaokla yang merupakan penjaring terbanyak ketika ini terus menambah koleksinya dengan

mengecewakan impian Indonesia untuk mempertahankan kejuaraan setelah rembatannya berjaya menerjah jaring melalui larian pantas yang digerakkan secara solo mampu menghasilkan gol kemenangan Thailand.

Viet Nam menang bergaya

BERAKAS, 17 Mac.- Pasukan Viet Nam bergaya dengan empat gol tanpa balas setelah menumpaskan pasukan Filipina dalam perlawanan pusingan pertama Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun Piala Hassanal Bolkiah di Kompleks Sukan Berakas di sini.

Jaringan gol 4 - 0 yang dilakukan oleh pasukan Viet Nam itu adalah dalam separuh masa pertama dan separuh masa kedua perlawanan apabila pertahanan pasukan Filipina dalam keadaan yang tidak terkawal dan kucar-kacir menyebabkan pasukan Viet Nam mengambil peluang keemasan.

Dalam separuh masa pertama itu melalui pemain Viet Nam jersi 10, Pham Thanh Nguyen dalam minit ke-26 merembat masuk ke pintu gawang pasukan Filipina.

Walaupun pasukan Filipina ketinggalan 0 - 1 namun mereka cuba sedaya upaya untuk bangun membuat beberapa cubaan tetapi gagal dan sekali lagi pasukan Viet Nam juga melalui pemainnya jersi 10 berjaya menambah gol bagi pasukannya Viet Nam dalam minit ke-44. Ini mengukuhkan lagi kedudukan pasukan Viet Nam.

Dalam separuh masa kedua pula pasukan Viet

Nam terus cuba untuk menambahkan jaringan gol dan harapan pasukan Viet Nam itu terkabul melalui pemain jersi 9, Luc Hong Quan membuat rembatan masuk ke gawang pasukan Filipina dan tidak dapat diselamatkan oleh penjaga gol pasukan Filipina dalam minit ke-74. Ini menjadikan tiga gol bagi pasukan Viet Nam.

Dalam saat-saat terakhir perlawanan akan tamat, sekali lagi pasukan Viet Nam melalui pemain jersi 14, Bui Van Ha berjaya menjaringkan gol keempat bagi pasukan Viet Nam.

Secara keseluruhan perlawanan itu adalah seimbang sebelum pasukan Viet Nam mendahului pasukan Filipina dengan satu gol dan seterusnya menambatkan gol lagi bagi mengukuhkan kedudukan pasukan Viet Nam.

Pasukan Filipina tidak patah semangat dan harapan malahan sering juga membuat serangan bertubi-tubi ke kawasan lawan dan hampir-hampir berjaya menjaringkan sebarang gol tetapi nasib tidak meyebehlahi mereka.

Pasukan Viet Nam telah berjaya mengutip tiga mata dalam perlawanan ini setelah kalah dengan pasukan Thailand 1 - 0 dan seri dengan pasukan Indonesia 0 - 0, menjadikan jumlah mata yang dikutip oleh

KUMPULAN A							
Pasukan	P	M	S	K	J	B	MATA
 * Thailand	4	3	1	0	7	1	10
 * Viet Nam	4	2	1	1	6	2	7
 Malaysia	4	2	0	2	5	7	6
 Indonesia	4	1	1	2	3	4	4
 Filipina	4	0	1	3	1	8	1
KUMPULAN B							
Pasukan	P	M	S	K	J	B	MATA
 * Myanmar	3	2	0	1	13	2	6
 * Laos	3	2	0	1	4	3	6
 Brunei Darussalam	3	2	0	1	4	7	6
 Singapura	3	0	0	3	2	11	0
* Thailand, Viet Nam, Myanmar dan Laos layak ke separuh akhir							
http://www.hassanalbolkiah trophy.com							



Liputan Haji Ahat Haji Ismail, Samle Haji Jait, Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abd. Rahman, Haji Ahmad Haji Salim dan Aliddin Haji Mokhtal

Gambar-gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor, Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar, Halim Haji Sulaiman, Abdullah Haji Awang Damit, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim, Ramli Tengah, Masri Osman, Hamadi Haji Mohammad dan Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



<http://www.hassanalbolkiah trophy.com>

Myanmar, Laos ke separuh akhir

BERAKAS, 21 Mac.- Pasukan Myanmar menempah tiket ke separuh akhir Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun Tropi Hassanal Bolkiah dalam kumpulan 'B' yang berlangsung di Kompleks Sukan

Balapan dan Padang di sini.

Dengan dua kemenangan yang diperolehi oleh pasukan Myanmar dengan menyingkir pasukan Singapura dan pasukan Brunei 6 gol tanpa balas sudah cukup untuk pasukan Myanmar melayak-

kan diri mereka ke separuh akhir.

Pasukan itu telah berjaya menumpaskan pasukan Singapura dengan 6 - 0 tanpa balas pada 12 Mac yang lalu di Padang Kompleks Sukan Berakas.



PEMAIN Viet Nam begitu bersemangat dalam perebutan bola bersama pemain Filipina dengan berkesudahan Viet Nam menang 4 - 0.

pasukan Viet Nam empat mata.

Menurut Penolong Jurulatih Filipina, kekalahan yang mereka alami itu adalah kurang memberi tumpuan dan penjagaan kepada setiap pemain lawan.

Beliau merasakan perlawanan dengan pasukan Viet Nam itu amat bagus jika dilihat corak permainan pasukan Filipina sebelum ini.

Sementara Jurulatih Pasukan Vietnam pula

amat berpuas hati dengan pencapaian dan prestasi yang ditunjukkan oleh pasukannya dalam perlawanan menentang pasukan Filipina itu.

Menurutnya pasukan Filipina sudah memberikan tentangan yang hebat dan bermain dengan sebaiknya tetapi nasib tidak menyebehlahi mereka.

Pasukan Viet Nam dan Filipina adalah dalam Kumpulan 'A' bersama-sama pasukan Malaysia dan Thailand.

Laporan Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah ...

Laos buktikan kehandalan



PERTEMUBUNGAN dua pemain Laos dan Myanmar yang berke-sudahan Laos menumpaskan Myanmar 2 - 1 untuk melangkah ke separuh akhir.

BERAKAS, 18 Mac. - Skuad kental Laos membuktikan kesungguhan untuk melayakkan diri ke pusingan separuh akhir apabila memerangkap pasukan pilihan Kumpulan 'B' Myanmar 2 - 1 pada perlawanan perlawanan penting mereka pada Kejohanan Piala Hassanal Bolkiah di Padang dan Balapan Berakas.

Laos yang mengambil kesempatan untuk beraksi lebih garang dengan lawannya hanya menurunkan hampir separuh pemain-pemain simpanan yang tidak mempermerkan permainan agresif seperti yang ditunjukkan dalam dua perlawanan yang lalu.

Myanmar yang sudah lega memasuki peringkat separuh akhir bagaimanapun lebih awal memberi tekanan kepada Laos untuk berusaha lebih gigih selepas memperolehi jaringan pertama Sun

Day Thein di minit ke-23.

Keresahan jurulatih Laos, Saysana Savatdy jelas terbayang apabila kerap gundah-gulana dari kerusi simpanan sambil mengarahkan anak buahnya untuk berusaha bangkit dengan serangan bertalu yang lebih berkesan.

Sehingga jaringan Sounthaly Xaysogkham yang bijak melepaskan diri sebelum membuat sentuhan yang menggegarkan gawang Lyaw Min Hlaing minit ke-26 mula meredakan tekanan Laos.

Laos yang tidak mahu meraih simpati untuk mata ke separuh akhir bagaimanapun kerap hampa dengan penyudah yang tidak berkesan apabila Myanmar lebih gemar memperlakukan permainan sehingga keputusan 1 - 1 berkekalan babak pertama.

Kemudian, skrip Laos mula berubah dengan mengancam ke kubu pasukan Ivan Venkov Kolev sehingga ketua pasukan Laos, Visay Phaphouvanin tidak me-



Liputan: Haji Ahat Haji Ismail, Samle Haji Jait, Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abd. Rahman, Haji Ahmad Haji Salim dan Aliddin Haji Moktal

Gambar-gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor, Pg. Hj. Bahar Pg. Hj. Omar, Halim Haji Sulaiman, Abdullah Haji Awang Damit, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim, Ramli Tengah, Masri Osman, Hamadi Haji Mohammad dan Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



<http://www.hassanalbolkiahcup.org>

nunggu lama untuk membawa Laos di depan dengan jaringannya minit ke-56.

Kelebihan jaringan 2 - 1 membuat Laos menampilkan barisan permainannya dengan lebih bertahan sekalipun Myanmar berusaha mencari jaringan penya-

sudah terlambat dan keputusan memihak kepada pasukan Laos.

Sekalipun mempunyai kelebihan untuk mara ke separuh akhir namun pasukan Laos juga perlu menunggu keputusan perlawanan di antara Brunei Darussalam dengan Re-

publik Singapura bagi menentukan kemaraan mereka.

Skuad Negara Brunei Darussalam perlu memperolehi kemenangan besar untuk menghalang pasukan Laos dari menyertai pasukan Myanmar mara ke pusingan separuh akhir bagi Kumpulan 'B'.



PEMAIN Filipina dan Indonesia berebut bola dalam perlawanan Kumpulan 'A' Indonesia menang 2 - 0.

Indonesia tundukkan Filipina

BERAKAS, 19 Mac. - Indonesia akhirnya bangkit daripada tercorot dalam kumpulan 'A' dengan menundukkan Filipina 2 - 0 dalam perlawanan merebut kejuaraan Piala Hassanal Bolkiah Belia 21 Tahun.

Setelah memperkirakan kegagalan dalam dua perlawanan yang lalu tanpa mencapai sebarang kemenangan malah menghimpit mereka untuk terjun ke jurang tercorot dalam kumpulan memaksa Edy Harto mencetus anak didiknya semaksimanya.

Harapan Indonesia terbantah lewat pemain penyerang Ahmad Zaelani yang muncul sebagai ayam bantahan setelah sentuhan ajaibnya terjadi dalam selang masa 10 minit di separuh masa pertama untuk menciptakan dua jaringan.

Kegagalan Filipina mencatat sebarang kemenangan secara tidak langsung mengheretnya untuk pulang lebih awal sekaligus mengulangi peristiwa yang sama di kejuaraan yang lalu.

Dua jaringan yang dicipta Ahmad Zaelani seolah tiada berdaya bagi Filipina menghadapi serangan Indonesia yang sememangnya menguasai perlawanan di

babak pertama selain mengandangkan Mohammad Samsul Azis dan Atep sebagai penggempur mantap.

Indonesia yang sepatutnya berpesta gol di perlawanan itu gagal memanfaatkan koleksi jaringan dengan melepaskan peluang keemasan yang bermula diminit ketiga apabila Atep gagal menyambung hantaran-lintang Bobby Satria.

Tetapi, tidak lama setelah itu gerakan Atep yang melorotkan bola kepada Ahmad Zaelani sekali gus memperdayakan Cagas sebelum menyepak bola dengan kencang dari sebelah kiri masuk ke dalam jaring untuk memulakan aksi petang itu.

Namun perlawanan yang awalnya berpihak kepada Indonesia tiba-tiba dikuasai Filipina setelah masuk ke babak kedua apabila beberapa pemain Indonesia ditukar posisi asalnya di samping mudah terikut-ikut rentak permainan lawan.

Kealpaan pertahanan Indonesia jelas teruji apabila gerakan Valeroso yang selama ini menyaksikan kurang serasi bersama Prochnow cukup mengejutkan namun percubaan terbaiknya itu tepat ke badan Roni Tri

Prasanto.

Kelemahan anak didik bekas penjaga gol Kebangsaan Indonesia di Sukan SEA tahun 90an yang memenangi pingat emas di Filipina ini terbukti apabila kurang mampu mengawal perasaan dan ini di akui sendiri oleh Edy Harto sebagai jurulatih mereka.

"Di sini kurang tenang dan terlalu terburu-buru malah emosi pemain lebih diutamakan daripada ketegangan" jelas Edy Harto, sejeurus selesai perlawanan.

Katanya, setelah mengalami kekalahan dan seri di perlawanan yang lalu dan ditambah lagi dengan pengantungan dua pemain terbaiknya yang berfungsi sebagai penggerak di bahagian tengah sedikit sebanyak telah mengugut kemantapan pasukannya.

Walau bagaimanapun, katanya, pasukan merah putih ini akan tetap berusaha untuk mempertahankan kejuaraan yang pernah mereka kecapi di samping berharap akan mencapai kemenangan ke atas Thailand di perlawanan terakhir mereka di pusingan awal untuk layak ke peringkat seterusnya.

BERAKAS, 17 Mac. - Empat kad merah dilayangkan oleh pengadil dari Republik Singapura, Abdul Malik dalam pertemuan antara Malaysia dan Indonesia apabila beberapa insiden pergaduhan terjadi yang dikatakan berpunca daripada pemain Malaysia.

Dua kad merah dihidiahkan oleh pengadil kepada pemain Malaysia iaitu Wan Mohd. Hoesne jersi 11 dan Mohd. Zaquan Adha jersi 8. Sementara Indonesia pula, kad merah diterima oleh pemain jersi 18, Prananda Aditya dan Ahmad Junaidi jersi 16 sekali gus keempat-empat pemain dikeluarkan dari padang. Perlawanan terpaksa ditangguhkan beberapa minit berikutan pergaduhan tersebut.

Kepantasan bertindak Pasukan Polis Diraja Brunei khususnya Unit Polis Pencegah Rusuhan dapat melewatkan pergaduhan kedua pasukan, namun situasi bertambah tegang lagi apabila para penyokong Indonesia yang memenuhi sebahagian tempat duduk di Kompleks Balapan dan Padang tidak berpuas hati dengan tindakan pengadil.

"Dalam perlawanan bola sepak, insiden seperti pergaduhan dan kekasaran memang sudah menjadi asam garam dalam permainan bola sepak," kata jurulatih Malaysia, R. Gopal.

"Seperti kita ketahui bahawa pasukan Indonesia adalah pasukan baik dan sekali gus menjadi penghalang bagi pasukannya untuk meneruskan perjuangan seterusnya. Seperti mana yang kita lihat separuh masa pertama kebanyakan pemain kita tidak bermain dengan baik kerana menghadapi beberapa tekanan dan terpaksa bermain secara bertahan kira-kira 30 minit kerana Indonesia sering membuat serangan yang merbahaya," jelasnya.

Selepas itu tambahnya, pemain-pemainnya dapat ke-



AKSI MENDEBARKAN ... Pertembungan sengit Indonesia - Malaysia yang menyaksikan Malaysia menang 2 - 0.

yakinan dengan mengubah rentak permainan dengan bergerak secara baik sekali gus berpeluang untuk menembusi gawang Indonesia melalui serangan 'counter attack'.

"Dalam separuh masa kedua, pemain-pemain bermain dengan kesungguhan dan berpeluang membuat serangan di hadapan gol tetapi tidak dapat menyempurnakan peluang-peluang itu, walau bagaimanapun peluang akhirnya berhasil menyumbang satu gol untuk pasukannya, jelasnya.

Ditanya mengenai perancangan perlawanan seterusnya, beliau berkata, akan menyusun balik pasukannya dengan melihat dahulu pemain-pemain yang cedera dan menyusun lebih baik lagi para pemain yang sedia ada dan telah menunjukkan kombinasi yang baik dalam perlawanan sebagai persiapan pertemuan dengan pasukan Thailand.

Penolong Jurulatih Indonesia pula berkata, meluahkan rasa kesal dengan berlakunya insiden seperti pergaduhan kerana kedua-dua pasukan telah menunjukkan permainan yang begitu baik dan seimbang. Oleh kerana kedua-dua pasukan tidak dapat memanfaatkan sebarang penalti dengan sebaiknya. Pasukannya mungkin kurang kawalan emosi dan mencetuskan pergaduhan.

Ditanya mengenai tindakan pengadil melayangkan kad merah, beliau mengakui tindakan tersebut memang wajar, kerana perkara tersebut tidak sepatutnya berlaku.

Dalam babak separuh masa kedua perlawanan diteruskan seperti yang dijadualkan, walaupun separuh masa pertama berlakunya perbalahan di padang permainan namun keadaan tersebut tidak mempengaruhi masa seterusnya,

malahan Malaysia berjaya menembusi gawang Indonesia melalui pemain jersi 2, Mohd. Sabre Mat Abu hasil hantaran leret jersi 12 Mohd. Asraruddin di kawasan penalti.

Ketika Malaysia baru merayakan gol pertama, Indonesia pula dihidiahkan sepakan penalti tetapi gagal dimanfaatkan apabila tendangan yang dilakukan oleh Bobby Satria terkenai tiang gol sekali gus menyelamatkan Malaysia dari menyamakan kedudukan.

Pada minit 97 di babak kedua, Malaysia pula menambah jaringan melalui jersi 17, Mohamad Aidil ketua pasukan Malaysia. Sehingga wisel penamat Malaysia mengukuhkan kedudukan dengan memperolehi tiga mata dan sekali gus menjadi juara dalam Kumpulan 'A' setelah memperolehi tiga mata lebih awal dalam pertemuannya dengan Filipina.

Laporan Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah ...



BERTUKAR CENDERA KENANGAN ... Ketua pasukan Thailand dan Laos bertukar-tukar cendera kenangan sejeurus sebelum perlawanan.

Indonesia hanya mampu seri dengan Viet Nam

SANG juara bertahan Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun Piala Hassanal Bolkiah, Indonesia kempunan mengutip mata penuh setelah diikat seri 0 - 0 oleh Viet Nam walaupun dikecewakan oleh Thailand 0 - 1.

Perlawanan pertama Indonesia bertemu Viet Nam di Kompleks Balapan dan Padang Stadium Negara Hassanal Bolkiah mempamerkan permainan yang agak seimbang namun Indonesia lebih sedikit menguasai permainan.

Begitupun, pada minit ketiga separuh masa pertama mereka mempunyai peluang terbuka untuk membuat jaringan tetapi kerana penyudah dan striker yang tumpul peluang hanya tinggal sia-sia.

Pemain Abdol Tosid dua kali mempunyai peluang terbaik untuk merobek gawang Viet Nam di minit kelima namun tiang gol menjadi penghalang setelah bola kuisannya terkena tiang hasil hantaran rakannya dari sudut kiri.

Peluang terbuka juga tiga minit setelah itu tetapi tandukan Denny Rumba melimpasi sedikit palang gol yang cukup mencekaskan jurulatih Viet Nam, Tran Doan Dung tapi hampir menggembirakan jurulatih Indonesia dari United Kingdom, Peter Withe serta meriuhkan Kompleks Balapan dan Padang penyokong Indonesia yang menyangkakan gol terhasil.

Asakan demi asakan dilakukan oleh Indonesia sehingga Satria Nurzaman, jersi 2 dilayangkan kad kuning oleh pengadil dari Myanmar U Win Oo.

Viet Nam juga mendapat beberapa kali peluang keemasan untuk membuat jaringan terutama pada minit ke-11 dan 12 melalui Pham Thanh Nguyen, jersi 10 tapi semuanya melimpasi palang gol.

Kedudukan seri berterusan hingga pengadil meniupkan wisel berakhirnya separuh masa pertama

walaupun banyak peluang diperolehi oleh kedua-dua pasukan.

Di separuh masa kedua Indonesia mengubah taktik serangan dengan menggunakan ruang tengah sebagai senjata utamanya sehingga di minit 54 mempunyai peluang terbuka untuk menjaringkan gol namun tersasar keluar.

Tidak lama kemudian Tran Duc Duong, jersi 19 dilayangkan kad kuning memberikan sepakan percuma namun gagal dimanfaatkan oleh Bobby Satria.

Walaupun Indonesia mendominasi permainan di separuh masa kedua namun beberapa kali penyerang utamanya Ahmad Zaelani terlepas peluang di minit 65 kerana tandukannya melimpasi palang begitu juga selang dua minit kemudian.

Kedua-dua pasukan tertekan untuk menjaringkan gol hingga membuat beberapa pertukaran pemain namun tetap buntu. Bagi Viet Nam seri pun memadai tetapi Indonesia mengharapkan kemenangan untuk mengukuhkan kedudukannya dalam Kumpulan A.

Kedudukan seri berlarutan hingga wisel penamat walaupun pengadil memberi tambahan masa tiga minit namun kedua-dua pasukan terus kempunan menghasilkan gol di sebalik banyak mencipta peluang keemasan dengan Indonesia dilayangkan tiga kad kuning dan satu untuk Viet Nam.

Jurulatih Indonesia, Peter Withe memberi tahu wakil PELITA BRUNEI, walaupun pasukannya gagal mengutip mata penuh dalam perlawanan pertamanya tapi beliau yakin kemaraan pasukannya ke pusingan separuh akhir masih cerah.

"Jika kami fikir tidak layak ke pusingan separuh akhir tentu kami tidak datang ke mari untuk kejohanan ini," tegasnya penuh yakin.

"Apa yang mengecewakan kami ialah kami tidak memenangi perlawanan walaupun kami menguasai

di separuh masa kedua berbanding masa pertama yang suram di sebalik percubaan yang dapat diselamatkan oleh penjaga gol Viet Nam," tambahnya.

Sekarang, katanya, Viet Nam pun mempunyai peluang mengubah keadaan kerana sisa dua perlawanan lagi tapi pasukannya akan terus mencari kemenangan pertama dalam permainan seterusnya kerana dia percaya jika corak permainan di separuh masa kedua dapat dikekalkan tidak ada masalah untuk menang.

"Saya tidak akan mengubah taktik dan strategi di permainan kedua nanti, ia akan berkekalan kerana kami pun tidak tahu akan taktik lawan-lawan kami nanti tapi apa yang kami mahu ialah untuk menang," tambahnya.

"Kami harus menang di setiap perlawanan kerana itu adalah misi kami ke mari untuk menjadi juara dan mengekalkan kejuaraan walaupun kami sedar persaingan semakin sengit sekarang, hampir semua pasukan bertambah baik permainannya," katanya.

Sementara itu, Ketua Jurulatih Viet Nam, Tran Doan Dung melahirkan kekecewaannya walaupun pasukannya telah mempamerkan permainan yang baik dan banyak peluang tetapi semuanya terlepas begitu saja.

"Sekarang kami harus memberikan perhatian pada pasukan-pasukan lain kerana kesemua mereka datang ke kejohanan ini mahu menang. Oleh itu kami sentiasa menyediakan taktik-taktik untuk perlawanan akan datang memandangkan kami sudah mempunyai informasi mengenai pasukan lawan seterusnya," jelasnya.

Tambahnya lagi, banyak peluang gol terlepas begitu saja tapi dalam perlawanan akan datang perkara itu tidak akan berulang kali, apa yang pasti ialah menang kerana ada sisa dua perlawanan lagi.

Filipina ikat Thailand 0 - 0

BERAKAS, 15 Mac. - Perlawanan Thailand dan Filipina di Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun Piala Hassanal Bolkiah memperlihatkan di luar dugaan apabila kedua-dua pasukan seri 0 - 0.

Perlawanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas memperlihatkan aksi penguasaan Thailand yang gagal menembusi pertahanan Filipina.

Menjadi isu dalam perlawanan itu pula ialah mengenai corak pengadilan yang telah ditunjukkan oleh pengadil dari Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah, Awang Haji Zulkifli Haji Ahmed yang mengadili perlawanan tersebut.

Dalam sidang akhbar yang dijalankan sejeurus selepas perlawanan ditamatkan, Jurulatih Filipina, Aris Caslib menyuarakan ketidakpuasan hati mengenai corak pengadilan yang ditunjukkan oleh tuan rumah yang mengadili perlawanan antara Filipina dan Thailand.

Menurut beliau dalam perlawanan itu cara pengadilan sangat mengecewakan apabila menentang Thailand sehingga memberi kesan yang ketara kepada pemain yang menampilkan aksi yang sebenar.

Katanya, kesalahan penjaga gol Thailand, Sayomphu latphun yang menyela petak D, adalah satu kesalahan yang boleh diberikan sepakan penalti untuk pasukan Filipina pada babak awal separuh masa kedua.

Namun, jelasnya, apa yang beliau kesalkan pe-



ngadil dan juga pembantu pengadil tidak memberikan sebarang tindakan terhadap kesalahan tersebut.

Menurut Jurulatih Filipina lagi, keadaan tersebut telah sedikit sebanyak menyebabkan mutu permainan pasukan Filipina menurun dan banyak menggunakan taktik bertahan, walaupun sering melakukan serangan terhadap pasukan Thailand.

"Saya bercadang untuk membuat laporan secara bertulis dengan mutu pengadilan pada perlawanan tersebut. Ia bukan saja bagi kepentingan pasukan kami tetapi juga bagi menjaga nama kejohanan ini sekali gus untuk mengelak daripada rasa ketidakpuasan pasukan yang lain dan tidak akan terjadi kembali pada perlawanan-perlawanan pusingan separuh akhir nanti," ujarnya.

Beliau juga menyarankan bahawa untuk mengekalkan mutu bola sepak yang baik

dalam ASEAN, aspek pengadilan hendaklah diambil perhatian yang serius kerana ia boleh mewujudkan mutu permainan bola sepak yang menggalakkan.

Sementara itu Penolong Pengurus Thailand, Kittipat Meesowan pula berkata, mereka tidak berpuas hati dengan keputusan yang dicapai. Beliau amat terkejut kerana pemainnya telah menampilkan aksi yang baik tetapi gagal menewaskan pasukan Filipina. Mungkin kerana terlalu yakin membuat mereka kurang bekerja keras.

"Kita juga kurang senang dengan tindakan pengadil yang tidak berkonsisten. Suatu ketika, pengadil tidak berjaya mengawal perlawanan sehingga melayangkan banyak kad kuning kepada pemain," ujarnya.

Dari dua perlawanan yang telah dilalui, pasukan Thailand masih belum yakin dengan keupayaan sebenar se-

hingga menentang pasukan Malaysia nanti, tambahnya.

Jika mereka tewas, kepada pasukan Malaysia, beliau tidak yakin untuk menjuarai kejohanan kali ini kerana pasukan Malaysia dibarisi oleh pemain-pemain di bawah umur 18 tahun, jelasnya.

Secara keseluruhan pertemuan antara Thailand dan Filipina, pasukan Thailand lebih banyak menguasai perlawanan dan sering melakukan serangan yang hampir hampir menggagalkan gawang Filipina hasil tandukan Olan Limsamphansanti, jersi 20 di minit kecederaan masa kedua yang terkena palang, namun hasrat itu tidak tercapai, di samping ketangkasan dan kehandalan yang ditunjukkan oleh penjaga gol Filipina, Cagas Louise Michealpin menjadi penyelamat gawang Filipina.



AKSI perlawanan Indonesia dan Viet Nam (kiri). Sementara gambar kanan pemain Thailand meraikan jaringan.



Thailand belaskah Malaysia 4 - 0

BERAKAS, 19 Mac. - Sentuhan Thailand pada saingan Kumpulan A Kejohanan Bola Sepak Belia ASEAN Piala Hassanal Bolkiah sudah mula menjadi apabila mereka dengan mudah mengaibkan Malaysia 4 - 0.

Thailand yang seri dengan Filipina 0 - 0 dan menundukkan Viet Nam 1 - 0 pada perlawanan terdahulu mempamerkan permainan yang kemas di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dengan mendahului Malaysia 2 - 0 di separuh masa. Kedua-dua jaringan tersebut diperolehi melalui tindakan Preecha

Chaokla.

Malaysia yang juga mengharapkan kemenangan dalam pertemuan itu selepas menumpaskan Filipina 1 - 0 dan Indonesia 2 - 0 menguasai permainan dengan banyak melancarkan percubaan melalui penyerang mereka Mohd. Aspruddin Putra, Syamshahril Gulam dan Abdul Manaf namun kesemuanya tidak kesampaian.

Dalam masa yang sama juga kebanyakan percubaan tersebut tersasar selain berjaya ditolak keluar oleh penjaga gol Thailand, Sayomphu latphun.

Usaha berterusan Malaysia itu terus menemui kebuntuan dan dalam suasana tertekan Thailand berjaya sekali-sekala melakukan serangan mengejut yang membuahkan hasil jaringan ketiga apabila bola rembatan Olan Limsamphansanti dari kiri ditanduk masuk ke pintu gol sendiri oleh pertahanan Malaysia, Yazman Irfan.

Sekalipun ketinggalan 0 - 3, Malaysia hampir pasti merapatkan jurang kedudukan selepas penjaga gol Thailand memuntahkan bola dari dakapannya, namun disebabkan terlalu tergesa-gesa rem-

batan Safiq Brahim tersasar keluar.

Melihat peluang mengatasi Thailand semakin tipis Malaysia cuba memperlakukan permainan dan kesempatan tersebut dimanfaatkan Thailand yang membuahkan hasil jaringan keempat juga melalui Preecha Chaokla.

Dengan kekalahan tersebut Malaysia perlu mengatasi Viet Nam pada perlawanan terakhir untuk mara ke separuh akhir, manakala Thailand pula hanya memerlukan seri saja apabila bertemu Republik Indonesia.

ARENA SUKAN

Selangor atasi Brunei 3 - 2

BERAKAS, 13 Mac. - Selangor terus mengukuhkan kedudukan takhta teratas Liga Bola Sepak Perdana Malaysia Kumpulan 'A' selepas menang tipis mengatasi Brunei Darussalam 3 - 2 di Stadium Negara Hassanali Bolkiah.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Pertemuan yang pada mulanya memperlihatkan penguasaan permainan oleh tuan rumah di separuh masa pertama tidak mem-

Oleh
Haji Ahat Haji Ismail

buahkan sebarang jaringan oleh kedua-dua pasukan.

Bagaimanapun, sebaik saja permainan separuh masa kedua bermula dalam masa lima minit, tuan rumah berjaya mendahului pelawat 1 - 0 melalui jaringan Fadlin Gelawat yang begitu mudah memanfaatkan kesempatan bola hantaran Oluseye Ajayi dan terus merembat masuk.

Tersentak dengan jaringan pendahuluan itu, Selangor kemudian mulai menguasai permainan dengan melakukan banyak

percubaan yang membawa kepada jaringan penyamaan 1 - 1 melalui Mohd. Haris Safwan.

Selepas itu pelawat semakin ghairah melancarkan percubaan demi percubaan dan berjaya menambahkan jaringan kedua apabila bola dakapan penjaga gol Mohd. Wardun terlepas dari genggamannya dan Norisham Kamaruddin terus merembat masuk.

Tuan rumah yang sudah ketinggalan, cuba mengimbangi corak permainan pelawat melalui gerakan kiri dan kanan namun kurang berkesan, sebaliknya pelawat pula berjaya menembusi kelemahan pertahanan tuan rumah selanjutnya menambahkan

jaringan ketiga dari Bambang Pamungkas.

Mendahului tiga jaringan di depan, Selangor terus berusaha mendapatkan lebih banyak jaringan apabila kesemua pemain mereka naik mengatur serangan, keadaan itu membawa padah apabila bola yang meluru ke pintu gol cuba sengaja ditahan dengan tangan oleh pertahanan Selangor menyebabkan pengadil perlawanan Manjit Singh memberikan sepakan penalti kepada tuan rumah.

Jaringan tersebut dengan mudah dilaksanakan oleh Ferid Idrizovic untuk jaringan kedua yang menjadikan kedudukan 2 - 3.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyaksikan Perlawanan Liga Bola Sepak Perdana Malaysia antara Brunei Darussalam dan Selangor.

Negara lahirkan penembak-penembak handalan

Oleh
Abdullah Asgar

JERUDONG, 11 Mac. - Negara Brunei Darussalam melalui Persatuan Menembak Kebangsaan boleh melahirkan penembak-penembak handalan di peringkat serantau dengan adanya Kejohanan Menembak Kebangsaan Kali Pertama.

Dalam pertandingan akhir di Padang Menembak Jerudong Park terjadi persaingan hebat di antara Razali Tagal dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan Kamis Juing mewakili Jabatan Penjara dalam acara skeet perseorangan juara terpaksa ditentukan tembakan penentuan.

Ketika tembakan pertama kedua-dua peserta hanya mampu menjatuhkan satu 'birds' tetapi pada tembakan kedua Razali Tagal ternyata lebih handal untuk mengatasi lawannya dengan 118 mata sekali gus merangkul pingat emas skeet perseorangan, lawannya hanya tertinggal satu mata bagi mengutip pingat perak dan gangsa diraih oleh Mohd.

Harno Haji Abd. Ghani dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Berangkat menyaksikan pertandingan akhir itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima hadiah penghargaan dan sijil bagi acara trap lelaki perseorangan dari tetamu kehormat Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal.

Sementara itu, Pengiran Dato Paduka Haji Kamaluddin menerima hadiah dan sijil bagi terbaik keseluruhan acara skeet lelaki perseorangan dan Nikles Mulok terpilih penembak terbaik keseluruhan bagi acara trap lelaki perseorangan.

Keputusan penuh bagi

kejohanan empat hari itu adalah seperti berikut acara trap perseorangan wanita pingat emas, Madiani Haji Metali; perak, Hajah Norsah Haji Abu Talip dan gangsa, None Azlyenn Khalid.

Manakala trap perseorangan lelaki pingat emas Rizal Fuziana Salleh; perak, Mohd. Hanafi Haji Abd. Hadi dan gangsa, Salman Sagar.

Bagi acara double trap perseorangan wanita pingat emas Hajah Norsah Haji Abu Talip; perak, Hajah Wahyu Mayani Haji Bidin dan gangsa, None Azlyenn Khalid.

Sementara dalam double trap perseorangan lelaki pingat emas diraih oleh Siful Rezaal Japar; perak, Kamaluddin Tujuh dan gangsa, Yakub Batong.

Dan dalam acara skeet perseorangan wanita Nosiizillawati Haji Basri berjaya mengutip pingat emas; perak, Mardiana Haji Sarudin dan Siti Aishah Haji Aji memungut gangsa.

Acara penutupan kejohanan tersebut disempurnakan oleh tetamu kehormat dengan menutup tirai papan kejohanan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama para peserta Kejohanan Menembak Kebangsaan Kali Pertama (atas). - Gambar oleh Pengiran Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metasim.

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima hadiah penghargaan dan sijil daripada Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal (kanan). - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.



KHEDN adakan Walkaton Amal

Oleh
Aliddin Haji Moktal

BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan acara Walkaton Amal bagi para pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawah

nya serta orang ramai yang berlangsung di Kompleks Sukan Sungai Asam, Sungai Kebun.

Acara walkaton ini juga dianjurkan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) bagi Mukim Sungai Kebun,

Mukim Burong Pinggai Ayer, Mukim Lumapas, Mukim Tamoi, Mukim Peramu dan Mukim Saba.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji

Awang Adanan menyertai acara senam sihat dan walkaton amal tersebut.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail juga turut hadir di majlis itu.

Acara dimulakan dengan senam robik bagi memanaskan badan sebelum acara walkaton bermula.

Acara walkaton itu dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bagi peserta lelaki berjalan sejauh empat kilometer, manakala peserta perempuan pula berjalan sejauh dua kilometer dan berakhir di Kompleks Sukan Sungai Asam Sungai Kebun.

Aktiviti tersebut bukan sahaja bertujuan mempromosikan cara hidup yang sihat malahan para peserta juga digalakkan menderma bagi Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan menyertai Walkaton Amal anjuran enam MPMK. - Gambar oleh Ramli Tengah.



SEORANG peserta Kejohanan Menembak Kebangsaan gembira dengan kejayaan yang diperolehinya. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Menerima mengadap Setiausaha Tetap Pertahanan Perancis



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan Perancis, Tuan Yang Terutama Thierry Borja De Mozota.

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan Perancis, Tuan Yang Terutama Thierry Borja De Mozota berlang-

Oleh
Sahari Akim

sung di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama adalah juga bekas Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Perancis ke Negara Brunei Darus-

salam yang telah menamatkan perkhidmatannya pada tahun lepas.

Turut hadir di Majlis Mengadap tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Hubungan kerjasama Brunei - Pakistan diperluaskan

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Jeneral Pervez Musharraf, Presiden Republik Islam Pakistan dan Tuan Yang Terutama Shaukat Aziz, Perdana Menteri Republik Islam Pakistan bersempena Hari Pakistan.

Dalam perutusan itu,

baginda sangat menghargai hubungan yang erat dan mesra di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Pakistan. Baginda percaya hubungan kerjasama ini akan dapat diperluaskan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Jeneral Pervez Musharraf, sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Islam Pakistan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan

an yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Shaukat Aziz, Perdana Menteri Republik Islam Pakistan baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Republik Islam Pakistan sempena Hari Pakistan.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda mendoakan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, semoga Tuan Yang Terutama Shaukat Aziz, Perdana

Menteri Republik Islam Pakistan sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Islam Pakistan akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

YTM berkenan berangkat ke Majlis Penyampaian Hadiah Perlawanan Amal Bola Jaring RBA

BERAKAS, 20 Mac. - Pasukan Jade 1 muncul sebagai johan di Perlawanan Amal Bola Jaring Peringkat Akhir Syarikat Penerbangan Diraja Brunei bagi Tabung Derma Bencana Tsunami dengan menumpaskan Blunettes dengan jaringan 10 - 8.

Sementara pasukan PCT 1 dan Fusion hanya sekadar berpuas hati untuk berkongsi kedudukan tempat ketiga setelah lebih awal disingkirkan oleh pasukan juara dan naib juara yang diadakan sebelumnya.

Oleh
Abu Bakar
Hj. Abd. Rahman

Berangkat menyaksikan perlawanan amal itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah yang juga berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pasukan-pasukan yang berjaya.

Terdahulu dari itu dalam sembah alu-aluan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Perlawanan, Dayangku Halizah menjelaskan, perlawanan tersebut sejajar dengan sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Majlis Doa Selamat dan Penghargaan kepada sukarelawan dan dermawan bagi bantuan kemanusiaan inisiatif Yayasan Sultan Haji

Hassanal Bolkiah yang diadakan bulan Februari lalu di Pusat Persidangan Antarabangsa.

Ke arah menyahut aspirasi yang disabdakan oleh Duli Yang Teramat Mulia itu beliau berharap agar usaha seumpama itu akan dijadikan sebagai ikutan mana-mana pihak bagi melahirkan generasi muda yang berkeyakinan, berfikir terbuka, berkarisma, bertanggungjawab dan berupaya mengangkat martabat bangsa dan negara.

Awal dari itu Dayangku Halizah menjelaskan keberangkatan Yang Teramat Mulia sebagai menyokong usaha mereka dalam mengukayakan majlis seumpama itu, di samping menjadi 'role model' yang tepat bagi menggalakkan lagi kegiatan dan perkembangan sukan bola jaring di negara ini dan menjadi sumber aspirasi remaja alaf baru.

Perlawanan yang diadakan selama tiga hari itu bertujuan untuk mengumpul seberapa banyak ahli sukan wanita dan pengemang sukan berkenaan tanpa mengira batas usia dan kerjaya bagi sama-sama memberikan sumbangan dalam apa jua bentuk kepada tabung berkenaan. Perlawanan yang disertai oleh 21 buah pasukan dengan keramaian pemain 210 orang adalah sebagai memberi peluang untuk meningkatkan taraf permainan bola jaring di negara ini.

Majlis diakhiri dengan penyerahan cek yang disempurnakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah kepada Pengarah Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Adinah selaku wakil Jawatankuasa Tabung Mangsa Bencana Tsunami yang berjumlah \$2,100.00 hasil kutipan perlawanan.

Dari muka 1

Yang Berhormat menambah, perkara itu menjadi satu perspektif yang membimbangkan di mana penggunaan air di negara ini adalah lebih dua kali ganda setiap orang berbanding dengan negara jiran terdekat.

Awal dari itu, Yang Berhormat menjelaskan air menjadi sumber yang amat terhad bagi negara sekalipun air bersih tidak menjadi masalah bagi Negara Brunei Darussalam.

Menurut Menteri Pembangunan, ketika ini di seluruh dunia telah dianggarkan lebih dari 1.0 billion orang yang tidak mempunyai 'access' kepada air bersih dan pada tahun 2005 nanti, jumlah itu dianggarkan akan menjadi 2.6 bilion orang.

Melihat suasana itu, Jawatankuasa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hak-hak Ekonomi, Kebudayaan dan Sosial telah mengisytiharkan bahawa 'access' air merupakan satu daripada hak kemanusiaan dengan menetapkan bahawa air ialah isu sosial dan kebudayaan, air adalah isu kehidupan dan

bukan hanya isu komoditi ekonomi.

Tema-tema sambutan Hari Air Sedunia yang bertemakan 'Air Untuk Kehidupan' mengingatkan semua orang betapa berharganya sumber air sambil mengambil langkah-langkah proaktif dan berterusan untuk memulihara serta meningkatkan kuantiti dan kualiti sumber air bagi kegunaan masa hadapan.

Sambutan Hari Air Sedunia telah dipersetujui di Perhimpunan Am Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diraikan 22 Mac setiap tahun di seluruh dunia.

Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Rashid berkata, deklarasi berkenaan bertujuan untuk menyeru kepada semua agensi kerajaan, antarabangsa, bukan kerajaan dan sektor swasta untuk sama-sama melaksanakan projek-projek air ke arah pembangunan yang berterusan dan juga untuk mengatasi isu-isu yang berkaitan dengan air.

Sehubungan dengan itu, Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya telah menyediakan aktiviti-aktiviti bagi sambutan berkenaan ter-

masuk Peraduan Fotografi dan Peraduan Melukis dan Mewarna.

Sementara itu, 'World Water Day Splash', ekspedisi berbasikal, 'World Water Day Young Engineer's Race', Pertandingan Golf dan Seminar Air merupakan antara aktiviti yang akan diungkapkan dan dijangka akan menarik minat pengunjung.

"Aktiviti berkenaan diharapkan akan dapat memberi pendedahan dan mendidik masyarakat untuk menghayati serta memahami perihalan dan pentingnya menjaga dan menguruskan sumber air," ujarnya.

Dari muka 1

Baginda kemudiannya berkenan berangkat ke Rumah Ketua Kampong Rimba, Awang Puspawira bin Haji Mohd. Noor, Pusat Janakuasa Elektrik Gadong II, Grand Motors Sendirian Berhad, QAF Brunei, Kingston Beverage and Creamery Sendirian Berhad, Brunei Press Sendirian

Berhad, Jati Transport Sendirian Berhad, Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) dan ke rumah Ketua Kampong Mata-Mata, Awang Haji Nayan bin Haji Mohammad.

Majlis kali ini merupakan kali ketiga Kebawah Duli Yang Maha Mulia berangkat menyempurnakan penganugerahan anak-anak kunci rumah dan lot-lot tanah sepanjang tahun 2005.



كجوهنن فيالا حسن البلقية منجادي واده قرقادوان بليا اسيان
KEJOHANAN PIALA HASSANAL BOLKIAH MENJADI WADAH PERPADUAN BELIA ASEAN



دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، جباتن فردان منتری، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari &
Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Elektrik

144

Maklumat
Penerbangan

2331747

Pusat Mencari &
Menyelamat
(udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan
Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

Berkenan menerima mengadap

Oleh
Bolhassan Haji Abu Bakar



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima mengadap Puan Sopa Polteja, isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Masri Osman.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Puan Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap secara berasingan isteri Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke negara ini dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri mula-mula berkenan menerima mengadap Puan Sopa Polteja, isteri Tuan Yang Terutama Somsilp Polteja, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam.

Sejurus kemudian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Puan Yang Terutama Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad.

Hadir di Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman ialah Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah.

DPMM menerima mengadap tiga perwakilan NBD

Oleh Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah telah berkenan menerima mengadap tiga orang perwakilan Negara Brunei Darussalam (NBD) ke negara-negara sahabat yang baru dilantik.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman di ibu negara di sini.

DYTM berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, PYT Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Kanada, PYT Magdalene Teo Chee Siong dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, TYT Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan wataikah perantikan kepada PYT Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah pada 3 Februari lalu.

Sementara PYT Magdalene Teo Chee Siong, 49 tahun dan TYT Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin, 55 tahun telah menerima wataikah perantikan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia masing-masing pada 15 Mac lalu.

Hadir sama di Majlis Mengadap itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap tiga orang perwakilan Negara Brunei Darussalam ke negara-negara sahabat yang baru dilantik. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menerima mengadap dua orang perwakilan Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik dan isteri Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Thailand. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

YTM berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah telah berkenan menerima mengadap dua orang perwakilan Negara Brunei Darussalam ke negara-negara sahabat yang baru dilantik dan isteri Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Thailand.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman di ibu negara di sini.

YTM berkenan menerima mengadap Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, PYT Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah

binti Pengiran Haji Ahmad; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Kanada, PYT Magdalene Teo Chee Siong dan Datin Hajah Arbi binti Haji Abdul Rahman, isteri Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, TYT Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin bin Pengiran Haji Yusof.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan wataikah perantikan kepada PYT Pengiran Datin Paduka Hajah Masrainah pada 3 Februari dan PYT Magdalene Teo Chee Siong pada 15 Mac lalu.

REBUT PELUANG PELABURAN DALAM AGRIBISNES

EKONOMI

OLEH SAHARI AKIM

SEKTOR pertanian menjadi teras penting dalam mencapai matlamat negara untuk menghasilkan pengeluaran makanan yang mencukupi. Pelbagai usaha diungkapkan untuk memajukan sektor ini. Kerajaan melalui Jabatan Pertanian terus memberikan bantuan dan kemudahan-kemudahan kepada pengusaha tempatan.

Walaupun banyak kemajuan telah dicapai dalam pengeluaran primari seperti daging ayam, telur, sayur-sayuran dan buah-buahan, namun potensi dalam hiliran sekunder terutama dalam pemprosesan makanan masih belum diterokai sepenuhnya. Industri sekunder mempunyai banyak potensi dalam pemprosesan barangan nilai tambah untuk pasaran ASEAN.

Pada tahun 2004 nilai pengeluaran hasil pertanian mencatatkan hampir B\$200 juta, lebih kurang dua peratus dari pada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sektor pertanian dijangkakan akan terus berkembang maju pada kadar sederhana tiga peratus setahun bagi beberapa tahun mendatang. Pertumbuhan juga dijangkakan akan terus meningkat dalam jangka masa terdekat dengan penekanan pembangunan strategik dalam industri pemprosesan makanan asas tani.

Sementara itu peluang pelaburan dalam agribisnes terbuka luas kepada penglibatan sektor swasta tempatan dan luar negeri sama ada untuk memulakan perniagaan baru atau membesarkan perniagaan mereka.

Jabatan Pertanian berusaha membangun sektor agribisnes melalui pendekatan menyeluruh dengan memupuk integrasi menegak meliputi pengeluaran primari, pemprosesan, pembungkusan, pengedaran dan perdagangan selain melalui inte-

grasi melintang atau lain-lain perniagaan.

Ke arah itu, Jabatan Pertanian menyediakan suasana mesra pelaburan, supaya Negara Brunei Darussalam dapat dijadikan laluan bagi menembusi potensi pasaran ASEAN yang mempunyai 500 juta pengguna. Dengan bilangan penduduk dan ekonomi yang pesat membangun, ASEAN merupakan satu pasaran yang amat besar bagi barangan makanan asas tani dan pertanian.

SENARIO

Untuk melihat secara lebih dekat perkembangan dan peluang-peluang perniagaan dalam sektor pertanian kita paparkan beberapa maklumat dari buku terbitan Jabatan Pertanian yang dapat dikongsi dan dimanfaatkan bersama terutama bagi mereka yang berkecimpung atau berminat untuk menerokai bidang ini.

Terdapat sejumlah 12,588 hektar untuk kawasan pertanian. Pada tahun 2003 sejumlah 7,859 hektar telah dimajukan dan bakinya 4,729 hektar masih terbuka kepada pelabur. Kira-kira 55 peratus daripada keluasan 7,859 hektar tersebut adalah kawasan ragutan ternakan dan selebihnya terdiri dari tanaman hortikultur, tanaman campuran dan ternakan ayam.

Penggunaan tanah: Pecahan dari jumlah keseluruhan tanah yang telah dimajukan merangkumi 4,3242 hakter (ternakan ruminan - lembu, kerbau, kambing dan rusa); 84 hektar pelbagai tanaman; 349 hektar sayur-sayuran; 1,841 hektar buah-buahan; 64 hektar tanaman hiasan; 490 hektar ayam pedaging dan 689 hektar tanaman padi.

Kemudahan: Jabatan Pertanian telah menyediakan prasarana seperti pembinaan jalan, pengaliran

dan saliran selain bekalan elektrik dan air untuk membantu usahawan memajukan perusahaan mereka.

Jabatan tersebut juga bergiat mempermudah aliran teknologi dan menyediakan pelbagai perkhidmatan dalam usaha meningkatkan produktiviti dan kualiti pertanian tempatan.

Tanaman: Sebahagian besar pengeluaran tanaman ialah dari hortikultur terdiri dari sayur-sayuran, buah-buahan, florikultur dan tanaman hiasan. Perladangan sayur-sayuran lebih tertumpu di pinggir-pinggir bandar, manakala dusun buah-buahan berselerak di seluruh pelusuk perkampungan.

Dalam tahun 2003, pengeluaran sayur-sayuran mencatatkan hampir 10,360 metrik tan (mt), kebanyakannya sayuran dedaun. Pada tahun yang sama, pengeluaran tanaman mencatatkan lebih 4,600 mt hasil buah-buahan dan 547 mt beras.

Perusahaan florikultur masih di tahap yang rendah dengan menghasilkan sejumlah kecil bunga orkid dan pelbagai bunga tropika. Terdapat banyak peluang bagi penerokaan sumber biodiversiti khususnya bagi pembuatan makanan ubat-ubatan dan produk herba. Tumbuh-tumbuhan asli yang terdapat di Borneo juga berpotensi untuk dikomersilkan. Bagaimanapun ia masih memerlukan usaha penyelidikan bagi tujuan agronomi dan komersil.

Ternakan: Usaha ternakan lebih tertumpu kepada ayam khususnya dalam pengeluaran ayam pedaging dan telur. Hasil pengeluaran dalam tahun 2003 mencatatkan kira-kira 15,400 mt daging ayam dan lebih 5,000 mt telur. Kini negara telah mencapai tahap sara diri bagi komoditi berkenaan. Ia berikutan peningkatan penggunaan

sistem reban tertutup yang dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran dan membantu meningkatkan hasil.

Penternakan ayam masih boleh dimajukan melalui integrasi menegak dan melintang. Beberapa buah ladang sudah pun melakukan kedua-dua integrasi hulu dan hiliran untuk mendapatkan sinergi perniagaan misalnya dalam perkilangan makanan ternakan dan pemprosesan lanjut.

Penternakan ruminan masih rendah dengan mencatatkan hasil kira-kira 200 mt daging. Kebanyakan daripada keperluan daging diimport dari luar negeri. Kekurangan kawasan merupakan penghalang utama akan tetapi sistem fidlot membukakan peluang untuk penternakan dan lembu secara intensif. Peluang ini masih belum dimanfaatkan untuk membekalkan komoditi daging kepada pasaran serantau yang lumayan.

Selain daripada kerbau dan lembu, terdapat juga segelintir ternakan lembu tenusu Friesian yang menghasilkan kira-kira 97,858 liter susu segar untuk pasaran tempatan. Juga terdapat sejumlah kecil ternakan kambing dan rusa yang belum memberikan impak kepada pengeluaran daging.

AGRIBISNES

Kita membukakan satu lembaran baru dalam sektor pertanian yang tidak lagi terbelenggu dalam pengeluaran komoditi primari tetapi meneroka alam perniagaan yang menjurus kepada industri pemprosesan dan pemprosesan lanjut serta lain-lain perkhidmatan. Negara Brunei Darussalam memperakui betapa pentingnya pengeluaran primari bagi jaminan sosial.

Oleh itu adalah perlu memajukan agribisnes di mana kita mempunyai

kelebihan dalam industri sekunder iaitu pemprosesan dan pemprosesan lanjut produk-produk tambah nilai mensasarkan secara terpilih pasaran-pasaran serantau dan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam mempunyai sumber tenaga yang banyak untuk mendukung pembangunan industri. Kerajaan pula mendukung pelaburan dalam sektor perindustrian termasuklah pemprosesan makanan. Oleh itu terdapat banyak peluang bagi pelabur mendirikan pusat pembuatan mereka di negara ini dan menggunakan bekalan komoditi mentah serantau.

Pelabur boleh menggunakan suasana yang disediakan oleh negara ini untuk mengeluarkan produk tambah nilai dan menembusi pasaran pengguna di ASEAN yang melebihi 500 juta penduduk.

KEMUDAHAN

Negara Brunei Darussalam memperakui peranan sektor swasta dalam membangunkan agribisnes menjurus pasaran maju. Kerajaan menggalakkan pelaburan tempatan dan asing dalam agribisnes melalui dasar mesra pelabur seperti:

- * Kerajaan akan membantu pelabur mendapatkan kawasan yang bersesuaian untuk menjalankan pelbagai agribisnes.

- * Kerajaan sedia mempertimbangkan keperluan bagi menyediakan prasarana asas seperti jalan, saliran, pengaliran serta bekalan air dan elektrik.

- * Negara Brunei Darussalam mempunyai pelabuhan, lapangan terbang, jalan-jalan raya serta kemudahan ICT yang baik.

- * Negara ini mempunyai tenaga kerja yang berpendidikan bagi mendukung pembangunan agribisnes. Tambahan pula dasar kerajaan yang liberal membenarkan kemasukan

tenaga asing yang murah untuk mendukung pembangunan ekonomi.

- * Negara Brunei Darussalam mempunyai kelebihan dagangan yang kukuh untuk menaja program pembangunan tanpa perlu meminjam. Namun, kerajaan bertekad melaksanakan program pembangunan bagi mempelbagaikan ekonomi yang berasaskan petroleum.

- * Mata wang negara berada pada kedudukan yang baik atas sokongan rezab asing yang kukuh. Institusi kewangan dikawal sempurna dan mempunyai keupayaan mendukung pembangunan sektor swasta.

- * Kerajaan mendukung penyelidikan dan pembangunan pertanian termasuklah teknologi lepas tuai. Sektor swasta mudah mendapatkan kemudahan berteknologi dan sumber maklumat. Lain-lain program dukungan termasuklah pasaran tani, pembangunan usahawan dan pembangunan piawaian-piawaian perindustrian.

- * Negara Brunei Darussalam mempunyai kerangka perundangan yang mantap bagi melindungi pelaburan dan aset intelek.

- * Negara Brunei Darussalam mempunyai dasar awam mesra pelabur termasuklah insentif percukaian dan taraf perintis.

- * Negara Brunei Darussalam menikmati kestabilan politik dan keakraban sosial sejak sekian lama yang boleh menerima baik pelaburan tempatan dan asing.

PELUANG

Peluang masih wujud dalam semua bidang pengeluaran pertanian dan agribisnes sama ada dalam pengeluaran primari, pemprosesan makanan mahupun penyampaian perkhidmatan profesional. Peluang dalam sektor primari masih

cerah bagi pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran, florikultur, tanaman herba dan ubat-ubatan, penternakan secara fidlot termasuk pengeluaran ayam.

Bagaimanapun, peluang agribisnes yang terbaik terdapat dalam industri sekunder. Antaranya termasuklah pemprosesan dan pemprosesan lanjut produk daging, telur, pengisaran bijirin, pemprosesan jus dan sirap, pembuatan makanan berunsur ubatan daripada herba serta pembuatan ubatan veterinar dan biologi.

Sementara itu sektor perkhidmatan profesional yang masih belum dimanfaatkan menawarkan banyak peluang untuk pembangunan perkhidmatan makanan dan pemasaran tani, perundingan agribisnes, perkhidmatan veterinar dan perdagangan kimia pertanian dan barangan veterinar.

INSENTIF

Mana-mana syarikat berhad yang ditauliahkan Sijil Perintis akan menikmati insentif seperti:

- * Pengecualian cukai korporat.

- * Pengecualian cukai barangan kapital import.

- * Pengecualian cukai bahan-bahan mentah.

- * Insentif pinjaman asing.

- * Insentif bagi mengembangkan perniagaan yang sedia ada.

Peluang yang ada perlu direbut oleh para pengusaha tempatan sama ada untuk memperbesarkan perusahaan atau meneroka bidang-bidang baru yang terbuka luas. Kejayaan 'sara diri' bagi pengeluaran daging ayam dan telur tidak mustahil dapat dilartakan kepada sektor-sektor lain asalkan pengusaha tempatan sentiasa mengamalkan sikap berdaya maju.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA, KEMENTERIAN KEWANGAN

Bahagian II

Bil.	Perkhidmatan	TPOR
1.	Pemprosesan Deklarasi (Long Room)	1 hari
2.	Pemeriksaan/Pengeluaran Barangan :	60 hari
	A) Bahagian Pusat Memproses Mel (MPC)	
	i) Barang biasa (Bungkusan Sederhana)	1 hari
	ii) Barang Sekatan	3 hari
	B) Bahagian Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa (LTA) :	
	i) Barang (Kargo) Biasa	1 hari



KEJOHANAN Bola Sepak Belia ASEAN Bawah 21 Tahun Piala Hassanah Bolkiah kali kedua berlangsung minggu ini. Kejohanan dwitahunan itu merupakan cetusan idea Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam usaha mewujudkan kesedaran sebagai sebuah masyarakat Asia Tenggara yang menurut baginda boleh dicapai melalui sukan yang dapat menjangkau ke segenap lapisan masyarakat. Dalam konteks ini, jelas baginda, bola sepak mempunyai pengikut terbesar di Asia Tenggara. Dengan mempunyai sebuah liga bola sepak ASEAN atau Asia Tenggara, akan memperluaskan lagi kesedaran orang-orang biasa di negara-negara ASEAN. Gambar kiri, baginda bersalaman bersama pegawai teknikal kejohanan sejurus berkenaan merasmikan kejohanan berkenaan di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas pada 16 Ogos 2002. - Sumber : PELITA BRUNEI, Rabu, 21 Ogos 2002 (2002 : 1) & Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepanjang Tahun 1997. (Negara Brunei Darussalam : Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Penerbitan, Jabatan Penerangan 1998 : 92 & 93).

Menyeru kepada kebaikan, melarang kemungkaran

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Allah Subhanahu Wataala memerintahkan hamba-Nya supaya menyeru ke arah kebaikan dan mencegah melakukan kemungkaran. Tugas ini adalah amanah dari Allah Subhanahu Wataala yang mesti dipikul dan dilaksanakan oleh umat Islam yang menjadi khalifah di muka bumi ini. Allah Subhanahu Wataala memberi pujian sebaik-baik umat di muka bumi kepada mereka yang berbuat demikian sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 110 yang tafsirannya:

"Kamu wahai umat Muhammad adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia kerana kamu menyuruh berbuat perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah, buruk dan keji serta kamu pula beriman kepada Allah dengan sebenar-benar iman."

Menyeru berbuat kebaikan dan mencegah melakukan kemungkaran adalah tugas yang sangat mulia dan penting bagi kaum Muslimin kerana perbuatan menyuruh melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran adalah perintah Allah Subhanahu Wataala yang semestinya dilaksanakan oleh umat Islam sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam ayat 110 Surah Ali 'Imran yang telah dibacakan tadi.


Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Dari Abi Saied Al-Bukhari Radiallahuanhu ia berkata: Saya telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Barangsiapa di antara kamu yang melihat sesuatu kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya (mencegahnya) dengan tangannya dan jika ia tidak berkuasa maka dengan lidahnya dan jika ia tidak berkuasa, maka dengan hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Kita sekarang hidup di zaman moden, zaman yang penuh cabaran di mana setiap orang lebih banyak menumpukan kepada masalah duniawi daripada akhirat sehingga

ISLAM mementingkan kemaslahatan umatnya, menjaga keharmonian dalam kehidupan beragama dan bermasyarakat dan yang paling utama ialah untuk menjaga akidah umatnya supaya sentiasa berada di landasan yang betul mengikut ajaran Islam. Itulah yang sepatutnya kita lakukan jika kita mahu diri kita, keluarga kita, negara kita dan agama kita selamat dan dilindungi Allah Subhanahu Wataala.

TUGAS MULIA DAN PENTING



berada di landasan yang betul mengikut ajaran Islam. Itulah yang sepatutnya kita lakukan jika kita mahu diri kita, keluarga kita, negara kita dan agama kita selamat dan dilindungi Allah Subhanahu Wataala.

Menurut Al-Imam Al-Ghazali di dalam kitabnya Ihyau' Ulumit Dinn, adalah wajib bagi orang Islam melaksanakan amal makruf dan nahi mungkar. Pertamanya kepada diri sendiri dengan membiasakan melakukan pekerjaan yang wajib dan meninggalkan yang haram. Setelah itu perintahkan pula keluarga berbuat demikian, setelah itu saudara sendiri juga hendaklah diajak melakukannya, kemudian seluruh penduduk kampung dan daerah, seterusnya sekalian masyarakat.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Ali 'Imran ayat 104 yang tafsirannya:

"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak menyeru berdakwah kepada kebajikan mengembangkan Islam dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah, buruk dan keji. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

Tugas menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran bukanlah suatu tugas yang mudah, tetapi sememangnya berat dan memerlukan kepada hikmah, perlu kepada sifat sabar dan tahan diri mene-

rima cemuhan dan cacian. Inilah perjalanan para Nabi, para Rasul, para wali, para salihin, orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berjiwa Islam yang mahu menegakkan kebenaran di muka bumi ini.

Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Luqman ayat 17 yang tafsirannya:

"Wahai anak kesayangan, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu, sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya."

Oleh itu wahai kaum Muslimin, jadikanlah kuasa itu tanggungjawab yang diamanahkan sebagai landasan bagi menegakkan agama Islam, bukan melanggar perintah Allah Subhanahu Wataala sehingga melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran agama Islam seperti menghalalkan yang haram

dan mengharamkan yang halal. Jangan disebabkan pangkat dan kuasa kita lupa akhirat, lupa dosa, sedangkan akhirat tempat yang kita tuju dan kekal abadi.

Ketahuilah bahawa mengabaikan dan mere-mehkan ajaran agama Islam itu akan mengundang kepada kesusahan, bahkan akan menghancurkan umat Islam sendiri. Ini jelas sebagaimana yang berlaku terhadap umat-umat yang terdahulu yang ingkar perintah Allah Subhanahu Wataala di mana Allah menurunkan azab, malapetaka dan bencana ke atas mereka.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 165 yang tafsirannya:

"Maka tatkala mereka melupakan (tidak menghiraukan) apa yang telah diperingatkan kepada mereka, Kami selamatkan orang-orang yang melarang daripada perbuatan jahat itu dan Kami timpakan orang-orang yang zalim dengan azab seksa yang amat berat, disebabkan mereka berlaku fasik (derhaka)."

TUGAS menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran bukanlah suatu tugas yang mudah, tetapi sememangnya berat dan memerlukan kepada hikmah, perlu kepada sifat sabar dan tahan diri menerima cemuhan dan cacian. Inilah perjalanan para Nabi, para Rasul, para wali, para salihin, orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berjiwa Islam yang mahu menegakkan kebenaran di muka bumi ini.

وقت سبهيغ، امساك، شوروقة دان ضحى

وقت ۲ سبهيغ، امساك، شوروقة دان ضحى باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 12 صفر، 1426 برسمان دغن

23 مرج، 2005 هيغك كهاري ثلاث، 18 صفر، 1426 برسمان دغن 29 مرج، 2005 اداله سفرت دباوه اين:-


هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروقة	ضحى	مسيحي
صفر									مرج
12	12.29	3.35	6.31	7.40	5.07	5.07	6.23	6.46	23
13	12.28	3.34	6.31	7.40	5.07	5.07	6.23	6.46	24
14	12.28	3.33	6.31	7.40	5.06	5.06	6.22	6.45	25
15	12.28	3.32	6.31	7.40	5.06	5.06	6.22	6.45	26
16	12.27	3.31	6.30	7.39	5.05	5.05	6.21	6.45	27
17	12.27	3.30	6.30	7.39	5.05	5.05	6.21	6.44	28
18	12.27	3.30	6.30	7.39	5.04	5.04	6.20	6.44	29

وقت ۲ سبهيغ باگي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سبهيغ فرض جمعة دسلوروه نكارا بروني

دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تهايري.

SAF SEMBAHYANG

Elakkan 10 kerugian



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

KERUGIAN SEPULUH PERKARA KERANA TIDAK MENGELOKKAN SAF

AL-IMAM Al-Suyuthi Rahimahullahu Taala menjelaskan di dalam kitabnya *Basth Al-Kafi* Imam Al-Shaf, keengganan seseorang untuk mengelokkan saf sembahyang boleh mengurangkan satu darjat daripada ganjaran pahalanya sebanyak dua puluh tujuh, kerana mengelokkan saf itu mengandungi nilai satu darjat. Di samping itu, keengganan mengelokkan saf meluputkan lagi sembilan perkara kebajikan lain yang mewakili dua puluh tujuh

perkara kebajikan yang disebutkan di atas, di mana tiap-tiap satunya mengandungi nilai satu darjat.

Sembilan perkara yang terluput itu ialah:

1) Keamanan daripada gangguan syaitan. Ini kerana syaitan akan mencelah-celah di ruangan saf yang kosong yang sepatutnya diisi, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Luruskanlah oleh kamu saf-saf kamu dan sejajarkanlah di antara bahu-bahu kamu, berlaku lembutlah ketika memegang tangan saudaramu (waktu merapatkan saf) dan tutupi celah-celah, kerana syaitan masuk mencelah di antara kamu sama seperti anak domba yakni anak-anak kambing yang kecil." (Hadis riwayat Ahmad).

2) Lingkungan para Malaikat. Ini kerana Malaikat adalah musuh syaitan. Malaikat tidak akan berada di suatu tempat apabila syaitan berada di situ. Oleh itu, Malaikat tidak akan datang ke tempat tersebut (saf yang tidak elok itu).

3) Doa para Malaikat baginya.

4) Penyaksian para Malaikat.

5) Pembangunan organisasi persahabatan. Ini kerana tidak mengelokkan saf itu boleh menyumbang kepada pergeseran dan perselisihan di lubuk hati sebagaimana yang tersebut di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu

Mas'ud, beliau berkata yang maksudnya:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam membetul-betulkan bahu kami ketika (akan) mendirikan sembahyang, dan Baginda bersabda: *Luruskanlah, jangan kamu membengkok (saf), maka hati-hati kamu pun akan berselisih (tidak sefahaman).....*" (Hadis riwayat Muslim).

6) Perolehan berkat orang yang mempunyai kekurangan daripada orang yang sempurna ibadatnya di kalangan mereka. Ini kerana tidak mengelokkan saf itu menyebabkan hati tidak bersatu.

7) Terhindar daripada lupa. Oleh itu, orang yang tidak mengelokkan saf biasanya tidak akan terlepas daripada lupa.

8) Kebencian syaitan terhadap kumpulan orang yang mengerjakan ibadat dan bertolong-tolongan membuat perkara ketaatan. Apabila saf sembahyang dalam keadaan yang tidak elok, maka syaitan suka dengan keadaan saf yang tidak elok itu.

9) Khusyuk dalam sembahyang. Ini kerana syaitan yang masuk di celah-celah saf yang kosong akan berusaha mengganggu dan mendatangkan was-was orang yang bersembahyang.

Ini bermakna orang yang tidak mengelokkan saf akan kerugian sepuluh nilai ganjaran daripada dua puluh tujuh ganjaran pahala.

Ini baru dilihat dari aspek mengelokkan saf, belum lagi termasuk aspek

Bilangan 201 Bahagian Akhir

kesempurnaan sembahyangnya. Jika sembahyangnya pula mempunyai kekurangan, maka akan bertambah rugilah lagi, kerana semakin banyak pula ganjaran pahala akan terluput.

Untuk kesimpulannya, kesempurnaan ibadat sembahyang sebagaimana yang ditentukan oleh syarak merupakan suatu tuntutan, termasuk tatacara kesempurnaan itu, jika sembahyang yang dilakukan secara berjemaah ialah dengan memenuhi dan meluruskan saf sembahyang. Memenuhi dan meluruskan saf tidaklah susah. Hanya sekadar mengorak beberapa langkah ke hadapan, ke kiri atau ke kanan. Yang menjadikannya susah itu ialah sikap atau tabiat yang tidak mahu berubah untuk mendisiplinkan diri dalam mengelokkan saf atau kerana kurang maklumat mengenai kelebihan mengelokkan saf sehingga ia dipermudah-mudahkan.

Perintah memenuhi dan meluruskan saf janganlah dipandang kecil. Mana mungkin begitu, kerana ancaman Allah jelas bagi orang yang tidak mengelokkan saf dengan menjadikan rupanya dengan bentuk keldai atau hati menjadi tidak bersefahaman, selain itu hilangnya banyak kelebihan atau fadilat. Ini bererti rugi! Maka kerugian inilah mesti dielakkan.

Oleh kerana memenuhi dan meluruskan saf itu termasuk kesempurnaan sembahyang, maka tidak ada sebab mengapa kita tidak boleh berubah untuk mengelokkan saf. Jangan biarkan diri kita hanyut dengan memandang mudah terhadap kepentingan saf yang elok dan sempurna itu.

WALLAHUALAM

BEKERJA UNTUK MENDAPATKAN KEBAHAGIAAN DUNIA DAN AKHIRAT

AGAMA Islam menjadikan manusia cergas dan kuat bekerja, asal sahaja mereka itu mahu berse-dia mengamalkan ajaran-ajaran-Nya, jika tidak, maka samalah dengan seorang yang sakit mengharap-kan sembuh tetapi tidak mahu mengikut tabib atau doktor atau tidak mahu memakan ubat yang diberikan oleh doktor kepadanya.

Dalam hal ini kita perhatikan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Insyiqaaq ayat 6 yang tafsirnya:

"Wahai manusia! Sesungguhnya engkau sentiasa berpenat lelah (menjalankan keadaan hidupmu) dengan sedaya upayamu hinggalah (semasa engkau) kembali kepada Tuhanmu, kemudian engkau tetap menemui balasan apa yang engkau telah usahakan itu (tercatat semuanya)."

Dari firman Allah ini kita dapati tiga perkara yang ada hubungannya dengan kerja iaitu:

1. Allah telah mengajar dan mengasuh semangat kita untuk kuat bekerja.

2. Allah menyuruh kita rajin berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh dengan mengikut ajaran-ajaran yang betul dan diredai-Nya, di samping pekerjaan tersebut tidak akan mendatangkan kerugian dan menimbulkan unsur-unsur kezaliman.

3. Allah menyuruh kita bekerja adalah bertujuan

untuk memperolehi kebahagiaan iaitu kebahagiaan yang tidak sahaja dinikmati di dunia ini bahkan juga kebahagiaan di akhirat kelak.

Kesimpulannya, setiap pekerjaan yang dilakukan oleh manusia itu mestilah mencerminkan tiga perkara tersebut. Untuk jelasnya mencuri, merompak, memeras, menipu dan sebagainya itu tidaklah termasuk pekerjaan yang dimaksudkan dalam firman Allah Subhanahu Wataala ini, yang semua itu terdapat unsur-unsur kezaliman dan aniaya.

Bila kita mahu membawa umat kepada perkembangan dan pembangunan yang pesat maka kaedah-kaedah bekerja yang sihat hendaklah dipegang serta digunakan. Di samping jangan menipu dan melakukan kezaliman, kita juga dikehendaki jangan sekali-kali membiarkan masa itu terbuang dengan sia-sia. Jika bekerja itu berat dan sulit, maka bukanlah itu alasan untuk kita membiarkan masa kosong tidak diisi dengan sebarang pekerjaan, tetapi sebaliknya kita harus ingat bahawa bersama kesukaran atau kesulitan itu datang keringanan dan kesenangan.

ALLAH menyuruh kita rajin berusaha dan bekerja bersungguh-sungguh dengan mengikut ajaran-ajaran yang betul dan diredai-Nya, di samping pekerjaan tersebut tidak akan mendatangkan kerugian dan menimbulkan unsur-unsur kezaliman.

منوجوكر ريسان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

Allah Subhanahu Wataala telah menciptakan waktu di tempatnya yang tinggi sehingga manusia dikatakan-Nya rugi jika tidak memperhatikan waktu. Tegasnya manusia tidak boleh melalaikan waktu kerana melalaikan waktu membawa kepada rugi, mundur dan bencana. Oleh sebab itulah bila mana manusia telah siap menyelesaikan sesuatu pekerjaan, dia dikehendaki pula bersiap untuk melakukan yang lain.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Insyiraah ayat 7 - 8 yang tafsirnya:-

"Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal salih), maka bersungguh-sungguh engkau berusaha (mengerjakan amal salih yang lain) dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingini)."

JANGAN PERSIAKAN ZAMAN REMAJA

SEMAKIN kita melangkah ke dunia global yang sering disebut sebagai dunia tanpa sempadan atau globalisasi, semakin menipis dan menurun akhlak remaja kita dewasa ini. Perkara ini jelas jika soroti laporan-laporan di media-media tempatan dan luar negara mengenai berita keruntuhan akhlak yang sangat membimbangkan dan menjadikan kita sentiasa dalam keadaan resah. Fikiran kita menjadi berce-laru. Mahu ke mana anak-anak kita menghala? Sudahkah kita melaksanakan tugas kita sebagai ibu bapa dan penjaga dengan baik dan berkesan. Ini terbukti apabila suatu waktu kita tidak menyangka anak-anak yang kita kenal baik dan berbudi bahasa menjadi pelaku jenayah yang hebat.

Bagaimanapun, alhamdulillah, di negara kita perkara seumpama itu adalah masih dalam tahap yang boleh dikawal. Namun ini bermakna bukanlah waktu untuk kita melihat sahaja. Bahkan kita mestilah mengatur strategi dan peranan kita untuk mengesankan lagi apa yang telah dirancang agar semuanya akan berjalan dengan lancar, baik dan berkesan.

Bagi kita di negara ini, pendekatan bimbingan kerohanian dan keagamaan adalah salah satu cara yang amat berkesan untuk mendekatkan remaja yang bermasalah, di samping bimbingan-bimbingan motivasi. Masalah remaja tidak dapat dipandang ringan sahaja. Beberapa tindakan wajar hendaklah diambil untuk menyelamatkan generasi muda ini.

Zaman remaja adalah zaman yang sangat penting dalam proses pendewasaan sebagai seorang insani. Remaja adalah kumpulan yang serius, kritikal, bersemangat, kuat, cerdas akal, dan mantap fizikal dan mental. Demikian juga zaman remaja penuh dengan cubaan dan dugaan. Semua itu adalah dugaan dan ujian bagi mereka



untuk melihat bagaimana seseorang remaja itu berfikir dan bertindak melalui kedewasaannya. Pada zaman inilah mereka mula diajar mengenai erti kehidupan dan penghidupan yang sebenar. Di saat inilah mereka mula diajar dan diberikan tanggungjawab untuk melakukan kewajipan-kewajipan yang diperintahkan oleh Allah kepada mereka.

Dari sini mereka mula bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbuatan mereka sama ada dosa atau pahala sesuai dengan amalan yang mereka lakukan. Zaman ini jugalah zaman getir yang menuntut mereka untuk mengisikan masa panjang dengan sesuatu yang bermanfaat agar mereka lahir sebagai generasi dewasa yang mantap dan terarah serta memberikan keyakinan kepada ibu bapa bahawa mereka adalah generasi penerus yang beribadah.

Sebab itulah Islam sangat menitikberatkan pendidikan para remaja agar mereka akan muncul sebagai generasi terbaik yang taatkan Allah dan Rasulullah serta sedia berkhidmatan untuk agama dan bangsanya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri juga pernah berpesan kepada umatnya agar zaman remaja janganlah dipersia-siakan kerana pengisian masa remaja juga adalah antara soalan-soalan yang akan ditanyakan oleh Allah pada Hari Akhirat kelak. Pendek kata zaman remaja adalah suatu zaman keemasan untuk mengisikan diri dengan amalan-amalan yang boleh menjamin diri keti-

ka zaman tua kelak.

Dalam Islam juga kita semua khususnya kaum remaja digalakkan untuk merebut lima perkara sebelum datangnya lima perkara.

Perkara tersebut adalah bagi kita semua untuk merebut masa muda sebelum masa tua. Ini jelas bagi kita untuk mengisikan masa-masa remaja kita dengan perkara yang makruf seperti mengukuhkan akidah kita agar ianya semakin kukuh dan sukar untuk diganggu-gugat oleh sebarang anasir yang cuba menggoncang iman kita. Dengan yang demikian remaja kita akan membesar dengan penuh bekalan dan dewasa bersama usia akan cerdas dan beribadah. Kajian juga telah menunjukkan bahawa pengisian yang salah ketika remaja, kecekatan ilmu agama, kekurangan perhatian ibu bapa dan pengaruh budaya luar yang mendominasi kehidupan masa kini adalah antara punca masalah dan gejala sosial yang membabitkan muda-mudi dalam masyarakat kita.

Sehubungan dengan itu, Islam dari awal lagi telah menggariskan corak pendidikan yang sesuai bagi muda-mudi kita agar lahir sebagai generasi berkualiti dan bermanfaat kepada bangsa dan agama serta negara. Islam mengajar remaja kita agar memiliki pendirian hidup yang jelas dan menghayati diri dengan identiti serta sahsiah Islam.

Dengan demikian, remaja kita tidak akan mudah terpengaruh terhadap lambakan budaya asing yang jelas bercanggah dengan cara dan norma hidup kita sebagai orang Brunei. Dengan yang demikian juga, remaja kita akan tersedia dengan utap yang kukuh kebal dengan perisai Islam dan tahu memilih mana yang baik dan mana yang buruk.

Yang kedua ialah untuk kita merebut masa yang terluang sebelum masa kita sibuk. Ini bermakna kita hendaklah mengisi masa kosong yang ada dengan perkara-perkara yang ter-

baik dan menguntungkan. Umpamanya mengadakan muzakarah bersama anak-anak kita untuk mengetahui perkembangan mereka dan memantau perjalanan pendidikan mereka. Seringlah bertanya kepada mereka mengenai apa saja. Sama ada mereka bermasalah atau sebaliknya. Bagaimanakah keadaan pelajaran mereka? Bagaimana pergaulan mereka? Semua ini menjurus kepada pengisian masa remaja yang terbaik dan menjurus kepada proses pendewasaan yang mantap.

Bayangkan kita sebagai ibu bapa sudah sibuk dengan komitmen kita sebagai pegawai dan kakitangan awam dengan tugas kita di pejabat. Ruang waktu untuk kita memata-matai anak-anak kita hanya tergantung di tangan guru atau pembantu rumah. Dengan berbuat demikian sekurang-kurangnya mereka akan merasakan bahawa mereka masih mendapat tempat di hati kita dan masih mendapat perhatian yang serius dari ibu bapanya. Dengan yang demikian mereka akan terasa masih diperlukan dan dikasihi serta tidak tersisih.

Yang ketiga pula ialah waktu sihat sebelum waktu sakit. Ini memang benar. Kita hendaklah memanfaatkan waktu sihat kita untuk melakukan perkara-perkara yang menguntungkan untuk kita lakukan. Kerana keadaan kita tidaklah selalunya sihat dan ada kalanya kita akan merasa kurang sihat dan menjiskan pergerakan kita. Perkara ini hendaklah kita tanamkan kepada anak-anak kita supaya mereka tidak akan mengamalkan kerja-kerja bertangguh. Ini kerana kerja bertangguh selalunya tidak menjadi. Kita mestilah menanamkan sifat-sifat ini supaya anak-anak kita akan menjadi orang yang cergas dan cukup berdisiplin. Suruhlah mereka mengerjakan amal ibadah pada waktu lapang sebelum mereka sibuk dengan aktiviti lain.

Yang keempat pula

ialah waktu kaya sebelum miskin. Ini mengajar kita untuk mengamalkan sifat berjimat sebelum datangnya waktu kehabisan. Umpamanya kewangan, kita mestilah mengajar dan mendidik anak-anak dan kaum remaja kita untuk berjimat cermat dan belajar menabung untuk persediaan sebelum kehabisan wang. Ia juga akan mengajar kita untuk mengelakkan dari sikap boros kerana dalam Islam orang yang boros adalah sahabatnya syaitan. Dengan yang demikian kita juga belajar menghargai penderitaan orang lain dengan menghulurkan bantuan kepada mereka yang sangat memerlukan.

Sementara kelima pula ialah waktu hidup sebelum ajal. Ini jelas bahawa adalah amat penting bagi kita mengisikan penghidupan kita dengan sesuatu yang baik dan menjamin masa depan kita sama ada di dunia ataupun di akhirat. Jaminan di dunia adalah kita akan dipandang tinggi dan dihormati jika kita mempunyai sifat-sifat terpuji dan beribadah dari segala hal. Manakala jaminan di akhirat ialah dengan mengamalkan sifat-sifat sedemikian kita akan terjamin masuk Syurga dan melepasi segala seksaan di akhirat kelak, insya-Allah.

Demikian betapa pentingnya pengisian zaman remaja itu. Adalah suatu kerugian yang amat besar bagi seorang remaja untuk melepaskan zaman remajanya dengan pengisian perkara-perkara yang mungkar dan di luar dari kebiasaan kita sebagai orang Timur. Pendidikan akhlak adalah amat penting yang ditekankan dalam Islam setelah seseorang itu meningkat dewasa. Akhlak dalam Islam amat luas skopnya dan amat indah untuk dihayati dan dipraktikkan.

Sesungguhnya Allah amat cintakan sesuatu yang cantik dan indah, kerana itulah akhlak Islam menjamin kehidupan yang harmoni dan sejahtera di pentas kehidupan yang semem-tara ini.



Kelolaan: Sahari Akim

KOMPONEN HADAPAN KOMPUTER

KOMPONEN HADAPAN KOMPUTER

BICARA IT kali ini masih lagi membicarakan mengenai 'Komponen Hadapan Komputer'. Minggu ini kita akan memaparkan empat lagi komponen lain yang bermanfaat untuk diketahui.

PEMACU CAKERA PADAT

Pemacu ini boleh jadi pemacu CD-ROM atau DVD-ROM. CD-ROM boleh menyimpan 650 megabait maklumat; DVD-ROM boleh menyimpan sehingga 4.7 gigabait (hampir tujuh kali ganda lebih). Kekurangan yang ketara adalah pemacu CD hanya boleh membaca CD, sementara pemacu DVD boleh membaca CD dan DVD. Teknologinya sama tetapi kapasiti yang lebih pada DVD, bermakna anda memuatkan keseluruhan wayang gambar (filem) dalam satu cakera. Anda juga boleh memuatkan banyak perisian, grafik dan fail multimedia yang biasa digunakan oleh syarikat-syarikat penerbitan.

PEMACU CAKERA LIUT

Cakera liut (disket) digunakan untuk menyimpan fail-fail yang kecil dan memindahkannya dari satu komputer ke satu komputer yang lain. Cakera liut telah berubah kepada saiz yang lebih kecil tetapi dengan kapasiti yang lebih besar dalam sejarah komputer peribadi. Daripada bersaiz 8 inci, dikesilkan kepada 5.25 inci dengan kapasiti 1.2 megabait hingga kepada saiz standard 3.5 inci yang berupaya menyimpan 1.44 megabait.

Pelbagai usaha telah dibuat untuk mereka cakera yang mempunyai kapasiti penyimpanan yang lebih tinggi. Imation SuperDisk berupaya menyimpan sebanyak 120 megabait, Sony HiFD pula dapat menyimpan 200 megabait dalam cakera khasnya dan kedua pemacu masih berupaya membaca cakera liut 1.44 megabait.

PEMBESAR SUARA

Hari ini komputer boleh memainkan CD audio dan melancarkan program-program dengan kualiti penataan bunyi filem yang hebat. Sepasang pembesar suara yang baik penting bagi merasai keseronokan sistem bunyi teknologi tinggi.

Tidak seperti pembesar suara stereo biasa, pembesar suara komputer siap dibina dengan penguat bunyi dalaman. Ia juga mempunyai penghadang magnetik yang membolehkannya diletakkan sebelah monitor tanpa menjejaskan visual pada monitor dan gangguan bunyi pada pembesar suara.

Dua pembesar suara mencukupi untuk komputer urusan perniagaan, namun jika awda mahukan keseronokan audio yang lebih, atau kesan bunyi yang hebat untuk permainan komputer, sistem bunyi yang dilengkapi pengganti alat pembesar suara (subwoofer) amat memadai. Alat ini mengeluarkan bunyi bes yang dalam dan bergema.

STORAN MUDAH ALIH KAPASITI TINGGI

Cakera liut boleh memuatkan 1.44 megabait data (banyak), namun bukanlah satu kuantiti yang cukup besar. Kadangkala anda memerlukan peranti storan mudah alih yang mampu menyimpan kuantiti yang lebih besar bagi membawa foto-foto digital dari satu mesin ke mesin yang lain dengan segera atau untuk membuat salinan bantuan (backup copies) ke semua fail. Ketika inilah perlunya peranti storan mudah alih berkapasiti tinggi.

Kartrij cakera mudah alih adalah antara alternatif yang terbaik; berupa sebuah pemacu keras yang bila-bila masa boleh muncul dalam sistem anda apabila dipasang. Versi yang paling popular adalah keluaran Iomega Corp, dinamakan pemacu Zip, yang menyimpan 100 hingga 250 megabait dalam satu kartrij.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemasyarakatan, mengesykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimmkannya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

TAJUK-TAJUK MINDA
PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Contohi Akhlak dan Keperibadian Rasulullah'. Tarikh tutup 30 Mac 2005.

2. 'Pihak Swasta Perlu Mengutamakan Pekerja Tempatan'. Tarikh tutup 6 April 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

emel: pelita@brunet.bn

SOPAN SANTUN PERLU DIPUPUK SEJAK KECIL

SIFAT bersopan santun merupakan akhlak yang baik yang menyenangi tingkah laku yang tinggi, perangai dan adat sopan yang tinggi. Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa sopan santun adalah budaya hidup masyarakat kita sejak zaman berzaman. Malahan dalam zaman yang canggih ini, amalan bersopan santun masih terus dibaja dan dipupuk. Tambahan pula, orang yang berbudi bahasa dan bersopan santun sering dihormati dan disanjung tinggi. Dengan sebab itulah, sifat sopan santun amat berharga terutama di kalangan orang-orang Melayu.

Sejajar dengan itu, setiap individu akan dinilai berdasarkan akhlaknya. Jika baik akhlaknya maka ia akan dianggap baik dan dihormati. Tetapi jika buruk akhlaknya maka ia tidak akan bernilai. Begitulah juga orang yang tidak bersopan santun dalam masyarakat akan dipandang hina dan dianggap tidak ada budi pekerti yang baik. Hidup bermasya-

rakat memerlukan kita bersikap lemah lembut dan bersopan santun agar disukai dan dihormati oleh orang ramai. Dengan itu, sopan santun adalah amalan yang harus dipupuk dalam kehidupan bermasyarakat.

Sehubungan dengan itu, budaya ini juga perlu dipupuk sejak dari kecil lagi. Bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Bagi kanak-kanak yang masih kecil hendaklah diajar menghormati orang yang lebih dewasa daripada mereka. Di dalam diri mereka perlu disematkan betapa nilai sopan santun tidak boleh dicari dan diperolehi dengan sekelip mata seperti wang ringgit. Oleh yang demikian, budaya ini akan terus terpelihara dan sebatian dengan diri kita untuk dipraktikkan dalam kehidupan sehari-hari.

Di samping itu, bersopan santun di dalam kehidupan kita juga merupakan suatu budaya yang baik dan menjadi kebanggaan kita terhadap bangsa lain. Malah akhlak yang mulia seperti sopan santun dapat melahirkan sebuah masyarakat dan bangsa yang baik kerana bangsa yang diasaskan dengan akhlak yang mulia akan dipandang mulia bahkan dapat meng-

angkat martabat mereka. Jikalau amalan itu terus-menerus diamalkan secara tidak langsung akan mewujudkan sebuah peradaban yang luhur bercirikan ketimuran.

Kesimpulannya, sopan santun merupakan satu amalan yang mulia. Umat Islam seperti kita perlu menyemainya supaya menjadi umat yang mulia di sisi Allah. Kita juga perlu mencontohi Nabi kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana Baginda adalah cermin kehidupan kita. Malah Baginda juga mempunyai akhlak yang sangat mulia. Ini terbukti dalam firman Allah dalam Surah Al-Qalam ayat 4, yang tafsirannya: "Dan bahawa sesungguhnya engkau (wahai Nabi Muhammad) mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia." Oleh yang demikian tidaklah rugi bagi kita untuk mengamalkan sifat yang mulia ini demi kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat.

Siti Noorzariah binti Haji Apong,
No. 3, Simpang 140, Kampong Tungku,
Gadong BE 2119.
No. k/p: 00-302723

MINDA pembaca yang terpilih
minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Bersopan Santun Amalan Mulia'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Terapkan nilai-nilai murni dalam masyarakat

APABILA disebut calak Brunei, umumnya dapatlah ditafsirkan atau sama ertinya dengan identiti bangsa Brunei. Seperti yang kita ketahui bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang berpegang pada falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB). Ini bersesuaianlah dengan adat resam dan tatasusila masyarakat kita yang taat kepada pemerintah, hidup berbangsa dan bernegara. Dalam konteks mewujudkan calak Brunei di kalangan rakyat, maka budaya hormat-menghormati, bersopan santun dan berbudi bahasa perlulah disemai, dipupuk dan dibaja dalam setiap diri individu.

Jika kita bandingkan kehidupan masyarakat Brunei dahulu dengan suasana kehidupan masyarakat di era globalisasi ini amat ketara sekali perbezaan dari segi amalan budaya hidupnya. Di mana masyarakat dahulu lebih mengutamakan budaya hormat-menghormati, bersopan santun dan berbudi bahasa di antara satu sama lain, tidak mengira usia tua atau muda. Tetapi masyarakat kita yang ada sekarang semakin lari dari nilai-nilai budaya tersebut walaupun tidak secara seratus peratus. Ini mungkin disebabkan oleh faktor suasana persekitaran yang memerlukan perubahan atau kebanyakan masyarakat kita lebih mengutamakan teori daripada mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

Oleh yang demikian kita sebagai rakyat sewajarnya mempraktikkan dan mengamalkan budaya-

budaya tersebut agar tidak hilang ditelan zaman. Ini kerana negara kita sejak dahulu lagi memang terkenal dengan adab-adab murni di kalangan masyarakatnya, hatta pada masa ini pun kita masih lagi mengelakkannya. Secara menyeluruh, budaya bersopan santun, hormat-menghormati dan berbudi bahasa di kalangan rakyat dapat dilihat dalam pelbagai situasi tetapi perkara yang paling utama ialah peradaban terhadap pemimpin, masyarakat dan keluarga.

Menyebut mengenai peradaban terhadap pemimpin ini, umumnya ia adalah elemen terpenting untuk direalisasikan oleh setiap rakyat yang berbangsa di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Setiap perkara yang diperintah atau dititahkan oleh baginda wajar kita hormati seperti menghormati Perlembagaan dan Undang-undang Negara, menghormati bangsa Melayu, bahasa Melayu dan falsafah MIB. Begitu juga dengan sektor kerajaan, seorang ketua dan kakitangannya perlulah mengamalkan etika bersopan santun, hormat-menghormati dan berbudi bahasa di antara satu sama lain, setiap keputusan yang dibuat oleh seorang ketua sewajarnya mendapat persetujuan dari semua orang bawahannya, baharulah pekerjaan dapat dilaksanakan dengan lancar tanpa sebarang konflik.

Manakala peradaban terhadap masyarakat pula menuntut hidup beretika

dan berkeperibadian mulia. Apabila berada di tempat awam atau terbuka, sebaiknya kita terapkan nilai-nilai murni di dalam jiwa sanubari seperti menunjukkan kelakuan dan etika berpakaian yang sopan, berbudi bahasa dan menghormati orang yang lebih tua dari kita. Begitu juga sekiranya kita bertemu dengan seseorang yang sebangsa atau berlainan bangsa dengan kita, maka tegurlah dan ucapkanlah salam serta berilah senyuman kepada mereka dengan hati yang ikhlas kerana sesungguhnya senyuman itu merupakan suatu sedekah dalam Islam. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Luqman ayat 18 yang tafsirannya:

"Janganlah engkau panggilkan pipi (muka) engkau terhadap manusia, (kerana sombong) dan jangan berjalan di muka bumi dengan sangat gembira. Sesungguhnya Allah tidak mengasihi tiap-tiap orang yang sombong lagi bermegah-megah."

Seterusnya peradaban terhadap keluarga menuntut ibu bapa agar menunjukkan teladan yang baik kepada anak-anak dan mendidik mereka dengan didikan yang sempurna untuk menjadi bekalan hidup di dunia dan akhirat. Di antara didikan tersebut ialah mengajar cara-cara berpakaian yang sopan dan menutup aurat, ketika berkomunikasi dengan orang tua sewajarnya menggunakan nada suara dan bahasa yang sesuai, menghormati orang tua, merendah diri, bertoleransi, semangat kebrucean, berdisiplin, dedikasi, komitmen dan amanah. Dengan adanya pen-

didikan yang sempurna maka akan mewujudkan keluarga yang harmoni dan menghindarkan dari tercestunya gejala sosial.

Kesimpulannya, budaya bersopan santun, hormat-menghormati dan berbudi bahasa merupakan tiga ele-

men penting dalam memperlihatkan keutuhan jati diri bangsa Brunei. Kita tunjukkan kepada masyarakat luar bahawa negara kita bukanlah sebuah negara yang sombong dan angkuh tetapi sebuah negara yang kaya dengan

peradaban dan nilai-nilai murni di kalangan rakyatnya. Inilah yang dipanggil calak Brunei atau identiti bangsa Brunei yang asli dan ia merupakan khazanah bernilai negara yang perlu dikekalkan sampai bila-bila walau di mana pun kita berada.

Mohammad Arif bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867,
Kampong Serdang,
BD 2117.
No. k/p: 00-313556

Bersopan santun amalan mulia

SALAH satu keistimewaan orang Melayu Brunei ialah keindahan sopan dan kelembutan santunnya. Sopan bermakna indah tingkah laku, baik perangai dan kelakuan. Manakala santun pula ialah lembut tutur kata, halus budi bicara dan pekerti serta beradab. Hidup bersopan santun dalam pergaulan harian telah lama diamalkan di negara ini sehingga menjadi salah satu calak yang mencerminkan identiti bangsa Brunei. Menjadi warisan turun-temurun sehingga sekarang. Nilainya terpancar dari perpaduan hidup kita masyarakat Melayu bersulam dengan kekuatan pegangan beragama. Lantas menjadikan kita tergolong kepada golongan yang memiliki keelokan budi bahasa dan budi pekerti.

Menamai dan memperhalai amalan sopan santun ini sudah setentunya tanggungjawab semua lapisan masyarakat tanpa mengira siapa, asal usul dan darjatnya. Masing-masing berperanan mempraktikkannya sebagai amalan bukan sahaja menyahut gagasan kebrucean, berdisiplin, dedikasi, komitmen dan amanah. Dengan adanya pen-

budaya bangsa, akan tetapi juga menjadi utap yang mewarnai keindahan akhlak dan budi pekerti.

Sikap kasar, kurang ajar dan biadap merupakan di antara ciri-ciri yang berlawanan dengan konsep sopan santun. Sudah setentunya kita tidak mahu dianggapi sedemikian. Orang yang tidak bersopan santun dalam masyarakat akan dipandang hina dan dianggapi tidak ada budi pekerti. umpama sebuah rumah yang tersergam indah tetapi kotor di dalamnya dan tidak sesuai untuk didiami. Begitu juga bagi manusia, walaupun mempunyai rupa paras yang cantik, walaupun mempunyai status kedudukan yang baik, tanpa sopan santun dan akhlak mulia juga tetap akan dipandang hina. Kata cerdik pandai biar miskin harta, jangan miskin budi bahasa, biar buruk kain dipakai, jangan buruk tingkah laku dan perangai.

Penerangan sopan santun sebagai amalan kita dalam kehidupan seharian akan memudahkan kita untuk berkomunikasi dan berinteraksi satu sama lain. Keindahan tingkah laku dan kelembutan tutur kata dalam pergaulan melahirkan

suasana harmoni, mewujudkan sikap hormat-menghormati, berawar galat di antara satu sama lain, mengekalkan perpaduan, tidak memetingkan diri sendiri dan menjaga hati serta perasaan orang lain.

Akan tetapi perlu diingat, kerancangan perubahan dan kecanggihan teknologi moden mewujudkan fenomena baru dalam ruang lingkup gaya kehidupan kita. Ia bukan sahaja membantu mempercepatkan urusan pengaliran maklumat, bahkan juga turut memperkayakan ilmu pengetahuan. Akan tetapi dalam masa yang sama ia juga turut menyalurkan nilai-nilai negatif budaya bangsa asing yang sopan santun ini. Selalunya yang menjadi mangsa perubahan keadaan ialah anggotanya masyarakat yang masih hijau dan baru berkembang mekar.

Keadaan ini memerlukan kita untuk menyediakan alternatif kukuh sebagai benteng yang memperjuangkan nilai budaya kita khasnya amalan sopan santun agar selari dan tidak terpinggir oleh perubahan arus kemajuan zaman. Oleh itu adalah mustahak kita gene-

rasi sekarang menamai dan mempertahankan nilai amalan sopan santun ini daripada dijajah oleh nilai-nilai budaya asing dan kepentingan diri sendiri, supaya dapat diwariskan kepada generasi yang akan datang.

Pada kesimpulannya, amalan bersopan santun perlu ditani dan dipertahankan sebagai warisan budaya dan amalan kita masyarakat Brunei agar tidak terpinggir oleh arus kemajuan zaman. Sesungguhnya amalan sopan santun dalam pergaulan masyarakat adalah suatu amalan yang baik dan menjadi kebanggaan kita masyarakat Brunei kepada masyarakat dunia lainnya. Walau apa sekali pun kita perlu jujur dan ikhlas dalam melakukannya. Bukan berpura-pura atau kerana terpaksa. Itulah ramuan utama untuk menjadikan amalan bersopan santun sebagai amalan kita.

Noralizah binti Haji Sulaiman
No. 24, Simpang 345-5-10,
Kampong Mentiri, Jalan Kota Batu, BU 2129.
No. k/p: 00-276815

REMAJA

JANGAN BIARKAN GEJALA MEWARNAI KEHIDUPAN

TIDAK sedikit yang merasa rima bila mengikuti perkembangan yang kita lalui iaitu semakin banyaknya gejala sosial mewarnai pola kehidupan bermasyarakat. Keadaan ini juga tidak membolehkan kita untuk duduk diam membiarkan gejala tersebut berlaku begitu sahaja. Kepelbagaian semakin hari seakan memaksa kita untuk lebih bertegas berdepan dengannya. Ada kalanya perubahan sosial yang berlaku ini menjadikan kita lebih peka terhadap peranan dan tanggungjawab yang patut kita tunaikan. Justeru ketegasan ini bukan setakat menyuarakan kita tidak suka ianya berlaku akan tetapi mencari jalan untuk dijadikan sebagai 'option' yang menukar hal sedemikian kepada yang lebih produktif dan berfaedah. Sebagai sebuah negara dan masyarakat yang kuat berpegang teguh terhadap ajaran dan kehidupan beragama, kita tidak mahu akibat dari perubahan

OLEH H. A. MANAP

sosial ini akan merubah sikap dan perangai yang akan menghasilkan perkara negatif.

Natijahnya mungkin akan meninggalkan kesan perubahan sosial yang bercelaru di antara kebaikan dan kejahatan yang tercipta dari perubahan sosial yang diwujudkan. Banyak contoh yang jelas betapa rapuhnya perubahan sosial itu jika ia tidak disandarkan kepada ke-luhuran akhlak dan keindahan budi. Kedua-duanya saling berikat kerana ia melahirkan 'standard' diri yang berkualiti tinggi.

Tidak hairan kalau kita melihat pencapaian seseorang yang tidak bersandar sepenuhnya kepada perubahan sosial lebih banyak yang mampu berdepan dan menangani pelbagai cabaran dan masalah yang datang dengan jayanya. Kita sebenarnya tidak dapat lari dari keadaan ini, akan tetapi bagaimana kita mengemudikannya menyebab-

kan kita tidak mudah karam dengannya. Keskes sosial yang ditimbulkan juga sudah semakin terjelma dalam bentuknya yang ada kalanya sangat mengerikan.

Paling ketara bila pergaulan bebas semakin menjadi budaya yang sudah meresap di kalangan generasi muda belia kita. Kebebasan yang ditimbulkan dari fenomena sedemikian ini, tidak dapat menimbulkan kesan perubahan masyarakat yang sedia ada. 'Virus' yang dihasilkan dari pergaulan ini bukan merupakan masalah ringan yang tidak perlu dipedulikan.

Meskipun skala fenomena sosial yang kita timbulkan mungkin masih berada satu tahap keterlanjuran, akan tetapi jika ianya tidak dibendung dengan cara berkesan, ia mungkin berubah menjadi kebiasaan yang akan mengheret kita kepada cara kehidupan sosial yang kurang sihat. Kerana

setiap anggota masyarakat remaja memainkan peranan dalam membentuk cara dan corak pergaulan yang baik serta cemerlang yang berteraskan ajaran agama yang kukuh.

Remaja yang ingin mengekalkan pergaulan terpuji di kalangan rakan-rakan mereka mestilah mempunyai dan mengamalkan sifat-sifat terpuji seperti berakhlak mulia, beradab ketika berbicara, sering memberi salam, jujur, memelihara amanah, sabar, toleransi dan banyak lagi hingga kepada menanamkan rasa memuliakan teman atau rakan yang baik di setiap pertemuan. Pergaulan juga harus dijaga dari perkataan yang sia-sia, kotor dan yang merugikan bagi setiap individu Muslim. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda yang maksudnya:

"Bukanlah seorang mukmin yang sempurna orang yang suka mencela dan melaknati, berperangai jahat dan berakhlak rendah."

Bagi remaja yang sudah terpesong hendaklah sedar bahawa mereka sepatutnya mengamalkan nilai-nilai murni yang baik dalam pergaulan dan mencari arah serta tujuan hidup yang asal, di samping mencipta kebaikan dan kecemerlangan diri.

Tidak bererti keterlanjuran diri yang berlalu merupakan sempadan yang tidak dapat diubah ke arah yang lebih baik dan sempurna. Justeru pergaulan yang dicari ialah pergaulan yang baik dan beretika serta sentiasa ingat kepada ajaran-ajaran beragama dan menghala tuju ke arah kualiti hidup yang berguna. Lihatlah kepada rasmi ikan meskipun berenang di lautan masin, namun ikannya tetap tawar dan sedap dimakan. Maknanya meskipun pelbagai perubahan sosial yang berlaku di sekeliling kita, pengaruhnya tidak semudah itu meresap ke dalam diri kita, namun yang baik tetap menjadi pilihan dan keutamaan kita.

Kedutaan Arab Saudi sumbang 1,700 naskhah Tafsir Al-Quran

JALAN MUARA, 7 Mac. - Kedutaan Besar Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam menyumbangkan 1,700 naskhah Tafsir Al-Quran kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) hari ini.

Naskhah berkenaan diserahkan oleh Duta Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Esam Bid Al-Thagafi kepada Pengarah Pentadbiran, KHEU, Awang Haji Abdullah bin Haji Metassim di majlis yang berlangsung di Kampong Salar, Jalan Muara.

Tuan Yang Terutama Esam Bid Al-Thagafi dalam ucapan ringkasnya berkata, sumbangan Tafsir

Oleh Samle Haji Jait

Al-Quran itu mengandungi dalam beberapa bahasa termasuk 500 naskhah tafsiran dalam bahasa Cina, 500 versi bahasa Melayu, 500 dalam bahasa Arab dan 150 naskhah bahasa Inggeris, manakala 24 naskhah dalam bentuk set rakaman sonik.

Menurutnya, sejak penubuhan Pejabat Kedutaan Arab Saudi di sini pada tahun 1996, kira-kira 6,500 naskhah Al-Quran dalam pelbagai bahasa disumbangkan oleh kedutaan itu dan diedarkan melalui KHEU dan Pusat Da'wah Islamiah atau dihantar terus ke sekolah-sekolah.



DUTA Besar Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Esam Bid Al-Thagafi ketika menyerahkan naskhah Tafsir Al-Quran kepada Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Haji Metassim.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 9 Mac 2005

Masjid Kampong Kupang, Tutong.

ALAI PINTAR



BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 663

Nama :
 Umur :
 Alamat :
 Telefon rumah (jika ada) :
 Sekolah :
 Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
 Ruangan Alai Pintar, 663,
 PELITA BRUNEI,
 Jabatan Penerangan,
 Jabatan Perdana Menteri,
 Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
 Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 663

Apakah nama masjid ini?

Siti Nurul Ayu Nabilah binti Rushdi,
 Sekolah Rendah Dato Othman.
 Umur : 9 tahun

Hamira Sari Maziyyah binti Haji Hamdan,
 Sekolah Rendah Sengkurong.
 Umur : 10 tahun

Md. Nazmi bin Haji Abu Bakar,
 Sekolah Menengah Sayyidina Hussien.
 Umur : 12 tahun



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan mengikut taklimat di Institute of Defence and Strategic Studies (IDSS) NTU (atas kanan), sementara gambar atas kiri, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di IDSS dijunjung oleh Profesor Amitav Acharya, Timbalan Pengarah dan Ketua Penyelidikan IDSS.

DYTM berangkat lawat IDSS

SINGAPURA, 11 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Institute of Defence and Strategic Studies (IDSS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pada hari ketiga lawatan rasmi tiga hari ke Republik Singapura.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung dan dialu-alukan oleh Profesor Amitav Acharya, Timbalan Pengarah dan Ketua Penyelidikan IDSS.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian dijunjung ke Bilik Persidangan bagi menghadiri sembah taklimat mengenai isu-isu berkaitan kegunaan antarabangsa dan implikasinya terhadap keselamatan serantau yang disampaikan oleh Profesor Amitav Acharya, Puan Roslina Johari dan Tuan Ong Teng Kwee.

Semasa lawatan Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima cenderamata 'Medallion Institute' dan buku 'After Bali' yang disampaikan oleh Profesor Amitav Acharya.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

IDSS telah dilancarkan pada 30 Julai 1996 oleh Dr. Tony Tan Keng Yam, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan Republik Singapura sebagai institut penyelidikan berstatus autonomi di NTU.

IDSS ditubuhkan bagi membangun komuniti cendekiawan dan penganalisis mengenai pengajian keselamatan Asia Pasifik dan hal-hal antarabangsa.

Moto IDSS ialah 'Ponder The

Impossible' di mana objektif penyelidikan, pengajaran dan rangkaian perhubungan dihasratkan bagi membantu pembuat dasar mengemban pendekatan-pendekatan komprehensif ke arah pemikiran strategik dalam bidang-bidang yang berhubung kait dengan Republik Singapura.

Institut ini dibimbing oleh Lembaga Gabenor dipengerusikan oleh Dr. Andrew Chew, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Pengarah Pertama IDSS ialah Tuan S R Nathan yang ketika itu merupakan Ambassador at-Large ke Amerika yang menamatkan jawatan pada bulan Ogos 1999 setelah dilantik menjadi Presiden Singapura dan digantikan oleh Timbalannya, Profesor Khong Yuen Foon.

Peranan institut ini dalam kegiatan pelbagai hala dipertingkatkan pada tahun 1998 apabila ia mengambil alih Sekretariat Komiti Nasional Singapura bagi Majlis Kerjasama Keselamatan di Asia Pasifik (CSCAP).

Dalam hubungan ini IDSS telah menyumbang kepada agenda keselamatan Forum Serantau ASEAN, melalui penglibatan dalam mengendalikan pelbagai bengkel bagi pihak majlis.

IDSS mengendalikan tiga program sains peringkat sarjana dalam Pengajian Strategik, Perhubungan Antarabangsa dan Politik Ekonomi Antarabangsa dalam tahun 1998, 2002 dan 2004 berturut-turut untuk memenuhi perkembangan pertahanan dan keselamatan bagi para profesional, pegawai awam dan pihak-pihak yang berminat dalam bidang tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah disembahkan kepada para pengurus dan pemain Geylang United dan Albirex Niigata (atas).

DULI Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan Perlawanan Bolasepak Liga Singapura di Stadium Bedok (kanan).

YTM lawat Muzium Kesenian dan Raffles Junior College

SINGAPURA, 10 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahman meneruskan

lawatan ke Muzium Kesenian Singapura di hari kedua lawatan rasmi ke Republik Singapura.

Sejurus keberangkatan tiba ke Muzium Kesenian Singapura, Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Tuan Kwok Kian Chow, Pengarah Muzium Kesenian Singapura dan Tuan Low Sze Wee, Penolong Pemangku Pengarah Muzium Kesenian Singapura.

Dalam lawatan tersebut Yang Teramat Mulia juga disembahkan penerangan mengenai perkembangan semasa dan pencapaian tempat-tempat berkenaan. Muzium Kesenian Singapura mempunyai koleksi seni yang kekal berjumlah kira-kira 6,500 dari Asia Selatan dan Timur merangkumi koleksi kontemporari dan moden.

Dari Muzium Kesenian Singapura, Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan meneruskan lawatan ke Raffles Junior College.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia di kolej berkenaan dijunjung oleh Pengetuanya, Tuan Winston James Hodge.

Di sini Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan mengenai fungsi dan program akademik di kolej tersebut dan seterusnya berkenan meninjau lebih dekat lagi kemudahan-kemudahan yang terdapat di kolej

tersebut serta menyaksikan kegiatan-kegiatan yang dibuat oleh para pelajar di bilik latihan nyanyian, muzik, bilik perpustakaan dan bilik-bilik darjah.

Tujuan dan matlamat kolej tersebut untuk melahirkan penuntut-penuntut yang berkaliber serta berkebolehan bukan sahaja cemerlang dari segi akademik bahkan juga dari segi bakat yang ada.

Begitulah uniknya Raffles Junior College kerana ianya bukan hanya merupakan sebuah kolej yang mengajar mata-mata pelajaran yang terdapat di mana-mana sekolah atau institut pengajian tinggi, malahan Raffles Junior College juga menawarkan pembelajaran nyanyian dan muzik.

Di kolej tersebut penuntut-penuntutnya juga begitu gigit untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam kesemua mata pelajaran yang dipelajari untuk mendapatkan biasiswa yang ditawarkan.

Sebelum berangkat meninggalkan Raffles Junior College, Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan dan seterusnya bergambar ramai bersama Pengetua dan penuntut-penuntut Raffles Junior College.

LAWA RASM DAN KE RE SINGA

Liputan Sahari Akim dan
Gambar-gambar oleh

Menyaksikan Per

SINGAPURA, 11 Mac. - Pada sebelah malam hari ketiga lawatan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran
ran Anas
berangkat
Perlawanan
Singapura.

Ketiba
Teramat
oleh Mer
Rear Adm
Hean dan
balan Pro
Bolasepak
nuddin No

Duli Ya
juga di
turun dan
kepada p
pemain G
Albirex Ni

Juga
Yang Ama
Muda Aba

Perlaw
lang Unto
rex Niiga
seri satu s



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkekenan menyaksikan koleksi sebahagian lukisan-lukisan yang terdapat di 'Art Gallery' Muzium Tamadun Asian.



YANG Teramat Mulia kagum menyaksikan Junior College berlatih memainkan alat-alat.

TAN DYTM TM PUBLIK PURA

Angku Jeffery Pengiran Haji Durahman
run Haji Rashid dan Masri Osman

awanan Bolasepak

Pen-
perkenan
Liga
Bedok.
Yang
Yang
Tim-
Persatuan
Zai-

Teramat Mulia
berangkat
menakutkan
dan

ialah
Pengiran

Gey-
Albi-
sedahan

ege



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menghadiri sembah taklimat mengenai MediaCorp Tv Theatre (atas).

DULI Yang Teramat Mulia ketika melawat salah satu bahagian MediaCorp Coldecott (bawah).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat ke dewan gimnastik Sekolah Sukan Singapura (kanan). Sementara gambar bawah, Yang Teramat Mulia menyaksikan cara-cara sekolah tersebut membuat pemeriksaan jika berlaku kecederaan kepada penuntut sekolah sukan tersebut.

Lawat Sekolah Sukan Singapura

SINGAPURA, 11 Mac. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan melawat ke Sekolah Sukan Singapura.



Berkenan melawat MediaCorp

SINGAPURA, 11 Mac. - Pada hari terakhir lawatan rasmi ke Republik Singapura, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mengadakan lawatan ke MediaCorp Coldecott di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di pusat penyiaran berkenaan dijunjung oleh Ketua Pegawai Eksekutif MediaCorp, Tuan Ernest Wong.

Semasa lawatan, Duli Yang Teramat Mulia juga disembahkan taklimat mengenai perkembangan semasa dan pencapaian pusat penyiaran tersebut berlangsung di Tv Theatre.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan para artis melakukan drama televisyen dan seterusnya melawat ke Bahagian Berita dan beberapa bahagian lain sebelum berkenan menghadiri Majlis Santap Tengah Hari bersama para pegawai pusat penyiaran berkenaan.

Juga berangkat ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi.

MediaCorp terkenal dalam sejarah pembangunan penyiaran di Republik Singapura bermula dari penubuhan penyiaran radio pada 1 Jun 1936 dan televisyen pada 15 Februari 1963.

Hari ini MediaCorp merupakan pusat penyiaran terbesar di Republik Singapura meliputi pelbagai bisnis media merangkumi televisyen, radio, penerbitan hiburan, penerbitan filem, surat khabar, majalah, media elektronik dan lain-lain perkhid-

matan penyiaran.

Sebagai sebahagian dari strategi pusat itu, program siarannya meliputi pelbagai bahasa dan genre berunsur tempatan membawa ke peringkat serantau.

MediaCorp Channel NewsAsia, merupakan satu-satunya stesen televisyen di Republik Singapura membuat liputan hal-ehwal serantau, menyediakan berita terkini dan hal-ehwal semasa mengenai perspektif Asia, cara hidup dan program analisis yang menggambarkan pandangan dan

cita rasa eksekutif.

Mediacorp Tv mempunyai empat saluran iaitu Channel 5 (24 jam) dalam bahasa Inggeris mengenai sukan dan hiburan, Channel 8 (24 jam) dalam bahasa Cina mengenai berita dan hiburan, Channel U dalam bahasa Cina dan Inggeris saluran berita dan hiburan sesuai untuk belia dan orang dewasa termasuk para profesional, manakala Tv Movie pula merupakan saluran luar pertama televisyen digital di Republik Singapura.



dewan bulu tangkis, dewan ping pong, dewan gimnastik dan akademi sains sukan (Sports Science Academy) serta dewan makan.

Sekolah Sukan Singapura merupakan sebuah sekolah persendirian yang khusus dikendalikan di bawah naungan Kementerian Pembangunan Belia dan Sukan. Sekolah ini dirasmikan pada April tahun lalu yang bertujuan untuk mengasah para atlet menjadi ahli sukan yang cemerlang.

Di sekolah Sukan Singapura semua pelajar mengambil kursus selama tiga atau empat tahun yang mana di akhir kursus mereka akan menduduki peperiksaan GCE peringkat 'O', para pelajar juga akan mengikuti hingga sembilan mata pela-

jaran di peringkat menengah atas tertakluk pada jadual sukan dan pencapaian akademik mereka.

Program akademik sekolah ini berasaskan kepada objektif-objektif pendidikan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.

Sekolah ini mempunyai keluasan tujuh hektar iaitu kira-kira keluasan tujuh kali saiz padang bola sepak. Sekolah ini juga menawarkan sebanyak lapan jenis sukan iaitu badminton, boling, bola jaring, bola sepak, renang, ping pong, layar dan sukan trak serta padang.

Sekolah Sukan Singapura merupakan satu-satunya sekolah sukan yang ter-

dapat di Republik Singapura yang mempunyai akademik sains sukan menawarkan perkhidmatan seperti latihan psychologists, bio-mechanics sukan, physiology sukan, psychology sukan, physiotherapy, pemakanan dan perubatan sukan.

Sekolah ini bertujuan untuk memberikan pelajar-pelajarnya latihan sukan yang terbaik dan sistem sokongan ke arah membantu mendedahkan potensi dan bakat sukan mereka serta ke arah menghasilkan atlet sukan negara Republik Singapura.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri kemudiannya berkenan menerima pesambah dari Sekolah Sukan Singapura.



MENJANA KESIHATAN BISKITA

APAKAH DIA HEPATITIS C?

HEPATITIS C merupakan penyakit yang menjebarkan organ hati yang disebabkan oleh infeksi virus. Organ hati akan membengkak dan berhenti dari berfungsi. Hepatitis C adalah penyakit serius kerana organ hati diperlukan untuk membuang toksin yang terdapat di dalam darah. Hepatitis C boleh memusnahkan hati dan menyebabkan sirosis. Ini adalah penyebab utama pemindahan organ hati di kebanyakan tempat di dunia terutama sekali di negara-negara yang membangun seperti Jepun, Korea, Viet Nam, China, Kanada dan Amerika Syarikat.

Selepas dijangkiti virus Hepatitis C, kira-kira 80 peratus pesakit akan menghidap infeksi kronik iaitu pesakit yang telah menghidap penyakit tersebut lebih dari enam bulan (jangka masa yang lama). Sementara 20 peratus yang lainnya tubuh badan mereka dengan sendirinya akan menghidap infeksi dan mereka tidak menyedari yang mereka telah dijangkiti. Sebaik sahaja infeksi kronik terjadi 70 peratus akan menghidap penyakit hati yang kronik. Tetapi kurang dari tiga peratus daripada mereka ini akan meninggal dunia dari jangkitan tersebut.

APAKAH PENYEBAB PENYAKIT HEPATITIS C?

Hepatitis C adalah disebabkan oleh virus. Adalah dianggarkan 20 - 90 juta (dua peratus dari penduduk dunia) telah dijangkiti. Virus Hepatitis C adalah salah satu dari penyebab penyakit organ hati yang lazimnya memakan masa yang lama.

Ada beberapa cara Hepatitis C boleh berjangkit:

- * Berkongsi jarum di kalangan penyalahgunaan dadah.
- * Tercucuk jarum yang telah terkena darah yang tercemar. Ini kadang kala terjadi di kalangan pekerja hospital.
- * Dilahirkan dari ibu yang telah dijangkiti Hepatitis C.
- * Mendapat pemindahan darah dari seseorang yang telah dijangkiti Hepatitis C.

Sebelum tahun 1992, tidak terdapat ujian darah bagi mengesan Hepatitis C. Walau bagaimanapun sejak tahun 1992, semua darah yang telah didermakan di Negara Brunei Darussalam mula diuji bagi mengesan jangkitan virus tersebut. Jika awda menjalani pemindahan darah atau organ sebelum tahun 1992, awda

boleh berjumpa doktor untuk menjalani ujian bagi mengesan infeksi Hepatitis C.

Setengah orang yang menjalani dialisis buah pinggang telah terjangkit Hepatitis C dari alat perkakas yang telah tercemar. Sejak tahun 1992 semua pesakit dialisis telah diuji bagi virus dan hanya alat perkakas yang dikhaskan digunakan bagi pesakit yang diuji positif.

Awda boleh dijangkiti Hepatitis C dari seseorang yang tinggal bersama dengan awda jika awda berkongsi barang-barang seperti pisau cukur atau berus gigi yang mungkin mengandungi darah pesakit Hepatitis C.

Jarang sekali seseorang itu akan dijangkiti Hepatitis C melalui hubungan seks yang tidak terlindung. Akan tetapi jangkitan mungkin akan terjadi jika seseorang itu juga mempunyai penyakit-penyakit hubungan seks.

Awda tidak akan dijangkiti Hepatitis C melalui ciuman atau berjabat tangan dengan orang yang telah dijangkiti.

APAKAH TANDA-TANDA HEPATITIS C?

Kira-kira 80 peratus orang yang dijangkiti Hepatitis C sama sekali tidak menunjukkan tanda-tanda dan hanya terdapat sedikit kerosakan pada organ hati mereka. Kebanyakan mereka ini akan dikesan menghidap jangkitan Hepatitis C setelah ianya menunjukkan enzim hati yang tidak normal setelah menjalani ujian darah. Kira-kira 15 peratus dari mereka yang dijangkiti oleh virus Hepatitis C akan menghidap sirosis setelah menghidap jangkitan tersebut selama 20 - 30 tahun. Sebilangan kecil akan menghidap kanser hati dalam masa 20 - 40 tahun setelah dijangkiti.

Bukan semua yang dijangkiti Hepatitis C menunjukkan tanda-tanda. Setengah tanda-tanda Hepatitis C serupa dengan tanda-tanda flu. Ini termasuk:

- Berasa letih
- Merasa sakit perut
- Tidak berselera makan
- Sakit perut

tidak ketinggalan mengelolakan Majlis Taklimat Kesedaran Mengenai Kanser Payu Dara baru ini di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Taklimat tersebut merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan TAIB yang memberikan sumbangan ilmiah bagi memberikan kesedaran dalam hal-ehwal kesihatan

- Cirit-birit
- Sakit pada sendi atau otot
- Air kencing berwarna kuning tua
- Mata dan kulit berwarna kuning.

Awda dinasihatkan berjumpa doktor untuk menjalani ujian jika mempunyai tanda-tanda di atas atau telah terdedah kepada virus Hepatitis C.

BAGAIMANA AWDA MENGETAHUI JIKA AWDA DIJANGKITI HEPATITIS C?

Ujian darah yang dilaksanakan di Makmal Virologi untuk mengesan antibodi kepada Hepatitis C akan menunjukkan sama ada awda dijangkiti Hepatitis C. Berikut adalah orang yang mempunyai risiko tinggi dijangkiti Hepatitis C.

- * Berkongsi jarum di kalangan penyalahgunaan dadah.
- * Penerima bagi faktor darah beku (blood clotting factors) sebelum 1987.
- * Pesakit dialisis buah pinggang.
- * Penerima pemindahan darah atau pemindahan organ sebelum tahun 1992.
- * Mereka yang mempunyai masalah kerosakan organ hati yang tidak terkesan.
- * Anak damit yang dilahirkan dari ibu yang dijangkiti Hepatitis C selepas berumur 12 - 18 bulan.

Jika ujian darah awda menunjukkan jangkitan Hepatitis C, doktor akan menjalankan ujian biopsi organ hati. Ujian biopsi organ hati akan menunjukkan sama ada terdapat kerosakan pada organ hati. Ujian biopsi dijalankan dengan memasukkan jarum kecil melalui abdomen yang mana akan mengeluarkan sedikit organ hati. Sebahagian dari jenis virus Hepatitis C adalah lebih berbahaya dan susah hendak dirawat dari yang lain. Doktor akan menjalankan ujian yang lain untuk mengenal pasti jenis Hepatitis C yang awda hidapi.

APAKAH RAWATAN-RAWATAN BAGI HEPATITIS C?

Sejenis ubat yang dipanggil 'interferon' digunakan untuk merawat penghidap

Oleh Dr. Hajah Jaliha binti
Haji Mohd. Yusof,
Pegawai Saintifik Kanan,
Hospital Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha

infeksi Hepatitis C. Jenis interferon yang baru yang dipanggil 'peg-interferon' didapati lebih baik. Untuk mendapatkan kesan yang lebih baik, suntikan 'peg-interferon' akan diberikan berkombinasi dengan ubat yang dimakan yang dipanggil 'ribavirin'. Strategi ini mungkin tidak akan sesuai kepada semua orang tetapi kebanyakan orang akan sembuh setelah menerima keberkesanan rawatan ini.

Rawatan bagi Hepatitis C selalunya akan membuat seseorang itu seperti menghidap flu. Ianya juga boleh menyebabkan rambut gugur. Kesan-kesan ini akan hilang setelah selesai rawatan. Doktor akan memberitahu pesakit setelah beberapa minggu sama ada rawatan tersebut berjaya atau sebaliknya.

Rawatan bagi Hepatitis C boleh menghindarkan kerosakan organ hati dan serosis. Kajian menunjukkan bahawa 'interferon' boleh membantu mengelakkan kanser organ hati di kalangan pesakit Hepatitis C.

BAGAIMANA CARA MENGELOKKAN HEPATITIS C?

Cara yang paling mudah untuk mengelakkan jangkitan Hepatitis C ialah dengan menjauhkan diri dari darah penghidap Hepatitis C. Jangan berkongsi jarum dengan penyalahgunaan dadah. Jika awda bekerja di hospital, awda hendaklah berhati-hati apabila mengendalikan darah dan cecair badan.

Orang yang mempunyai pasangan hubungan seks yang ramai akan lebih terdedah kepada jangkitan Hepatitis C, terutama sekali jika mereka dijangkiti penyakit hubungan seks.

Jangan berkongsi pisau cukur atau berus gigi dengan ahli keluarga yang dijangkiti Hepatitis C. Virus boleh berjangkit melalui darah yang tertinggal.

Penyelidikan terhadap Hepatitis C masih diteruskan akan tetapi sejauh ini belum ada vaksin yang dijumpai.

Kesedaran kanser payu dara di kalangan wanita

BERAKAS, 5 Mac. - Kesedaran mengenai kanser payu dara di kalangan wanita kini semakin meningkat dan dalam menyedarkan orang ramai mengenai penularan penyakit tersebut, beberapa pihak telah mengambil inisiatif mengadakan pelbagai taklimat dan ceramah bagi menyedarkan orang ramai.

Melihat kepada me-

ingkatnya jangkitan penyakit tersebut, orang ramai perlu mengambil langkah-langkah penjagaan kesihatan termasuk mendapatkan nasihat dan mendengar ceramah oleh pakar-pakar.

Ke arah menyedarkan orang ramai mengenai bahaya penyakit tersebut, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB)

tidak ketinggalan mengelolakan Majlis Taklimat Kesedaran Mengenai Kanser Payu Dara baru ini di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Taklimat tersebut merupakan salah satu aktiviti kemasyarakatan TAIB yang memberikan sumbangan ilmiah bagi memberikan kesedaran dalam hal-ehwal kesihatan

Oleh Hj. Ahat
Hj. Ismail

awam.

Majlis yang dihadiri oleh lebih 100 orang peserta termasuk Datin Hajah Maimunah binti Ambak, isteri Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim, bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai penyakit barah payu dara di kalangan kaum wanita.

Selain daripada menyedarkan orang ramai taklimat itu juga berhasrat untuk sama-sama mengingatkan orang ramai me-

ngenai bahaya penyakit berkenaan dan juga penyakit-penyakit kronik yang mudah menjangkiti kaum wanita.

Melalui taklimat seumpama itu akan dapat memberikan kesedaran dan mengurangkan jumlah penghidapnya serta orang ramai dapat mengambil langkah pencegahan.

Taklimat sehari itu disampaikan oleh ahli-ahli panel penceramah dari Kumpulan Penyokong Kanser Payu Dara Negara Brunei Darussalam (Breast Cancer Support Group) yang terdiri dari pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan sukarelawan persatuan tersebut.



Date : 5th March 2005
Time : 7:00pm
Venue : Press Conference Room,
International Convention Center
Jalan Berakas



Sastera dan Budaya

سستردان بوداي

PENDAHULUAN

UNDANG-UNDANG Melayu Lama atau sastera undang-undang dianggap sebagai hasil sastera kerana ciri-ciri dan penggunaan bahasanya yang merakamkan situasi masyarakat Melayu lama. Memandangkan undang-undang adat Melayu lama ini penting untuk pengkajian sejarah, sama ada ia menerima pengaruh Hindu atau Islam, maka ia menjadi suatu warisan tradisi yang sangat penting dalam kesusasteraan Melayu. Undang-undang Melayu Lama mempertahankan kepentingan pembesar-pembesar negeri dan juga kekuasaan mereka. Hukum-hukum yang dikenakan berbeza-beza mengikut status masyarakat. Namun pada hakikatnya ia bermaksud untuk menakutkan masyarakat supaya tidak melakukan kesalahan dan juga untuk memperbaiki keadaan dalam masyarakat masa itu (Munir Ali 1989 : 141).

Menurut Profesor Mohd. Taib Osman (1965 : 32) karya-karya Sastera Sejarah memberi gambaran peradaban masyarakat, konsep beraja dan corak pemikiran pada zaman itu. Begitu juga Snouck Hurgronje berpendapat bahawa dengan meneliti karya Sastera Sejarah dapat mengetahui banyak bahan mengenai watak bangsa Melayu serta undang-undang dan adat istiadatnya. Undang-undang Melayu Lama merupakan satu gambaran suasana kehidupan masyarakat Melayu Lama. Lantaran dalam undang-undang ini kita dapat tiga golongan masyarakat yang terlibat iaitu golongan atasan, golongan menengah dan golongan bawahan. Golongan-golongan inilah yang memainkan peranan dalam masyarakat sehingga undang-undang tercipta bagi mengadili dan mendamaikan apa-apa kekelutan dalam masyarakat.

Jadi apa yang dapat dilihat bahawa Undang-undang Melayu Lama adalah naskhah yang mengandungi adat istiadat, di samping undang-undang figh Islam. Undang-undang ini tidak diluluskan oleh badan perundangan seperti parlimen sebagaimana yang terdapat dalam perundangan moden sekarang.

LATAR BELAKANG MASYARAKAT LAMA

Sebelum kedatangan Islam, telah wujud kecenderungan bersastera dalam masyarakat Melayu dan masyarakat itu telah mempunyai aksara-aksara yang tersendiri. Untuk beberapa abad, daerah yang dikenali sebagai Sriwijaya menjadi sebuah pusat perkembangan agama Buddha-Mahayana di dunia dan dengan itu ikut menjadi pusat aktiviti penulisan dan penyalinan naskhah (Siti Hawa Haji Salleh 1997 : 2). Masyarakat Melayu Lama juga telah mempunyai peraturan-peraturan keagamaan, undang-undang, peristiwa-peristiwa penting dan pantang larang yang mempunyai signifikan sosial. Peraturan-peraturan ini lebih bercorak lisan dan ditutur-

kan dari satu generasi ke satu generasi. Ia juga bercatat dan hanya terdapat para biara dan para pudenda (Ibid : 2).

Bagi kalangan rakyat jelata, ia lebih bercorak lisan, hanya golongan bangsawan dan golongan raja sahaja yang boleh mengarahkan supaya dicatat pada batu-batu besar apabila ada kejayaan dicapai seperti pembukaan negeri baru, memusnahkan atau mengalahkan musuh negaranya dan menyampaikan peraturan atau maklumat kepada rakyat. Peraturan-peraturan yang bertulis ini merupakan peraturan-peraturan yang wajib dipatuhi jika tidak maka hukuman akan dikenakan kepada yang melanggar dan tidak hormat kepada peraturan tersebut. Peraturan-peraturan ini akhirnya dijadikan sebagai undang-undang yang dilembagakan dan juga jadi adat dan resam kepada sesuatu bangsa (Ibid: 4).

Kehidupan masyarakat Melayu yang panjang telah menjadi titik tolak kepada evolusi kesusasteraan Melayu tradisional. Kehidupan yang tercerna hasil dari pengalaman hidup telah merubah sistem yang tidak teratur kepada lebih baik dan teratur. Proses yang berlaku secara evolusi ini dinamakan evolusi akal budi (Mohd. Pozi Masurori 2001 : 63). Proses evolusi akal budi mencerna lingkungan kehidupan yang membentuk dimensi persekitaran yang harmonis. Dalam pembentukan itu tadi akan terdapat 'trial and error' yang menjadikan lebih mencabar. Dengan itu, terbentuklah teks-teks sastera yang merakamkan sistem-sistem perundangan, kepercayaan dan kosmologi. Tradisi ini berterusan hingga munculnya tradisi penulisan umat Melayu. Yang mencetus rasionalisme sehingga kesan dapat ditelusuri dari risalah risalah keagamaan yang tersebar luas di Alam Melayu (Ibid : 63). Ini dapat dilihat dari karya-karya tasawuf yang banyak membincangkan falsafat dan metafizik, di samping hal-hal kerohan-

Latar Belakang Undang-undang Melayu Lama

OLEH HELMI HALIM

nian dan moral keagamaan. Genre-genre sastera Melayu turut bertambah berbanding zaman sebelumnya (Braginsky, 1998).

Tradisi penulisan dapat ditelusuri melalui catatan-catatan para pengembara dan pengkaji dari Barat dan Timur seperti Abu Dulaf dan Ibnu Batutah (1354/6M) Laksamana Cheng Ho dan Ma Huan pada abad 15M. Catatan dari Eropah seperti catatan Tome Pires dalam Suma Oriental, Joao de Barros dan Femao Lopes de Castanheda (Portugis), G. F. Pijper, Francois Valentijn (1666-1727), W. E. Maxwell W.A. Pickering, R. J. Wilkinson dan R. O. Winstedt (Inggeris).

Pandang mereka ini terdapat unsur bias yang lebih merendah-rendahkan orang Melayu. Kedatangan Islam telah membuka era baru cara berfikir orang Melayu terutama dari segi 'world view'. Islam telah membawa pembaharuan dari segi aspek kehidupan masyarakat dan yang lebih penting ialah Islam telah membawa bersamanya dari segi penulisan. Syed Muhammad Naqib Al-Attas (1772 : 20) menyatakan:

... Kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu - Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas menegaskan satu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perorangan, keadilan dan kemuliaan peribadian insan.

Islam juga membentuk keperibadian dan nilai hidup dengan membawa undang-undang kehidupan yang berorientasikan kepada keadilan. Maka dengan itu tercipta sastera undang-undang sebagai asas panduan kepada sistem pemerintahan dan sistem pentadbiran. Apa yang dapat digambarkan bahawa aktiviti penulisan pada peringkat awal merupakan salah satu aktiviti yang terhad kepada perkara-perkara penting dan menjadi hak orang-orang yang mampu dan berkeperluan sahaja.

Pengembang-pengembang agama Islam berjaya menyebarkan agama Islam pada peringkat awalnya secara lisan dan praktis setelah ia berkembang maju, maka tulisan diperkenalkan terutama tulisan jawi. Apa yang berlaku, penerimaan tulisan jawi tidak hanya di istana-istana sahaja bahkan ia lebih rakyat, tidak seperti tulisan Pallava pada abad ke-7 hingga abad ke-

14 yang lebih tertumpu kepada golongan bangsawan dan pudenda di biara. Jadi pada perkembangan tulisan jawi menghasilkan pelbagai hasil karya sastera termasuk sastera undang-undang.

Sastera undang-undang dan adat istiadat yang dulunya disampaikan secara lisan telah ditulis supaya dia dapat menjadi rujukan. Antara naskhah sastera lama yang ditulis ialah karya-karya undang-undang lama seperti Hukum Kanun Melaka (HKM), Undang-undang Laut Melaka, Undang-undang Pahang, Perak, Kedah dan lain-lain.

PENULISAN UNDANG-UNDANG MELAYU LAMA

Penulisan karya Undang-undang Melayu Lama, seperti juga kewujudan karya ketatanegaraan dalam khazanah kesusasteraan Melayu tradisional merupakan suatu pertunjukan mengenai kepentingan nilai tatasusila dan keharmonian dalam kehidupan Istana Melayu zaman silam. Takrifan undang-undang mengikut masyarakat Melayu lama berbeza dengan takrifan yang dibuat oleh Barat. Bagi masyarakat Melayu lama, peraturan hidup (adat kebiasaan orang Melayu) yang dilembagakan dan dipersetujui oleh golongan bangsawan atau raja merupakan undang-undang (law) dan peraturan hidup. Bagi Barat pula, undang-undang itu diluluskan oleh kerajaan dan dipersetujui oleh masyarakat atau rakyat jelata dengan jalan demokrasi dan diluluskan oleh badan tertinggi seperti parlimen.

Dalam konteks ini, apabila kita membicarakan undang-undang Melayu Lama atau sastera undang-undang, teks HKM tidak dapat diketepikan kerana teks ini melihat berbagai-bagai aspek. HKM merupakan sebagai sebuah teks undang-undang yang 'dipakai' pada zaman Empayar Melayu Melaka. Ia sudah tentu mempunyai pengaruh yang besar ke atas kehidupan orang Melayu. Teks ini kemudiannya mempengaruhi teks-teks negara kota yang lain terutama di negeri-negeri yang pernah menjadi jajahan takluk empayar tersebut (Abu Hassan Sham & Maryam Salim. 1995 : 1).

HKM juga memperlihatkan nilai kekuasaan yang ada pada Raja-raja Melayu yang mewakili

oleh Raja-raja Melaka. Pada dasarnya mereka mempunyai kuasa mutlak terutama yang diwarisi daripada budaya Hindu. Terdapat jurang perbezaan antara kasta Brahman dan Sudra. Perbezaan ini amatlah jauh sehingga sekarang seorang Sudra tidak dapat bersentuhan kulit dengan golongan Brahman tadi. Apalagi kalau mereka melakukan kesalahan, dia akan dijatuhi hukuman yang amat berat (Lihat Harun Mat Piah, Islami Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Karh, Jamilah Haji Ahmad, 2000 : 470).

Kekuasaan itu dihalak oleh kedatangan Islam. Oleh sebab teks ini dilahirkan pada zaman yang lebih awal, maka ia memperlihatkan pewarna daripada berbagai-bagai budaya. Teks ini juga memperlihatkan laras bahasa Melayu klasik yang bersifat undang-undang dan dapat dibandingkan dengan teks undang-undang yang dilahirkan terlebih kemudian.

Namun demikian, walaupun ia dianggap sebagai Undang-undang Melayu Lama, jika ditinjau dari sudut undang-undang sebenar ia tidaklah dianggap sebagai satu hasil undang-undang kerana ada pelbagai unsur yang tidak sesuai dengan asas keadilan di dalamnya. Oleh itu terdapat beberapa kelemahan di dalamnya seperti perlaksanaan undang-undang yang tidak adil. Orang yang bersalah tidak diberi langsung kebebasan untuk membela diri. Jika adapun, ia dijalankan dengan satu syarat di luar perikemanusiaan yakni seperti mencelupkan tangan ke dalam timah yang menggelegak panas (Munir Ali. 1989 : 42).

DUA KUMPULAN ADAT

Terdapat dua kumpulan adat dalam genre sastera undang-undang iaitu Adat Temenggung dan Adat Perpatih. Undang-undang Adat Temenggung terdiri daripada Hukum Kanun Melaka, Undang-undang Laut Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-undang Laut Johor, Undang-undang Kedah, Undang-undang Pelabuhan Kedah, Undang-undang Palembang dan sebagainya.

Undang-undang Adat Berpatih terdiri daripada Undang-undang Sungai Ujong dan Undang-undang Adat dari Rembau. Undang-undang Adat Perpatih digunakan di Negeri Sem-

bilan, beberapa tempat di Melaka dan Perak. Naskhah seperti Tambo Minangkabau, Tambo Adat dan Adat Istiadat Minangkabau terdapat di Daerah Minangkabau di Sumatera. Terdapat juga undang-undang yang menggabungkan Adat Temenggung dan Adat Perpatih seperti Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan (Perak).

Apa yang terkandung dalam sastera undang-undang ini merangkumi kuasa raja dan pembesar, pembahagian tugas masing-masing dan kaitan dengan sistem pentadbiran negara, undang-undang dalam bentuk kesalahan dan hukuman. Undang-undang jenayah ini termasuk undang-undang tempatan, Hindu dan Islam. Ia juga merangkumi undang-undang awam yang berkaitan dengan pembahagian harta dan perkahwinan, di samping itu, ada juga terkandung di dalamnya Adat Istiadat yang diamalkan oleh raja dan golongan bangsawan dalam upacara-upacara keistanaan. Hukum kanun ini juga cuba melahirkan satu golongan masyarakat yang berkasta-kasta seperti rakyat jelata dilarang keras mencampuri urusan golongan-golongan atasan dan begitulah sebaliknya.

HUKUM KANUN MELAKA (HKM)

Kandung Sastera Undang-undang Melayu Lama ini dapat dilihat dari sudut kuasa raja dan pembesar dan undang-undang yang berkait dengan pentadbiran negara. Ia juga mengandungi mengenai undang-undang jenayah yang bercampur-aduk antara undang-undang Islam, tempatan dan juga Hindu. Terdapat juga undang-undang awam, perkahwinan, pewarisan dan juga adat istiadat yang diamalkan oleh raja dan pembesar (Abu Hassan Sham & Maryam Salim. 1995 : ix).

Untuk membicarakan mengenai Undang-undang Melayu Lama atau Sastera Undang-undang, teks HKM tidak dapat diketepikan kerana ia mengandungi pelbagai kepentingan mengenai pentadbiran dan juga undang-undang. Apa yang dapat dilihat HKM merupakan sebuah teks yang 'dipakai' di zaman Empayar Melayu Melaka, ia sudah tentu mempunyai pengaruh yang besar ke atas kehidupan orang Melayu. Teks ini kemudiannya mempe-

ngaruhi teks-teks negara kota yang lain terutama di negeri-negeri yang pernah menjadi jajahan takluk empayar tersebut.

HKM juga memperlihatkan nilai kekuasaan yang ada pada Raja-raja Melayu yang diwakili oleh Raja-raja Melaka. Ia dipilih mewakili genre sastera undang-undang kerana ia merupakan suatu sistem perhukuman yang disusun dalam zaman pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1422-1444). Ia diperturunkan dalam bentuk tulisan dengan cara yang dikemaskinikan. Zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1445-1458) terdapat 27 fasal yang memperkatakan tentang berbagai-bagai hal yang bersangkutan dengan kehidupan masyarakat Melayu pada abad ke-15. Masyarakat Melayu ketika itu terdiri dari tiga golongan lapisan masyarakat: pertama, golongan atasan atau bangsawan yang terdiri daripada raja dan keluarganya dan para pembesar. Kedua, golongan rakyat biasa yang disebut sebagai orang 'merdeheka' dan ketiga ialah golongan hamba yang kedudukannya tidak terjamin sama sekali.

KEDUDUKAN HAMBA

Secara amnya, tidak ada kemungkinan bagi seorang hamba keluar daripada statusnya, malah ia umpama barang yang boleh bertukar tuan melalui jual beli dan pinjam-meminjam. Ada disebut kemungkinan seorang hamba dibebaskan sekiranya ada orang membayar tebusan ataupun jika dia melakukan sesuatu kebaktian yang besar seperti menyelamatkan tuannya daripada maut. Dengan demikian golongan hamba terdiri dari dua golongan, pertama golongan hamba seumur hidup (kerana dilahirkan oleh ibu bapa yang juga menjadi hamba) dan kedua 'hamba tebusan' (hamba yang berpeluang menebus balik status kebebasannya). Sebaliknya orang awam jika dia tidak dapat menyelesaikan hutangnya dalam masa yang ditetapkan, dia dikatakan 'masuk ulur' dan menjadi hamba kepada si piutang sehingga dia dapat menebus kebebasannya kembali dan menyelesaikan bayaran hutangnya atau ditebus oleh orang lain.

CERPEN

OLEH HUSAIMY

'MULUT DAN BIBIR' (Sentuhan Pasca Moden)

TENGGAH hari itu, sewaktu aku pulang dari menjalani raptai penuh Majlis Konvokesyen Ke-16 Universiti Brunei Darussalam aku terpancang sampul surat berwarna jingga terselit di peti surat rumahku. Langkahku terhenti di muka pintu lantas terlindunglah aku di bawah bayangan dari panas matahari yang seperti membakar diriku dan bumi sejak tadi. Tak terasa aku bermandikan peluh. Basah dan melekitkan.

Lantas, kuambil surat itu perlahan dan kubaca tulisan di muka kulitnya. Dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik. Apakah lagi kali ini? Biasanya kalau bil bulanan agak lain bentuknya, tapi kali ini berwarna jingga. Saat aku memegang surat itu aku terkejut kerana ada sesuatu bergerak-gerak di dalamnya.

Apa pula bendanya bergerak-gerak ni? Membuatkan aku terkejut saja! Mujur aku ni lelaki, kalau perempuan pasti nyaring ku berteriak.

Ah! Terus kubuka saja surat itu dan rupanya ada sepasang bibir manusia berwarna ungu kehitaman di dalamnya sambil tersenyum simpul. Dan bibir itu terus bersuara mengejutkan aku sekali lagi: "Jika tiada sebarang pembayaran bil dibuat selepas 11 Oktober, kemungkinan pemotongan bekalan elektrik akan dilakukan di rumah biskita."

Satu ribu lebih. Di mana aku hendak mencari jumlah wang sebegini banyak? Sedangkan sudah kira-kira enam bulan elau bulananku yang sebanyak \$358.00, termasuk elau kenderaan yang biasanya kuterima sudah ditiadakan. Kali terakhir aku menerimanya ialah pada bulan terakhir aku menjalani latihan mengajar.

Tetapi sekarang aku kontang langsung! Aku duduk di beranda luar rumah dikelilingi bahang matahari yang tak serik-serik menghembuskan habanya. Kemudian kulemparkan surat itu jauh di atas lantai. Bibir berwarna ungu kehitaman itu menggeliat-geliat terlompat-lompat kegagahan. Tak sampai hati pula aku jadinya. Lalu ku-masukan kembali surat dan bibir itu di dalam sampulnya.

Aku melayan resah dan seketika kupejam mataku. Sesekali kenderaan bunyi enjin-enjin motor sangkut membelah-belah Sungai Brunei. Lalu azan Zuhur pula kedengaran dan saat aku membuka mataku, kelihatan beberapa orang kanak-kanak berpakaian seragam sekolah berlari-lari berkejaran ke rumah

masing-masing dengan mulut yang ternganga terkekeh keriang.

Satu ribu lebih? Aduh! Angka itu menggusarkan aku. Menggusarkan! Itu belum lagi kucampurkan angka tunggakan ansuran pembayaran rumah yang kududuki yang sudah mencecah entah-entah dua atau tiga ribu lebih. Dan belum termasuk bil telefon yang walaupun sudah lama kuputus perkhidmatannya tetapi meninggalkan hutang yang belum langsi.

Masih banyak lagi baki bil telefon yang perlu aku jelaskan. Semuanya membuatkan aku bimbang dan gelisah. Pembayaran itu, pembayaran ini. Hutang, hutang, hutang dan wang, wang dan wang! Manusia dan hutang. Manusia dan wang di atas bumi yang sentiasa memikirkan wang, hutang dan kesenangan.

Memang hidup ini tak dapat lari dari masalah dan aku mempercayainya. Maka itu mulut-mulut dan bibir-bibir akan mudah berkata:

"Kebahagiaan tidak dapat diukur dengan nilai wang dan material."

"Wang dan kekayaan tak menjanjikan cinta."

"Wang dan kekayaan tak menjanjikan kebahagiaan."

"Wang bukan segalanya..."

Tetapi aku? Perlukah aku mempersetujuinya pada saat aku kesempitan wang? Buktinya aku tidak bahagia, sebaliknya aku resah gelisah memikirkan wang dan hutang. Bukan pula aku materialistik dan gila wang hanya kerana hidupku serba kurang!

Mulut memang mudah berbicara. Bibir pandai berseloka. Dan aku pun apa kurangnya.

Aku pun ada mulut dan bibir, juga sama seperti kamu. Cuma bentuk, warna dan saiznya yang berbeza-beza. Mulutku takkan sama dengan mulut mereka, jua bibirku.

Terlalu banyak mulut. Terlalu banyak bibir di dunia ini.

bentuk, warna dan saiznya yang berbeza-beza. Mulutku takkan sama dengan mulut mereka, jua bibirku. Terlalu banyak mulut. Terlalu banyak bibir di dunia ini.

Kalau dihipunkan dalam satu bekas atau dilambakkan di atas tanah lapang, aku percaya semua mulut dan bibir yang ada di pelusuk dunia ini akan tinggi mengunung-gunung. Segunung mulut dan bibir orang Melayu. Segunung mulut dan bibir orang India. Segunung mulut dan bibir orang Cina. Segunung mulut dan bibir orang Eropah. Segunung mulut dan bibir orang Negro. Segunung mulut dan bibir orang Amerika. Segunung mulut dan bibir... Segunung mulut dan bibir...

Tetapi yang pasti mulut-mulut dan bibir-bibir adalah berbeza-beza. Ada yang besar, ada yang hitam, ada yang merah, ada yang tebal, ada yang nipis, ada yang lebar, ada yang leper, ada yang bergaya, ada yang berlipstik, ada yang kontrol ayu, ada yang kontrol handsome, ada yang berhamburan air liur, ada yang berlelehan air hingus dan yang paling banyak adalah dari golongan mulut murai dan tempayan; yang bicara tak serupa buat, yang berkata licik tanpa sudi mengenal kepayahan insan. Syok sendiri. Bangga sendiri. Sesedap rasa berempah-ratus. Mulut-mulut dan bibir-bibir mereka yang berbeza-beza.

"Teruskan saja pelajaranmu. Biar sampai ke fantasia impian. Tinggi dan tinggi melangit... Di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Berusahalah... berusahalah... berusahalah... bersungguh-sungguh... teruskan... Aku masih ingat mulut-mulut dan bibir-bibir itu petah berbicara dan sekarang pun masih terngiang-ngiang di telinga. Manis alah gula.

Tetapi bagaimana aku hendak meneruskan pelajaranku? Aku tidak punya wang. Aku bukan kaya. Aku bukan anak orang berada. Aku cuma anak kebanyakan, seorang anak asuh mamaku yang sudah tua.

Mujurlah ada mulut-mulut dan bibir-bibir yang



bermurah hati meminjamkan aku wang untuk membeli sebuah kereta terpakai. Tetapi sebanyak empat pasang bibir dan mulut yang meminjamkan aku wang dan sesudah dicampur-campur, di-kumpul-kumpul, akhirnya aku memiliki kereta terpakai secara hutang. Dan sebuah komputer yang juga kumiliki secara hutang, komputer yang juga kugunakan untuk menulis cerpen yang engkau baca ini.

Sebenarnya saat aku menulis cerpen ini pun aku sudah sesak, hampir pengsan termuak. Masalahnya sekarang aku tak punya wang untuk melangsaikan hutang. Tetapi suara-suara dari mulut-mulut itu sudah kerap kali kudengar menagih hutang. Macam mana ni? Bikin aku jadi malu saja.

Perkara ini sudah aku jangkakan dahulu sebelum aku meneruskan pelajaranku. Aku takut sebenarnya. Aku takut menjadi mangsa hutang. Ikutkan hati aku tak mahu memakan budi. Tetapi dalam keterpaksaan aku disuapi juga dengan budi-budi dari mulut-mulut dan bibir-bibir yang aku berani katakan kuragui keikhlasannya.

Teringatku pada masa aku berada di tahun ketiga, semester kedua pengajianku, aku terdengar suara-suara dari mulut-mulut dan bibir-bibir yang sinis bicaranya:

"Pisang emas bawa belayar, masak sebiji di atas peti; hutang duit mana boleh bawa mati..."

"Bila dia nak bayar hutang beli kereta itu?"

"Hutang beli komputer

bila nak bayar?"

"Sudah berapa tahun satu sen pun belum berbayar!"

Mulut-mulut beracun. Bibir-bibir laksana bom! Fikiranku tidak bebas. Aku jadi tertekan dengan ungkapan-ungkapan dari mulut-mulut dan bibir-bibir itu.

Rasanya menyesal juga aku meneruskan pelajaran. Aku masih ingat, pada suatu ketika aku sudah putus asa. Hampir saja kumengalah. Terutama sekali ketika aku berada di tingkatan enam aku mahu saja terus mencari kerja kerana aku tahu kalau aku meneruskan pelajaran pastinya penuh risiko. Aku bukan kaya. Tetapi mulut-mulut dan bibir-bibir itu melarangku berhenti belajar.

"Teruskan saja pelajaranmu. Biar sampai ke fantasia impian. Tinggi dan tinggi melangit... Di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Berusahalah... berusahalah... berusahalah... bersungguh-sungguh... teruskan... teruskan... Dan suara-suara dari mulut-mulut dan bibir-bibir yang petah berbicara itu masih terngiang-ngiang di telinga. Manisnya alah gula.

Bukannya aku menyesali keadaanku sekarang yang sudah pun tamat belajar. Aku amat bersyukur. Tetapi... Nah! Buktinya sekarang aku seperti tidak menyenangkan malah menyusahkan mulut-mulut dan bibir-bibir itu. Aku merasakan diriku sentiasa berada dalam tekanan dan himpitan. Sedangkan pengorbananku usah cakap. Malu sudah kutelan berke-

tulan. Tuhan saja yang tahu. Tetapi mengapa sering diriku ini dipermainkan emosiku, hatiku? Diusik-usik dan diperselekehkan oleh mulut-mulut dan bibir-bibir berterusan?

Mulut oh mulut! Mulut-mulut manis. Mulut-mulut madu. Mulut-mulut tebal. Mulut-mulut berduri. Mulut-mulut palsu. Mulut-mulut murai. Mulut-mulut murai. Mulut-mulut murai. Manusia dan mulut. Mulut-mulut Melayu...

Dan bibir oh bibir! Bibir-bibir manis. Bibir-bibir madu. Bibir-bibir tebal. Bibir-bibir berduri. Bibir-bibir palsu. Bibir-bibir busuk. Bibir-bibir hapak. Bibir-bibir murai. Bibir dan bibir-bibir. Manusia dan bibir. Bibir-bibir Melayu...

Entahlah sejak kebelakangan ini kalau aku melihat orang; sesiapa saja termasuk rakan-rakanku; aku seperti dapat melihat mulut-mulut dan bibir-bibir mereka tiba-tiba menjadi besar dan tertonjol keluar. Maka membesarlah dan terpacullah keluar mulut-mulut dan bibir-bibir mereka itu satu persatu sehingga menyembunikan wajah mereka, layaknya seperti makhluk asing. Dan saat ini pun aku yakin kalau aku bisa melihat engkau yang sedang membaca tulisanku ini, pasti aku akan dapat melihat mulut dan bibirmu terpacul keluar mengalahkan wajahmu sendiri.

Hakikatnya, mulut-mulut dan bibir-bibir manusia ini pelbagai macam, pelbagai karektor; ada yang besar, ada yang hitam, ada yang merah, ada yang tebal, ada yang nipis,

ada yang lebar, ada yang leper, ada yang bergaya, ada yang berlipstik, ada yang kontrol ayu, ada yang kontrol handsome, ada yang berhamburan air liur, ada yang berlelehan air hingus, dan yang paling banyak adalah dari golongan mulut murai dan tempayan; yang bicara tak serupa buat, yang berkata licik tanpa sudi mengenal kepayahan insan. Syok sendiri. Bangga sendiri. Sesedap rasa berempah-ratus. Mulut-mulut dan bibir-bibir yang berbeza-beza.

Di mana-mana saja, bahkan di tempat kubelajar - di sana terlalu banyak mulut dan bibir seperti kicaian kelawar berterbangan di senja hari keluar dari gua mencari makanan, seperti uras hanyut di sungai; pelbagai saiz dan karektor. Kkadang kuperhatikan mulut-mulut dan bibir-bibir itu seperti berlonggaran sesama sendiri dalam larian maraton. Adakalanya aku cemburu juga dengan mulut-mulut dan bibir-bibir itu, lebih-lebih lagi mulut-mulut dan bibir-bibir rakan-rakanku.

Teringatku saat menunggu kuliah petang, aku ternampak mulut dan bibir salah seorang rakan-ku. Kalau engkau nak tahu bibirnya tebal dipaliti lipstik berwarna merah hati berjenama - nya orang Brunei 'belabih... melating'. Bibirnya itu kedengaran sedang berbisik nyaring dengan telefon bimbit Nokianya:

"Bah! Pakaianku cucikan, lepas tu seterikan bisai-bisai... Gantung lurus-lurus... Jangan lupa sediakan makananku

Lihat muka 13

Dari muka 11

JENIS UNDANG-UNDANG MELAYU LAMA

Undang-undang Melayu terbahagi kepada dua bahagian iaitu Undang-undang Melayu, undang-undang yang membicarakan hal-hal di darat. Kedua Undang-undang Laut yang membicarakan hal-hal di laut. Bagi Undang-undang Minangkabau, ia rangkuman dari adat Minangkabau ada empat iaitu Adat nan benar adat, Adat nan diadatkan, Adat nan teradat, Adat istiadat. Selain itu ada Undang-undang Pahang, Undang-undang Minangkabau (Perak), Undang-undang Sungai Ujung (Negeri Sembilan), Undang-undang Sembilan puluh Sembilan. Terdapat pengaruh adat yang tertulis seperti Adat Temenggong dan Undang-undang 99. Bagi Adat Perpatih ialah Undang-undang Minangkabau.

RISALAH HOEKOEM KANOEN

Risalah ini dimulai dengan menyatakan orang-orang besar dijadikan raja, iaitu Bendahara, Temenggong, Syahbandar dan Penghulu Bendahara serta tugas masing-masing. Di dalamnya dinyatakan

Sultan Iskandar Syahlah (1424) pertama masuk Islam dan menetapkan adat lembaga. Terdapat beberapa fasal di dalamnya:

Fasal pertama: Menyatakan pantang larang diraja. Rakyat tidak boleh memakai pakaian kekuningan dan pakaian nipis di tempat tertentu yang melanggar aturan akan dibunuh. Dinyatakan juga syarat menjadi hamba raja dan syarat menjadi raja.

Fasal kedua: Menyatakan Hukum Bahasa seperti titah, patik, kurnia dan anugerah tidak boleh dipakai. Sesiapa yang melanggar perintah akan dibunuh.

Fasal ketiga: Antara larangan yang ditegah seperti menggunakan bantal kekuningan juga masuk pantang larang.

Fasal keempat: Menyatakan hukum jenayah. Orang-orang yang berbunuhan. Orang yang berbunuhan, menikam, menetak, memukul, merampas, mencuri harta orang, menuduh, berdustakan hakim, berjual titah dan menyangkal titah raja, akan dihukum bunuh.

Fasal kelima: Hukum membunuh orang. Pada adat salah, didenda hukumannya. Pada hukum Allah yang membunuh dibunuh.

Fasal keenam: Pada menyatakan orang yang mengamuk boleh dibunuh, tetapi si pembunuh harus

memberitahu raja. Kalau tidak akan didenda. Dalam fasal ini juga syarat menteri dan tiga perkara jenayah yang hanya boleh diampuni oleh raja iaitu membunuh orang, mengambil isteri orang dan bermaharajalela.

Fasal ketujuh: Menyatakan membunuh hamba raja didenda hukumannya. Tetapi hamba raja yang mencuri boleh dibunuh dengan tiada apa-apa kesalahan. Pada hukum Allah orang yang mencuri, dipotong tangannya.

Fasal kelapan: Pada menyatakan hukum menetak dan menampar orang. Hukuman yang dijatuhkan kepada orang-orang merdeka yang bersalah adalah lebih ringan daripada hamba.

Fasal kesembilan: Menyatakan bahawa Benda-hara, Temenggong, Syahbandar dan Nakhoda boleh membunuh dengan tiada titah raja pada waktu-waktu tertentu.

(Ada dua puluh tujuh fasal semuanya, sila rujuk Liaw Yock Fang, (Drs), 1975. Kesusasteraan Melayu Klasik. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd, hlm. 273-5).

KEBERKESANAN UNDANG-UNDANG MELAYU LAMA

Apa yang dapat dilihat dari gambaran mengenai undang-undang Melayu

ialah membawa mesej untuk menakutkan masyarakat untuk tidak melakukan kesalahan. Ia lebih menekankan kepada keadilan dengan mengambil hukum Islam yang berlandaskan Al-Quran dan Al-Hadis.

Namun ada juga diselitkan dalam hukum-hukum itu hukum adat demi mempertahankan kepentingan pembesar-pembesar. Ini diperlihatkan dengan jelas bahawa ketidaksamarataan dalam melakukan hukuman itu. Orang bawah lebih tertindas dan lebih teraniaya berbanding dengan orang atasan. Misalnya, orang berzina mengikut Islam adalah direjam sehingga mati, tetapi pada Undang-undang Melayu Melaka, jika seorang yang merdeka berzina dengan seorang hamba (abdi), hukumannya hanya bayaran harga hamba sahaja. Dengan sebab itu terlanggar bahawa undang-undang Melaka lebih 'ringan' dan tidak bagitu kukuh.

Jadi jelas walaupun undang-undang itu untuk memperkukuhkan keamanan dan kesejahteraan namun ada unsur-unsur 'ketidakadilan' yang lebih berpihak kepada golongan atasan. Ia seolah-olah cuba melahirkan satu golongan kasta seperti golongan bawah atau rakyat diluaran keras mencampuri

urusan golongan atasan, begitulah sebaliknya.

PENUTUP

Kewujudan sastera Undang-undang Melayu Lama merupakan gambaran keintelektualan penulis atau pengarang yang kebanyakan terdiri dari golongan ulama dan cendekiawan. Ulama / mubaligh / cendekiawan ini membawa bersama Islam untuk memberi petunjuk kepada manusia jalan yang sebenar. Undang-undang yang berakar umbi dari sumber ilahi telah membuka dimensi akal budi dan fikir masyarakat Melayu yang selama ini dibelenggu oleh fahaman atau induktansi dari Hindu dan Buddha.

Islam pembawa obor telah membawa sekali tulisan jawi dengan sastera Islam yang berorientasikan kepada tauhid dan akal budi telah 'menaiktarafkan' manusia yang selama ini sama statusnya dengan 'haiwan' walaupun mereka itu golongan mana sekalipun kerana mereka bertindak, berfikir, mentadibir dan menghukum mengikut 'rasa dan hawa nafsu' yang lebih mementingkan 'keakuan dan kedjaratan'. Orang bawah tidak boleh sama sekali 'angkat muka' apa lagi untuk membantah. Jika membantah atau melanggar peraturan yang ditetapkan atau dilembagakan maka akibat-

nya 'potong kepala'.

Kehadiran sastera undang-undang Melayu Lama dapat menyelamatkan 'jiwa' manusia yang ingin 'kebenaran' kerana terkandungnya di dalamnya didikan, pengajaran, hukum-hukum yang berlandaskan Islam, iktibar-iktibar dari sejarah-sejarah Islam, cerita mengenai kebesaran Allah, asal usul kejadian manusia dan lain-lain yang dapat membuka 'ruang fikir' dan minda. Walaupun ada hukuman yang berorientasikan nepotisme namun ia telah menjadi titik tolak kepada negara untuk mencorakkan rakyatnya menjadi rakyat yang taat setia kepada raja dan negara.

KEPUSTAKAAN

Abu Hassan Sham & Maryam Salim. 1995. *Sastera Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Braginsky, V.I. 1998. *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal - Sejarah Sastera Melayu Ddalam Abad 7-19*. Jakarta: INIS.

Harun Mat Piah, Islami Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hasan Sham, Abdul Rahman Kaeh & Jamilah Haji Ahmad. 2000 (Edisi Kedua). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kampe, John. E. & Winstedt, R. O. 'A Malay Legal Digest Compiled For Abd. Al-Ghaffur Muhaiyuddin Shah, Sultan of Pahang, 1592-1614'. JMBRAS, XXI, I, 1948, hal. 107-18.

Liaw Yock Fang, (Drs), 1975. *Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Mohd. Taib Osman. 1965. *Kesusasteraan Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Penerbitan Federal Bhd.

Munir Ali. 1989. *Kajian Kesusasteraan Melayu Klasik*. Selangor: Flo Enterprise Sdn. Bhd.

Sidek Fadzil, Sahlan Mohd. Saman, Hanafi Dolah, Mohd. Pozi Hj. Masurori, Shaiful Bahri Hd. Radzi, Mawar Shafei (ed). 2001. *Dari Lontar Ke Layar*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Perawatan Melayu. Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan.

Siti Hawa Hj Salleh. 1997. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1972. *Islam dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dari muka 12

di atas meja; ayam goreng, lauk masin, budu tibadak, sayur, acar... Jam 4.00 aku abis kelas. Mulutku dan bibirku kan makan besuap-suapan..."

Waduh! Seronoknya. Kalaulah aku memperoleh kesenangan sedemikian alangkah beruntungnya aku. Pulang ke rumah makanan terus tersedia menanti kepulangan mulut dan bibir yang kelaparan. Indah... Enaknya baju dicucikan, diseterikakan... Mudah dan bahagia yang punya bibir 'melating', berlipstik berjenama, berwarna merah hati itu.

Berbeza aku lelaki, bibirku tak dapat berbicara bangga sepertinya kerana bila aku sampai ke rumah tidak ada makanan yang tersedia untukku. Mulut dan bibirku tahu diam saja, tidak pula merungut. Maka, akulah sendiri yang bersusah payah menyediakan makanan untukku demi mulut dan bibirku.

Akulah jua yang menyediakan makanan untuk mamaku. Akulah jua yang mencuci pakaianku, jua pakaian dalammu, jua pakaian mamaku. Akulah jua yang menseterika pakaian untuk kuliahku. Kerana aku tahu mamaku sudah tua. Kerana aku tahu mamaku sudah tak larat buat kerja rumah. Kerana aku tahu mamaku sudah lupa segala; lupa macam mana memasak untuk anaknya. Kerana aku tahu mulut dan bibir mamaku sudah dimamah usia.

Tetapi beruntungnya mulut-mulut dan bibir-bibir rakanku. Mulut-mulut dan bibir-bibir rakanku pernah bercerita kepadaku perihal kesenangan mereka. Sedang aku hanya menumpang senang mendengarkannya.

Ada yang mulut dan bibir rakanku yang dibelikan kereta, ada mulut dan bibir rakanku yang dihidaihi komputer, ada mulut dan bibir rakanku yang

dihadiah telefon bimbit, ada mulut dan bibir rakanku yang diberi wang belanja dan kesenangan oleh mulut-mulut dan bibir-bibir ayah bondanya. Bertuahnya badan... Bertuahnya mulut-mulut dan bibir-bibir mereka...

Tidak apalah, aku tidak akan sesekali menyalahkan takdir atau nasib diriku. Aku tahu mulut dan bibirku tidak akan sama dengan mulut-mulut dan bibir-bibir mereka, kerana kutahu mulut-mulut dan bibir-bibir ini pelbagai macam, pelbagai karektor; ada yang besar, ada yang hitam, ada yang merah, ada yang tebal, ada yang nipis, ada yang lebar, ada yang leper, ada yang bergaya, ada yang berlipstik, ada yang kontrol ayu, ada yang melating, ada yang kontrol handsome, ada yang berhamburan air liur, ada yang berlelehan air hingus, dan yang paling banyak adalah dari golongan mulut murai dan tempayan; yang bicara tak serupa buat, yang berkata licik tanpa sudi mengenal kepayahan insan. Syok sendiri. Bangga sendiri. Sesedap rasa berempah-ratus. Mulut-mulut dan bibir-bibir yang berbeza-beza.

Bibiran! Keesokannya tanpa kusedar aku menjerit. Sesekali terluap jua kemarahanku walaupun sekadar aku mendengarkan untuk diriku sendiri. Bibiran! Bibiran! Bibiran benar...!

Mengapa mulut-mulut dan bibir-bibir itu bibir-bibir? Tak bolehkan mereka menunggu? Aku tidak punya wang. Belum lagi ketika ini. Aku belum bekerja. Aku bukan kaya. Aku bukan anak orang berada.

Aku cuma kebanyakan, seorang anak asuh mamaku yang sudah tua. Tidak punya tanah. Lagipun aku tinggal di Kampong Ayer, mana ada tanah... Hanya air masin di bawah rumahku yang hanya tahu berdendang surut dan pasang. Dan air masinlah tanahku. Air masinlah pendengar setia. Air masinlah sahabat setia sedari kukecil.

Aku berdoa kepada Tuhan semoga mulut-mulut dan bibir-bibir itu dapat bersabar. Dan aku berdoa kepada Tuhan semoga aku memperoleh pekerjaan secepat mungkin, agar aku bisa melunaskan hutangku dan masalahku yang berlonggok di atas longgokan masalah sejak dulu.

Waduh! Aku masih bimbang. Surat amaran dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik yang datang kemarin kian meresahkanku. Di mana aku bisa mencari wang sebanyak itu? Sedangkan aku sendiri ketika ini hanya mengharapkan wang bulanan dari pencen tua dan bantuan kebajikan mamaku.

\$300 cukupkah? Untuk perbelanjaan sehari-hari saja udah bertarik-tarikan; beli keperluan dapur dan makan minum. Habis bagaimana? Mulut dan bibir dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik sudah dikirim dalam sampul surat berwarna jingga itu. Tuh! Ada di atas meja di ruang tamu. 'Belabih usulnya' bibir dari Jabatan Perkhidmatan Tenaga yang berwarna jingga itu kulihat masih lagi tersenyum simpul, 'membarikan melatuk...'

Mulut dan bibir dari Jabatan Perkhidmatan Elektrik itu satu hal. Itu belum lagi masalah bayaran ansuran rumahku yang sekian lama tertunggak. Seperti yang kuberitahu engkau, dahulu angkanya dimulai dua 'K', sekarang entah tiga... Hari ini saja, udah ada mulut-mulut dan bibir-bibir yang bertanya:

"Bila mau dibayar ansuran rumahnya...?"

Aduh! Resah aku berterusan dan kini aku terpaksa menatap bibirku dalam mulut.

Lain lagi halnya dengan bil telefon. Dahulu bakinya tinggal dua ratus lebih dan mungkin sekarang udah tiga ratus lebih termasuk interest kelewatan membayar yang berkumpulan-kumpul. Sampai sekarang belum kujelaskan lagi walaupun talian sudah lama diputus.

Tapi dengan apa aku

hendak menjelaskannya? Aku tidak punya wang. Belum lagi ketika ini. Aku belum bekerja. Aku bukan kaya. Aku bukan anak orang berada. Aku cuma anak kebanyakan, seorang anak asuh mamaku yang udah tua. Tidak punya tanah. Lagipun aku tinggal di Kampong Ayer, mana ada tanah... Hanya air masin di bawah rumahku yang hanya tahu berdendang surut dan pasang. Dan air masinlah tanahku. Air masinlah pendengar setia. Air masinlah sahabat setia sedari kukecil.

Kusut... Aku kusut... Aku kusut dalam kasut! Ya, angara bibir dan mulut. Dahulu terfikir jua untuk tidak menyambung perkhidmatan telefon di rumahku. Tetapi kerana takut memikirkan mulut-mulut dan bibir-bibir mereka berkata itu ini - kerana aku suka memakai telefon rumah mereka, aku sambung jua telefon rumah. Tak apalah kataku dahulu, cuma \$17.00 sebulan. Tapi sejak dikenakan cas tiga sen seminit, banyak pula mulut dan bibir yang pandai mengampu, pandai bersandiwara. Mulut-mulut dan bibir-bibir yang licik!

Mujurlah mulut dan bibirku tidak penyampai hati. Atas dasar saudara aku tidak marah apabila mulut-mulut dan bibir-bibir itu selalu menggunakan telefon di rumahku. Biarlah kataku kerana mulut dan bibirku tidak suka kejahatan. Biarlah kerana aku mengenangkan hari suka dukaku nanti. Aku tidak mahu dilabel sebagai insan yang punya mulut dan bibir laser!

Tetapi yang aku kesalkan ada di antara mulut-mulut dan bibir-bibir itu pandai menipu! Katanya mulut dan bibirnya meminjam telefon rumahku dengan menggunakan Halo Kad yang dibelinya. Kononnya mulut-mulut dan bibir-bibir itu berjaya mempersendakanku. (Mulanya aku tidak tahu).

Tapi akhirnya, aku tahu

Halo Kad milik mulut dan bibirnya itu sudah tidak ada baki lagi, sudah kosong! Halo Kad yang sudah lama habis dan itulah yang dipakai guna menipu. Pandai sungguh mulut-mulut dan bibir-bibir itu. Licik.

Aku tahu kelicikan mulut-mulut dan bibir-bibir itu hinggan aku sengaja membubuh getah khas untuk mulut-mulut dan bibir-bibir penipu seperti mereka. Dan akhirnya ekor tin-dakanku itu, ada dua pasang bibir yang terkena, melekat, tertinggal di ganggang telefon rumahku. Entah siapa empunya bibir itu sampai sekarang pun masih melekat di gagang telefon. Dan bibir-bibir itu kelihatannya hodoh sekali, busuk lagi berbau. Berbau nafas... Baunya seperti lauk buntu! Mungkin tuan atau puan empunya bibir itu tidak pandai memberikan gigi.

Aku jua membayangkan bagaimana agaknya manusia yang sepatutnya mempunyai bibir itu meneruskan hidup tanpa bibirnya. Bagaimana nanti dia makan? Bagaimana nanti dia senyum? Bagaimana nanti dia bicara? Pelik. Ganjil. Pasti heboh diperkatakan di sana sini, khasnya dalam warta berita atau surat-surat khabar: Manusia tanpa bibir atau manusia tidak berbibir. Pastinya ramai anak-anak takut. Pasti menjengkelkan kerana persis mayat hidup - zombie!

Dari itu, aku mohon jika engkau ada menemukan orang yang tidak mempunyai bibir, suruh saja dia datang ke rumahku. Mungkin saja bibir yang melekat terkena getah di gagang telefonku itu miliknya.

Pesanku, suruh dia mengambil bibirnya kembali kerana aku sendiri tidak ingin bibir-bibir itu selamanya berada dalam rumahku, jadi perhiasan dinding jauh sekali, menyemakkan saja, lebih-lebih lagi bibir-bibir itu hodoh dan berbau nafas, lebih-lebih lagi sebelum

aku membuangnya di bawah rumahku, lebih-lebih lagi sebelum jadi santapan badukang yang rakus.

Itulah seperti yang kukatakan tadi bahawa hakikatnya mulut-mulut dan bibir-bibir manusia ini pelbagai macam, pelbagai karektor; ada yang besar, ada yang hitam, ada yang merah, ada yang tebal, ada yang nipis, ada yang lebar, ada yang leper, ada yang bergaya, ada yang berlipstik, ada yang kontrol ayu, ada yang melating, ada yang kontrol handsome, ada yang berhamburan air liur, ada yang berlelehan air hingus, dan yang paling banyak adalah dari golongan mulut murai dan tempayan; yang bicara tak serupa buat, yang berkata licik tanpa sudi mengenal kepayahan insan. Syok sendiri. Bangga sendiri. Sesedap rasa berempah-ratus. Mulut-mulut dan bibir-bibir yang berbeza-beza.

Bibiran! Sekali lagi besoknya, terluap jua kemarahanku walaupun sekadar aku mendengarkan untuk diriku sendiri. Bibiran! Bibiran! Bibiran benar...!

Aku sedar mulut-mulut dan bibir-bibir akan lancang berkata:

"Itulah kau, kalau tau hidup susah, jangan sesekali meredah pelangi... Parah!"

"Itulah kau, kalau tak punya wang, jangan berlagak mewah!"

"Itulah kau, kalau tak mampu jangan berangan-angan hidup senang!"

"Itulah kau, tak mencerminkan diri sendiri!"

Padahal:

Mulut-mulut dan bibir-bibir itulah yang menggalakkanku mendaki fantasi mimpi.

Mulut-mulut dan bibir-bibir itulah yang memaksaku.

Mulut-mulut dan bibir-bibir itulah yang menggalakkanku.

Mulut-mulut dan bibir-bibir palsu!

Mulut-mulut dan bibir-bibir yang berkata-kata!

Namun: Salahkah aku mengejar cita-citaku?

Salahkah aku menikmati kemajuan seperti orang lain?

Salahkah aku menghirup walau setitis peluang hidup ini?

Salahkah aku berusaha mengubah nasibku?

Salahkah...?

Salahkah?

Atau:

Mestikah aku berterusan mewaris kemiskinan?

Mestikah aku?

Duhai mulut-mulut dan bibir-bibir, mestikah?

Selepas 18 September lepas, tamatnya Kovekesyen Ke-16 Universiti Brunei Darussalam, aku berdoa kepada Tuhan seperti selalu semoga mulut-mulut dan bibir-bibir itu dapat bersabar menanti, menunggu.

Aku berdoa kepada Tuhan agar aku memperoleh pekerjaan secepat mungkin; agar aku bisa mengubah jalan hidupku; agar aku bisa melunaskan segala hutangku dan masalahku yang berlonggok di atas longgokan masalah yang terbit sejak dulu lagi; agar aku menjadi 'insan' di mata mulut-mulut dan bibir-bibir itu; agar mulut dan bibirku bisa bebas; agar mulut dan bibirku bisa kelihatan...

Doakanlah jua aku dengan hatimu, melalui mulut dan bibirmu...

"Semoga mulut-mulut dan bibir-bibir mereka itu berhenti di perbatasan gigi-gigi waktu."

Dan sebelum kita berpisah, hatiku tiba-tiba saja pandai mengarang sajak lantas kusuruhlah mulut dan bibirku menyanyikannya untukmu:

'Mulut dan Bibir'

Manusia punya mulut jua bibir pelbagai ragam pelbagai olah pelbagai cerita berkata ria tertawa manis bicara ada kalanya menikam jiwa hati yang merasa luka dicerca difitnah dikata oleh mulut oleh bibir berbisa.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

PESAN TENTANG KEBANGSAAN
(Kepada cucu-cucu : Akmal Hasanain Ibrahim yang lahir pada 25 Disember 2004 dan 'Ain Khairiyah yang lahir pada 22 Februari 2005)

Pertama-tama cucuku
kuucapkan selamat datang kepadamu
kamu kini menjadi warga keluarga yang baru
bakal menambah tenaga kerja manusia watan
untuk terus menguatkan bina bangsa
kerana itulah yang memang tetap dinantikan
bukannya kamu akan menjadi uras di laut
menambah cemar air atau udara yang dihirup
sekadar membanyakkan bilangan memberati
beban
jika kurang pun nanti tiada siapa merasa
terkilan
kita di sini, cucuku, tiada biasa hidup
seperti itu
kerana dulunya
datu nenemu telah menjadi tiang dan lantai
menegakkan rumah yang bernama
Darussalam ini
ingatlah, engkau pun pasti mengikuti jejaknya.

Untungnyalah kamu ditakdirkan Allah, cucuku
lahir di suasana sedang meniupkan napiri
emosi
waktu orang bercakap-cakap nadanya tinggi
mengumandangkan semangat kebangsaan
dan lagu-lagu tanah air yang menggemuruh
nostalgia kepahlawanan yang tak membilang
lawan.

Di sini tapi, pesanku jangan hanya sekadar
bervaktu
sebutan ini, diucap sekali semusim jadi
dilaung-laungkan di wajah-wajah media
diucap tahniah dalam baris iklan-iklan
dan bendera-bendera tegak bertugalan
dan logo-logo bertimbunan berjungulan
dengan falsafah tafsir yang tak terjangkau
batasnya
kemudian pasukan-pasukan mendada lalu
sebenar menimbulkan pantulan haru
kemudian lenyak dan senyap seperti batu.

Inilah dia makna terbayang yang sedang
ditatar
datang dari segenap penjuru tanah watan
diluahkan selama dua puluh satu tahun
dan kamu cucuku
setelah dewasa akan menyinambungnya
seperti aku dahulu dan dalam puisi-puisiku
untuk membangkit sinar kesedaran
supaya kamu menjadi rakyat yang sebenarnya
membela nasib yang telah dipulihkan ini
kemudian kamu akan mewariskannya
kepada turunan yang akan tiba
menyambungkan lagu-lagu dan pesananku
demikianlah harapkan, jangan kamu lupakan.

Kuceritakan kisahku dahulunya
alangkah dinanya aku tiada berbangsa
berbangsa pun tiada siapa yang tahukan
bangsaku
aku pun dipaksa menyarungi nama bangsa lain
kerana masa itu aku tiada daya lemah upaya
melangkah aku ke laut berjalan ke darat
melayari benua, ke hujung maka ke pisuk
maka bingit telingaku mendengarkan tanya :
"saudara dari mana? wakil negara mana?"
surat perjalananku telah dimeteraikan :
"inilah orang yang diberikan perlindungan."
tapi pelindung itu telah menyesak nafasku
dan membelenggu kaki dan tanganku
dudukku tertekan dan berdiriku tersekat
dan suaraku terpampan jadi bagaikan babau
telungkupkah aku ke tanah mencium debu
tengadahkan aku menjagat kasau
sepertinya jasadku kaku tiada bernyawa.

Sekarang cucuku nyatalah nama bangsamu itu
tegak berdiri di padang saujana dunia
alangkah megahnya di bawah kibaran
benderamu
dan mengumandangkan lagu kebangsaanmu
lalu ketika matamu mendongak ke udara lepas
janganlah lupakan tanah yang di bawah
kakimu
ialah saja yang sebenarnya tempat hidupmu.

Ingati, dalam suasana serba menggagau ini
jangan didedahkan daun pintu rumahmu
jangan luahkan apa jua rahsia hatimu
para pemugut, para penjarah kian
mengintaimu
merebut khazanah yang banyak di dalam
tanahmu
seperti dahulu, yang konon datang bernama
sahabat
tapi ialah juga yang menjadi tuan pemagat
habis beras nenemu dikikisnya
tuhis minyak datumu ditunukannya
maka kita jadi peminta di rumah sendiri :
orang yang datang perutnya kenyang
orang di rumah berguring limping
rimah dan karak jadi rebutan
ini jangan diulang lagi, cucuku.

Sebab itu
aku sentiasa mengguris isim
biarpun ku tua, bongkok berlipat-lipat
namun kesedaran tak pernah luntur
inilah dia negaramu dan negaraku
jangan dirimpihi oleh suara-suara garang
yang hawanya hanya tetap ganas menyerang
supaya engkau kalah menyerah tergelimpang
dia kan jadi tuan, engkau jadi pengangkut
barang.

Cucuku yang kukasihi
sudah 21 musim lalu hari seperti ini
bila kamu dewasa, aku takkan tau apa jadimu
tapi kupinta, jadilah kamu anak yang setia
di dalam kuhup tanah yang tercinta ini
pagari ia dengan menggaris kasih sayangmu
tanami ia dengan pohonan tanda hormatmu
kepada Tuhan angkatkan doa baik harpmu
mudah-mudahan negaramu ini aman sejahtera
selamanya di bawah peliharaan Allah.

Amin.

Yahya M. S.

MENITI HIDUP SENJA

Tahun berganti tahun
meniti hari-hari hidup kais pagi ke senja
arus deras hidup ini
hari, minggu, bulan kelim-kabut mencari
rezeki
lantaran derita yang sarat.

Usia larat tidak kuat
umur diratah waktu, tahun dan zaman
tahun berlalu dan tahun mendatang
bahtera hidup berombak terombang-ambing
belum pernah dilayari sempurna
namun kukuatkan hati untuk
mencuba berjalan di atas ranjau juang.

Kerja keras siang malam
demi mengharap setitik air
segenggam nasi pembalut nadi
anak-anak itu belum tahu erti sedih
aku sering menangis
hiba rawan kesian melihat mereka
masih kecil perlu mengharap sesuatu.

Mereka lahir diriku senja dan
berdepan menyusuri hidup payah
kami tidak menyesal bernasib malang
jangan kami dihinia
kami tidak minta dilahirkan begini
namun kucuba sedaya upaya
sehingga kami menjadi manusia
berguna dan sempurna.

Haji Mat Noor Matussin

KUSUT

Sekelumit sebab ngeri pun tepik
belum pasti membuakkan aib
memeluk kekhuatiran
jatuh tiada tangga!

Sebuah tragedi tanpa darah
mengalami mati hitam
percubaan palsu
putih benarnya!

Ketika teriakan melampaui udara
tak mahu aku berpaling
memastikan adanya
sesuatu dada yang digelapi
iri buta!

Engkau tidak tahu ke mana arah berpergi
tindakan yang membabi
otak yang hitam
memburu
mengejanya
separuh mati!

Aku pun menyepi kembali ke hujung alam
hingga keteduhan tiada dengar
teriak engkau lagi
di balik lusir
kepuasan nafas!

Sehingga kini aku diburu-buru
sindir berkala-kala
di bibir berbuah setan
sangat terhina
di hati engkau
setiap ingap
nafasku!

Engkau sudah mabuk menang di atas para
padahal kekalahan menelan hukum
belum berakhir
di sumbu hatiku!

Sebutir bara dipaksa hidup jua
sampai jelas api memerah
untuk dijadikan unggun besar
di ladang engkau
satu petanda
akhir usia!

Aku adalah aku mahu pertahan sampai bila
aku tahu permainan dunia
yang melihat sebelah mata celik
hukum diterajang
menurut engkau
tak berhukum!

Engkau adalah engkau pertahan sangka
yang tidak tahu benarnya
tragedi tanpa saksi
di bawah bulan kabur
di tengah masa!

Kehilangan sejahtera rimbun yang berbelah
berderai ke lubuk-lubuk terlarang
sopan telanjang
dipukul karang!

Betapa hidup terkandak kebiasaan mesra
muhibah salam ke unggun
ria sopan dipagar adat
kabus disapu cahaya
hidup selalunya
benderang!

Biar betah menahan ladang sejahtera
di embun pagi tak berpanjangan
petang akan kering
dijilat cahaya
berbalik ke pangkal
mengemaskan dirinya!

Tamsilnya aku terlakap pegangan
tangan terkapai-kapai
mencari sesuatu
yang terasa hampa
hanya aku - ke mana
mencari sebelah tangan lagi
hilang tepuk
sunyi!

Apakah engkau terus menyungkah
menafikan kemanusiaan
memenangkan apa yang ada
yang bukan milik
menyisip ke dalam nadi
tiada habis dikikis
sebarang kesucian!

Aku penyedia tangkis-menangkis segala tiba
membetulkan kelemahan di dada
menaikkan wujud
merendahkan semangat dunia
ke mana lagi
selain Maha Penciptaku
sesuatu ketenangan
pasti tiba!

Ke mana lagi kita mencari ketenangan
main sangka-sangka sesuatu hanya
sumbang tiada menentu
mengalpakan kusut-mengusut
gegar pengajaran
ngeri kesedaran
ledak keinsafan
begitulah
aku dan engkau!

DERGAMA

Tercekik hingga ke dasar dalam
muak tak dapat dibendung
mulut berbusa melepas bunyi
merdu terjarak menurut fisik
tabii lambat memperbaiki!

Ke mana muka disorokkan
nyiru damit tiada dapat kabat muka
tersipu ketara berpaling tapak
tak mau hilang
dikejar bayang ...

Hujan tetap rintik-rintik
luagan ditimba masih berair jua!

Apakah kemuliaannya di sisi Tuhan
suci dalam kapas hatinya
caci menjelekan bagai sebutir atom
mendatangkan musibah
anai makan batang hingga mumut.

Tidak atau salah
menyahan dosa!

Yang didergama tiada apa-apa
tenang bagai air dalam danau
riak tiada terusik
untung yang nampak!

Adi Misere

AL-YAMMI (Berpandukan Surah Al-A'raaf)

26 Disember 2004
Al-Yammi melanda
ganas menerjah, menghempas daratan
membawa bersama ombak besar
yang tinggal hanya kemusnahan.

Bagai padang jarak padang tekukur
kesan peninggalan ombak besar Al-Yammi

melambangkan kebesaran kuasa Allah
mengingatkan betapa kita kerdil di sisi-Nya.

Al-Yammi
sebagai pengajaran sekalian umat
bukan semata-mata hanya bencana alam
sedangkan sudah tercatat di dalam Al-Quran
patut dijadikan panduan dalam kehidupan.

Al-Yammi
mengimbas kembali sejarah Nabi Nuh dan
Nabi Musa
kisah kesombongan pengikut Firaun
dan keingkaran kaum Nabi Nuh
sujud kepada Tuhan Yang Maha Esa
sujud kepada Tuhan Yang Satu
sujud kepada Allah Taala
lalu diturunkan Al-Yammi
lautan yang berombak besar
tinggi menggunakan menenggelamkan mereka.

Tsunami hanya kata mereka
sedangkan Al-Yammi yang sebetulnya
kepada kita
kemodenan dan kemewahan dunia sentiasa
menggoda
manusia leka dengan keasyikannya
benarlah manusia sentiasa dalam kerugian
melainkan yang benar-benar
bertakwa kepada Allah.

Zaitul Himmah Izzat

PEMIMPIN

Adalah satu
punya rasa
punya jiwa
dalam mencari
reda Ilahi.

KERESAHAN

Orang kata
kita tak bisa ke mana
orang kata
kita akan jatuh kalau tak berilmu
orang kata
kita akan miskin kalau tak berilmu.

Miskin ilmu
miskin budi
tak berguna.

Orang ketawa
kita menangis duka
orang suka
kita menangis sendirian.

Sorak dan ketawa
bertemu wajah
luka lara hina
tak berilmu
papa kedana
merana sepanjang masa.

Esok anak kita sekolah lagi
yang diajarkan serupa saja
menulis membaca mengira
balik ke rumah buka TV ASTRO
channel apa saja
asal bunyinya ada.

Citra anak-anak kita
citra yang tak menjanjikan apa-apa
reeeaaaaahhhh
ggeeellllissaaahhhh
aaaahhhh
hendaknya engkau peliharakan
Ya Rabb!

Helmi Halim

SEBUAH TANDA TANYA

Di sini hanya aku bertemankan
seribu persoalan
seribu pertanyaan
akulah yang berdosa
lantaran menyalah diri
ke anjung sepi.

Akukah yang terjatuh dalam nafas sendiri
di manakah kasih sayang
keluarga dan adik-adik.

Kalau benar aku silap
tunjukkan kesilapanku
kalau betul aku tergelincir
hulurkan tanganmu memberi bantuan.

tapi aku yakin pada kebenaran
yakin pada kejujuran
pasti pada suratan dan kebetulan.

Akukah yang mencari kebenaran
sampai bila tanda tanya ini akan
menemui titik noktahnya.

Idah



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 23 MAC	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.35	INSIDE THE GRAND PRIX		SPORT	8.00	BERITA NASIONAL
					12.00	SIARAN TAMAT	5.45	BERITA	8.50	DRAMA - 'Menadah Gerimis'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG		6.00	TELEMED		DI BRUNEI
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.31	AZAN MAGHRIB	9.30	NEWS AT 10
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	10.50	HELLO BAKAT	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.45	SINAR	10.00	SUKAN ANTARABANGSA
	9.00	BERITA	11.20	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	4.15	RANCANGAN HARI INI	MALAM		10.30	COSBY SHOW
					4.20	SESAME STREET	7.00	LIPUTAN SEMASA ECA SR. 2	11.00	MUTANT X SR. 2 - 'Inferno'
					5.20	GILLETTE WORLD OF	7.30	AZAN ISYAK	11.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
							7.40		12.20	
KHAMIS 24 MAC	PAGI			Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.35	THE MOST EXTREME 2	8.00	BERITA NASIONAL
			10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG		5.45	BERITA	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.31	AZAN MAGHRIB		NEWS AT 10
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	MASAKAN TRADISI (DAPUR WARISAN SR. 2)	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.45	FIQHUL MIRATS	10.00	DRAMA - 'Yang Tersohor'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	LIPUTAN SEMASA	4.15	RANCANGAN HARI INI	MALAM		10.30	WAYANG PILIHAN - 'After The Rain'
	9.00	BERITA			4.20	ANIMATION HOUR - 'The Twins/Teletubbies'	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		- Ulangan	5.10	ON THE BALL	7.30	WARTA ISLAM	12.30	
							7.40	AZAN ISYAK		
JUMAT 25 MAC	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI		JUMAAT- Siaran Langsung	3.33	AZAN ASAR	7.30	SEIMBAS SR. 2
			10.15	THE LEGEND OF ZORRO	PETANG		3.46	TAYANGAN GAMBAR	7.40	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.50	BEING EVE	1.30	VISI SUCI		HINDI - Sambungan	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.15	APA INI APA ITU	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	5.45	BERITA	9.00	TABIR SR. 3
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BERITA	2.30	BINTANG KECIL 2005 - 'Separuh Akhir 4'	6.00	THE MUSLIM WORLD	9.30	HELLO BAKAT - Ulangan
	9.00	BERITA	11.45	JEJAK RASUL SR. 9 - Ulangan	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Rangela'	6.31	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.15	RETURN OF THE EPIDEMIC DISEASE			6.45	MUTIARA	10.40	KHUTBAH JUMAAT
			12.30	SEMBAHYANG FARDU			MALAM		10.55	TELEDRAWA - 'Kembalinya Kasih Yang Sima'
							7.00	LIPUTAN SEMASA	12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT
SABTU 26 MAC	PAGI		10.05	KIDS HOUR - 'The Silver Brumby/Li'l Elvis Jones and The Truckstoppers'		HIDUP 2 'Cerangin Irama Sawah Padi'	3.32	AZAN ASAR	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN			12.28	AZAN ZUHUR	4.10	NATURAL HISTORY - 'Miracle In The Pacific'	7.00	DUNIA ASIA
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.55	MANAGING GLOBAL BUSINESS	12.45	PANGGUNG PETANG SABTU	5.00	KIDS HOUR - 'Chucklewood Critters/Supermodel'	7.30	PAN ASIA
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20	DRAMA - PICAYAKAH INDA - Ulangan	PETANG			BERITA	7.40	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA			2.25	BELIA KITA - Ulangan	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.30	BERITA	2.50	ODD SPORT	6.10	LATITUDES	8.50	HIBURAN - Bakat 5
	10.00	RANCANGAN HARI INI	12.05	DOKUMENTARI : GAYA	3.15	ANDROMEDA YR. 3	6.31	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
							6.45	PEDOMAN AKIDAH	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Final Run'
									12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
AHAD 27 MAC	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG		3.31	AZAN ASAR	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.05	ANIMATION HOUR - 'Rocket Kidz/Time Blazers'	1.15	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - Preview	5.05	ANIMATION - 'Sleeping Beauty'	7.39	AZAN ISYAK
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	LENS			5.35	WHAT DO YOU THINK ABOUT THAT?	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.15	SUNDAY MATINEE - 'The Road To Eldorado'	1.45	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - Highlight	5.45	BERITA	8.50	DOKUMENTARI KHAS - 'Muzium-Muzium Brunei'
	9.00	BERITA	11.30	BERITA	2.40	JUARA - Siaran Langsung	6.10	NERVES OF STEEL	9.20	TIRAI KELUARGA - 'Puteri Sangkar Maut'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.45	SUNDAY MATINEE - Sambungan	3.15	RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT	6.29	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
			12.27	AZAN ZUHUR			6.45	PENGAJARAN DARI AL-QURAN	11.40	NYPD BLUE
									11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT
ISNIN 28 MAC	PAGI			Sambungan	PETANG		5.45	BERITA	8.50	DRAMA - 'Meniti Sinar'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.55	ANIMALIA	9.30	INFO SIHAT
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.30	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	KALAU DAPUR TAK BERASAP - Ulangan	4.15	RANCANGAN HARI INI	MALAM		10.30	LIGA PERDANA
	9.00	BERITA	11.30	BODY AND SOUL	4.20	ANIMATION - 'Nanook's Great Hunt'	7.00	LIPUTAN SEMASA		MALAYSIA 2005 'Brunei Darussalam lwn Pulau Pinang NTFA'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.15	SPORT PAGE	7.20	ORANGE ROOM SR. 2		
							7.39	AZAN ISYAK		
							8.00	BERITA NASIONAL	12.24	DOA DAN SIARAN TAMAT
SELASA 29 MAC	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.30	AZAN MAGHRIB	8.50	BELIA KITA - 'Peranan Belia Kita'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	AL ISLAM	9.15	E2K - 'Koperasi Satenaga'
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	SAJIAN ORIENTAL - Ulangan	4.20	KIDS HOUR - 'Toy Toons'	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	4.45	GOLI GOLI BRUNEI (Siaran Langsung STD 3)	7.00	DRAMA - 'Kerasik Di Mata' - Ulangan	10.30	CHICAGO HOPE - 'Team Play' - Siri Baru
	9.00	BERITA	12.00	SIARAN TAMAT	5.30	SIMON AND THE LAND OF CHALK DRAWING	7.30	DOKUMENTARI - 'Bangkutut'	11.20	DARK SKIES
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG		5.45	BERITA	7.39	AZAN ISYAK	12.10	DOA DAN SIARAN TAMAT
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	TALK SHOW	8.00	BERITA NASIONAL		

Perkampungan Hari Kebangsaan eratkan perpaduan

KUALA BELAIT, 6 Mac. - Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Matyassin berkata, semangat patriotisme cintakan bangsa dan negara sendiri setentunya datang dari masyarakat yang mahu negaranya maju ke hadapan, lebih berdikari atau mandiri terhadap apa jua pelaksanaan agenda pembangunan dan kemajuan negara.

Tambahnya, Perkampungan Hari Kebangsaan peringkat Daerah Belait telah membuktikan kekuatan, perpaduan dan gandingan yang sihat dan erat di antara pelbagai lapisan masyarakat termasuk pihak

Berita dan gambar-gambar oleh Dk. Hjh Saidah Pg. Haji Omarali

kerajaan, swasta, penduduk mukim dan kampung serta persatuan bukan kerajaan.

"Mudah-mudahan semangat patriotisme seperti bersepadu, berdikari, berbangsa dan bernegara ini kekal di sanubari dan hati penduduk serta masyarakat yang tinggal di Daerah Belait terutama generasi belia yang akan memimpin negara ini pada masa hadapan," ujarnya di Perkampungan Hari Kebangsaan bersempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-21

tahun ini yang diadakan di Padang Bandaran di sini.

Perkara ini, tambahnya, bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan 'Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa' iaitu berhubung dengan menanam nilai dan sifat terpuji seperti perpaduan, bermasyarakat dan berbangsa, mandiri dan cintakan semangat berbangsa serta taat setia kepada raja dan negara yang berdaulat.

Tetamu kehormat di upacara itu Timbalan

Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali. Turut hadir Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar.

Upacara diserikan dengan lagu patriotik dan tarian kebudayaan oleh masyarakat berbilang kaum dan puak antaranya puak Dusun, Belait, Iban serta masyarakat Mukim Liang, di samping persembahan bersepadu mukim-mukim di daerah ini dan persembahan tai chi serta tarian kipas oleh masyarakat Tiong Hwa.

Tetamu kehormat dan para peserta yang hadir kemudian menyaksikan acara sukan dan gerai jualan. Antara barang yang dijual makanan, kraf tangan dan barang antik yang disertai oleh persatuan dan orang persendirian. Juga diadakan pameran oleh jabatan-jabatan kerajaan dan pertubuhan beruniform termasuk Jabatan Penerangan yang mengedarkan pelbagai buku dan poster serta kalendar terbitan jabatan tersebut secara percuma yang mendapat sambutan orang ramai dan pengunjung.



TIMBALAN Pengarah Urusan Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali melancarkan Perkampungan Hari Kebangsaan peringkat Daerah Belait.



GABUNGAN kakitangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria, persatuan dan puak menyampaikan lagu patriotik.



TETAMU kehormat dan Pegawai Daerah Belait serta para jemputan menyaksikan pameran dan jualan masakan serta gubahan kraf tangan daripada Persatuan Pertiwi Daerah Belait.



ASAP dan jerebu tebal akibat kebakaran hutan menyelubungi sebahagian Jalan Seria-Lumut By-Pass.

Seria - Lumut By-Pass ditutup sementara

SERIA, 7 Mac. - Asap dan jerebu tebal akibat kebakaran hutan di beberapa kawasan di Daerah Belait terutama di sepanjang Lebuhraya Seria-Lumut By-Pass mengurangkan jarak penglihatan dan membahayakan pengguna jalan raya berikutan negara mengalami kemarau pada ketika ini.

Sehubungan itu pihak polis mengambil tindakan menutup sebahagian jalan apabila kebakaran hutan bermula sejak petang Sabtu lalu dan kira-kira 20 orang anggota Bomba Seria bekerja keras me-

ngawal api daripada merebak.

Menurut pihak bomba ketika dihubungi menyatakan keadaan asap dan jerebu tebal di sepanjang jalan yang terjejas itu semakin berkurangan sementara tiga orang anggota polis ditugaskan bergiliran mengawal lalu lintas dan menasihati pemandu supaya mematuhi arahan papan tanda polis yang disediakan di sepanjang laluan yang terjejas itu.

Selain itu pihak polis juga menasihati pemandu supaya sentiasa lebih berwaspada dan berhati-

hati dengan memasang lampu kereta mereka pada bahagian jalan yang teruk diselubungi asap.

Berikutan penutupan sementara jalan raya tersebut, orang ramai mengadu kerana kesesakan lalu lintas pada sebelah pagi ramai yang hendak pergi bekerja dan menghantar anak ke sekolah. Bagaimanapun bagi keselamatan semua, pihak polis meminta orang ramai dan yang berhasrat ke Daerah Belait supaya menggunakan jalan raya lama untuk sampai ke destinasi yang dituju dengan selamatnya.

SMSA terima pelajar baru Pra U I

KUALA BELAIT, 7 Mac. - Timbalan Pengetua 1 Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Haji Mohd. Aden bin Haji Hamdan mengingatkan pelajar Pra U I bahawa sumber utama kejayaan seseorang pelajar bergantung rapat dengan disiplin diri.

Katanya, disiplin diri yang kukuh dan mantap, sikap proaktif serta kebolehan menilai yang positif dan negatif, tidak mudah terpengaruh dengan unsur yang membawa keruntuhan akhlak menjadi asas kejayaan.

"Sikap hormat-menghormati antara satu sama lain hendaklah ditanam dan disemai dalam diri pelajar dan dijadikan sebagai budaya kehidupan sehari-hari bukan saja di dalam sekolah, malah di luar sekolah juga mesti dipraktikkan," ujarnya di Majlis Pendaftaran dan Kemasukan Pelajar Pra U I Sesi Akademik 2005/2006 Sekolah Menengah Sayyidina Ali.

Balau juga mengingatkan mereka yang akan melangkah ke Pusat Pengajian Tingkatan Enam dan universiti supaya dapat memahami tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pelajar bukan hanya mengejar ilmu pengetahuan di dunia, tetapi juga menaikkan tuntutan agama sebagai pegangan hidup hendaklah diseimbangkan dan tidak diabaikan.

Tambahnya, negara memerlukan generasi yang berilmu tinggi, berdisiplin dan mempunyai pegangan agama yang kukuh dan mantap. Oleh itu tanggungjawab yang bersepadu amat penting bukan saja pihak sekolah atau guru malah ibu bapa dan penjaga pelajar memainkan peranan penting bagi mendorong dan memberi pengajaran bagi melahirkan pelajar yang lebih berkeyakinan, mantap, pintar dan pandai dalam belajar dan pandai pula meningkatkan kemahiran mereka.

"Banyak kajian menunjukkan pelajar yang mempunyai ibu bapa atau penjaga yang lebih mengambil berat dan melibatkan diri mereka dalam pembelajaran, anak-anak mereka akan lebih berjaya," katanya.

Seramai 337 orang pelajar telah berjaya melayakkan diri meneruskan pengajian tingkatan enam di sekolah tersebut. Penubuhan Pusat Tingkatan Enam di sekolah itu sebagai usaha kerajaan untuk menangani peningkatan dan kepesatan kemasukan pelajar di daerah ini, di samping mengurangkan kesesakan pelajar menuntut di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Sehubungan itu beberapa buah pusat tingkatan enam juga ditubuhkan di Daerah Tutong dan Bandar Seri Begawan serta kawasan Perumahan Lambak Kiri dalam sedikit masa lagi, di

samping pusat kekal juga akan dibina di daerah ini.

Sekolah tersebut telah berjaya meningkatkan pencapaian pelajar di dalam peperiksaan A Level tahun lalu dengan 14 orang pelajar memperoleh 4 A dan 1 AS manakala 53 mendapat 3A 1 AS sementara 133 pula mendapat sekurang-kurangnya 2 A ke atas. Pada tahun sebelumnya lima orang pelajar yang telah dianugerahkan dermasiswa kerajaan dan Syarikat Minyak Brunei Shell telah mendapat kejayaan cemerlang dan seorang daripada mereka telah mendapat Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kelas Pertama dalam bidang Kejuruteraan dari Universiti Manchester.



Pelajar baru Pra U I Sekolah Menengah Sayyidina Ali melafazkan ikrar mereka diketuai oleh Ketua Majlis Perwakilan Pelajar.



**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

REQUEST FOR INFORMATION (RFI) FOR PROJECTS OF:
1. IPS TRACKING AND TRACING MAIL ITEMS
2. E-POST PROJECT

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos ingin memaklumkan kepada Syarikat-syarikat yang menyertai "REQUEST FOR INFORMATION" bagi projek-projek di atas bahawa penukaran tarikh-tarikh bagi penghantaran maklumat untuk pelaksanaan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:-

1. IPS TRACKING AND TRACING MAIL ITEMS:
Tarikh tutup telah **DILANJUTKAN** sehingga hari **Khamis, 31 Mac 2005**.
2. E-POST PROJECT:
Tarikh tutup telah ditukar kepada hari **Sabtu, 30 April 2005 BUKANNYA 31 Mei 2005**.

Sehubungan dengan itu maklumat-maklumat bagi projek-projek tersebut bolehlah dihantar kepada:-

Peti Sebutarga,
Bahagian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Pos,
Tingkat 1, Bangunan Pejabat Pos Besar,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam,
ATAU
Ketua Pos Agung,
Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan,
Tingkat 1, Bangunan Pejabat Pos Besar,
Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam,
Jabatan Perkhidmatan Pos,
Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : POS/02/02.37 Pt. 1

**TAWARAN MENYEWAKAN TINGKAT ATAS PEJABAT POS LUMUT,
KAMPONG LUMUT, DAERAH BELAIT BAGI
PUSAT PERKHIDMATAN 'CYBER CAFE'**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-syarikat tempatan untuk menyewakan ruang atas Pejabat Pos Lumut untuk Pusat Perkhidmatan 'cyber cafe'.
2. Tawaran adalah untuk tempoh 3 (tiga) tahun mulai dari tarikh perjanjian penyewaan ditandatangani.
3. Pemohon hendaklah menyatakan cadangan sewa bagi satu (1) bulan dengan menulis angka dan diikuti oleh perkataan.
4. Salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Bab 16 dan 17) hendaklah disertakan.
5. Tawaran hendaklah dibuat dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pengirim, dialamatkan kepada:-
Peti Sebutarga, Bahagian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Pos, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan BS8611, Negara Brunei Darussalam.
6. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Khamis, 31 Mac 2005** jam 2.00 petang.
7. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Borang tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Perkhidmatan dan Tawaran di Tingkat atas Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan pada waktu pejabat.
9. Syarikat yang berhasrat untuk mengikuti tawaran ini bolehlah mendapatkan Dokumen Tawaran dengan harga \$30.00 (tidak dikembalikan) daripada Unit Perkhidmatan dan Tawaran Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan pada waktu pejabat. Bayaran hendaklah dibuat secara tunai.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling tinggi atau sebarang tawaran.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran : JPI/5/2005

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil KPSU, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 5 April 2005** bagi tajuk berikut:-
Bilangan Tawaran : JPI/5/2005
TAWARAN BAGI THE SUPPLY AND DELIVERY OF PE ROPES FOR COMMERCIAL FISHING OPERATORS
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
3. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta pe-nerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Setiap syarikat yang menyertai tawaran ini adalah dikehendaki untuk membayar yuran tawaran sebanyak B25.00 bagi tiap-tiap satu tawaran (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN TANAH,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI KERANI PENDAFTAR TANAH

1. **JAWATAN : KERANI PENDAFTAR TANAH**
BAHAGIAN IV. TANGGA GAJI : D.3-4 EB.5
DI JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
2. **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:**
 - a. Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b. Mempunyai pengetahuan tentang kemasrakan agama Islam, adat istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
 - c. i. Mempunyai Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (ONC) atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang hal ehwal Tanah atau Pentadbiran Tanah atau dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut di atas adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
Telah berkhidmat di Jabatan Tanah dalam jawatan yang berkaitan dengan pendaftaran tanah atau dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji D.1 selama tidak kurang dari 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan. ATAU
ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
3. **SYARAT-SYARAT LAIN**
 - a. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar masa pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
 - b. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
4. **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**
 - a. Membuat pendaftaran hakmilik tanah dan hal-hal lain yang diperlakukan ke atasnya sama ada pendaftaran secara



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran : JPT/TAW/30/2004

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 5 April 2005**.

Bilangan Tawaran : JPT/TAW/30/2004:
MENINGKATKAN TARAF INFRASTRUKTUR LADANG KEMAJUAN PERTANIAN LUAR BANDAR (KPLB) BAGI DAERAH TEMBURONG.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran Tawaran sebanyak B\$100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona fide tender) yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Neagra Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

manual atau pendaftaran menggunakan komputer.

- b. Mengemaskinkan pendaftaran bagi hakmilik tanah dan hal-hal lain yang diperbuat ke atasnya.
- c. Menyediakan dan mengeluarkan geran-geran tanah baru serta membuat penyemakan dan penelitian ke atas setiap pendaftaran ke atas geran-geran tanah berkenaan.

5. TEMPOH PERCUBAAN DAN PENETAPAN JAWATAN

- a. Kerani Pendaftaran Tanah yang baru berkhidmat akan dikehendaki menjalani tempoh percubaan selama 3 tahun.
- b. Kerani Pendaftaran Tanah yang telah berjaya menamatkan tempoh percubaan dan memenuhi syarat bagi penetapan jawatan serta mendapat sokongan Ketua Jabatan akan ditetapkan dalam jawatannya.

6. KURSUS/LATIHAN

Kerani Pendaftaran Tanah adalah dikehendaki mengikuti setiap kursus/latihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

PERINGATAN:

Seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan termasuk pemohon yang berkhidmat dalam perkhidmatan bergaji hari hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyerahkan bersama-sama dengan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap dan diakui sah dan laporan penilaian prestasi bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan.

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod bertentangan dengan nama jawatan dipohonkan tanpa di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam satu salinan borang SPA 1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Pesuruhjaya Tanah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Tingkat 4, Kaunter Bahagian Pentadbiran, Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : HARI RABU 27 APRIL 2005



**JABATAN PENTADBIRAN DAN
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**PEMBETULAN TARIKH TUTUP BAGI BILANGAN TAWARAN
MOE/LTK/100/2005 (JPRM-MAC-05) HINGGA
MOE/LTK/102/2005 (DTE-MAC-05)**

MERUJUK perkara di atas dimaklumkan bahawa tarikh tutup Bilangan Tawaran yang tersebut di atas yang telah diiklankan melalui PELITA BRUNEI keluaran 16 Mac 2005 muka 6 adalah sebetulnya pada 5 April 2005 dan bukannya pada 29 Mac 2005 seperti yang telah diiklankan

Awda BELUM MEMBACA Pelita Brunei?

Silalah Laman Web kami:

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>



JABATAN PEPERIKSAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN

BILANGAN : 6/2005

PEPERIKSAAN BRUNEI-CAMBRIDGE GCE PERINGKAT 'O', 'AS' DAN 'A' OKTOBER/NOVEMBER 2005

JABATAN PEPERIKSAAN, Kementerian Pendidikan sedang membuat persediaan bagi pendaftaran Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E Peringkat 'O', 'AS' dan 'A' Oktober/November 2005 yang mana akan bermula pada 14 Mac 2005 hingga 30 April 2005. Senarai mata pelajaran yang akan ditawarkan adalah seperti berikut:-

1. Syarat-Syarat Pendaftaran Peperiksaan.

1.1 Peperiksaan G.C.E. Peringkat 'A'

a. Calon Sekolah

- Penuntut-penuntut Menengah 6 Atas pada tahun 2005 adalah berkelayakan untuk didaftarkan bagi peperiksaan G.C.E. peringkat 'A'.
- Setiap calon mestilah mengambil sekurang-kurangnya dua mata pelajaran 'A' level.

b. Calon Persendirian

- Calon-calun persendirian yang hendak menduduki peperiksaan peringkat 'A' mestilah lulus dengan kredit dalam sekurang-kurangnya tiga mata pelajaran dalam peperiksaan peringkat 'O' pada sekali duduk. Kelulusan ini mestilah dicapai sekurang-kurangnya dua tahun sebelum peperiksaan yang hendak didaftarkan. Calon-calun mestilah menyertakan salinan-salinan dokumen seperti surat berhenti sekolah slip keputusan peperiksaan atau sijil peperiksaan peringkat 'O'.
- Setiap calon yang pertama kali mendaftar peperiksaan ini mestilah mengambil sekurang-kurangnya dua mata pelajaran 'A' level.

1.2 Peperiksaan G.C.E. Peringkat 'AS'

a. Calon Sekolah

- Penuntut-penuntut Menengah 6 Bawah dan Menengah 6 Atas pada tahun 2005 adalah berkelayakan untuk didaftarkan bagi peperiksaan G.C.E. peringkat 'AS'.
- Setiap calon yang pertama kali mendaftar peperik-

saan ini mestilah mengambil sekurang-kurangnya dua mata pelajaran 'AS'.

1.3 Peperiksaan G.C.E. Peringkat 'O'

a. Calon Sekolah

- Penuntut-penuntut Menengah 5 dan menengah 6N pada tahun 2005 adalah berkelayakan untuk didaftarkan bagi peperiksaan G.C.E. peringkat 'O'.
- Setiap calon mestilah mengambil tidak kurang daripada enam mata pelajaran dan tidak melebihi lapan mata pelajaran manakala calon mengulang bolehlah mengambil sekurang-kurangnya lima mata pelajaran. Jika terdapat calon sekolah yang berhajat untuk mengambil lebih daripada lapan mata pelajaran, pihak Maktab/Sekolah hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran daripada Pengarah Peperiksaan.

b. Calon Persendirian

- Calon-calun persendirian yang hendak menduduki peperiksaan peringkat 'O' mestilah lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau Brunei Junior Certificate of Education (BJCE). Kelulusan ini mestilah dicapai sekurang-kurangnya dua tahun sebelum peperiksaan yang hendak didaftarkan. Salinan dokumen seperti surat berhenti sekolah, slip keputusan peperiksaan atau sijil peperiksaan hendaklah disertakan.
- Setiap calon yang pertama kali mendaftar peperiksaan ini mestilah mengambil sekurang-kurangnya empat mata pelajaran 'O' level.

2. Borang pendaftaran

a. Calon Sekolah

Pihak Maktab/Sekolah adalah dipertanggungjawabkan untuk melengkapkan borang pendaftaran peperiksaan.

b. Calon Persendirian

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lengkap yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka.

3. Bayaran Pendaftaran Peperiksaan

a. Calon Sekolah

- Penuntut-penuntut yang mengulang adalah dikenakan bayaran pendaftaran peperiksaan seperti Surat Keliling Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam bilangan 1/7/1999 yang bertarikh 24 Februari 1999. Wang pendaftaran akan dikembalikan dengan syarat penuntut-penuntut berkenaan hadir semua mata pel-

ajaran semasa peperiksaan.

